*The year highlights remarkable outcomes from a dynamic construction transformation blueprint following its first full year of implementation and this is poised to accelerate the growth of Malaysian construction sector towards becoming a sustainable world-class industry. Hence, on behalf of the Board Members, I am very pleased to present the Annual Report of the Construction Industry Development Board (CIDB) together with its Audited Financial Statements for the year ended 31 December 2016.*

### BACKDROP OF THE NATION'S CONSTRUCTION SECTOR OPERATING ENVIRONMENT

*Despite the challenging domestic economic climate and uncertainties in the global economic landscape, the overall operating environment in the Malaysian construction sector remained favourable in 2016. This was due to the positive sentiment in the industry, which was triggered mainly by the on-going and newly implemented multi-billion Ringgit government-led infrastructure projects as well as private sector-driven development projects during the year.*

*Besides accelerating construction development in preparation for future demand of the nation's economy, the Construction Industry Transformation Programme (CITP) is also part of a strategic programme under the Eleventh Malaysia Plan to boost the nation's economic growth. It is a focused and dynamic construction development blueprint; designed to enhance the Malaysian construction industry to its next level of growth in terms of quality, safety, professionalism, environmental sustainability, productivity and international competitiveness.*

*In 2016, the construction sector of Malaysia expanded by 7.4% compared to 8.2% recorded in 2015 with value of RM50.0 billion. A total of 6,547 construction projects valued at RM176 billion was recorded by CIDB, an increase of 25% compared to RM141 billion in the previous year. The encouraging construction sector rate of expansion; followed by an expansion in size, value and complexity of construction works undertaken by local industry players during the year has managed to provide sufficient suitable test beds for successful implementation of numerous CITP Strategic Thrust Initiatives on the ground.*



## KEPUTUSAN KESELURUHAN PROGRAM TRANSFORMASI INDUSTRI PEMBINAAN

Usaha gigih yang disemai sepanjang tahun 2016 telah menghasilkan keputusan yang memberangsangkan pada tahun pertama pelaksanaan CITP. Daripada 96 Petunjuk Prestasi Utama (KPI) di bawah empat Teras Strategik CITP yang direalisasi melalui 20 inisiatif, CIDB telah diamanahkan untuk melaksanakan 72 KPI secara langsung.

Saya dengan sukacitanya ingin memaklumkan bahawa CIDB menampilkkan prestasi yang baik dalam merealisasi kebanyakan sasaran KPInya di mana 57 daripada keseluruhan KPI mencatatkan pencapaian lebih 90%, sementara baki sembilan KPI lagi mencapai sasaran antara 80% hingga 89%. Lima KPI mencapai antara 61% hingga 79%, sementara hanya satu KPI sahaja mencapai 40% sasarnya. CIDB sebagai agensi utama yang diamanahkan oleh kerajaan untuk mentransformasi industri pembinaan Malaysia menjadi sektor bertaraf dunia, komited untuk memenuhi matlamat CITP dan melalui Teras Strategik dorongannya, iaitu Penyampaian Perkhidmatan dan Penjenamaan Korporat, kami telah menetapkan 23 KPI/program, di mana kesemuanya berjaya mencapai lebih 80% daripada KPI yang disasarkan dan 14 KPI mencapai lebih 100%.

## OVERALL RESULTS OF CONSTRUCTION INDUSTRY TRANSFORMATION PROGRAMME

*The seeds of hard work sowed in 2016 through CITP have brought about tremendous results during its first year of implementation. Of the total 96 Key Performance Indicators (KPIs) assigned on four CITP Strategic Thrusts which were realised through 20 initiatives, CIDB is entrusted to directly implement 72 of the 96 KPIs.*

*I am pleased to inform that CIDB performed well in realising most of its KPI targets where 57 of its KPIs scored more than 90%, while the remaining nine KPIs achieved between 80% to 89% of its targets; five KPIs scored between 61% to 79%, while the remaining one KPI managed to achieve 40% of its target. CIDB as the main agency entrusted by the government to transform the Malaysian construction industry into a world class sector, is committed to fulfil the goals of CITP and through its self-driven Strategic Thrusts namely Service Delivery and Corporate Branding. We have set in place 23 KPIs/programmes, all of which have achieved more than 80% of the targeted KPIs, with 14 KPIs exceeded 100%.*

“

**Saya dengan sukacitanya ingin memaklumkan bahawa CIDB menampilkkan prestasi yang baik dalam merealisasi kebanyakan sasaran KPInya di mana 57 daripada keseluruhan KPI mencatatkan pencapaian lebih 90%, sementara baki sembilan KPI lagi mencapai sasaran antara 80% hingga 89%**

*I am pleased to inform that CIDB performed well in realising most of its KPI targets where 57 of its KPIs scored more than 90%, while the remaining nine KPIs achieved between 80% to 89% of its targets*

Secara keseluruhan, pencapaian CIDB di peringkat Teras Strategik melebihi 80%. Inisiatif Teras Strategik Kualiti, Keselamatan, Profesionalisme merekodkan KPI paling tinggi dengan pencapaian 94%. Teras Strategik Kemampuan Alam Sekitar mencapai skor KPI 88%. Pencapaian KPI kedua paling tinggi ialah Teras Strategik Produktiviti dengan 92% menepati sasaran. Sementara itu, Teras Strategik Pengantarabangsaan mencapai KPI 89%.

Overall, CIDB's achievement at Strategic Thrust level has managed to exceed 80% in achievement. Quality, Safety, Professionalism Strategic Thrust Initiatives meanwhile, recorded the highest KPIs with a 94% score. Environmental Sustainability achieved 88% on the KPI score; and the second highest KPI score was the Productivity Strategic Thrust Initiatives with 92%. Internationalisation Strategic Thrust Initiative subsequently achieved 89% on the KPI score.

## PRESTASI CITP MENGIKUT TERAS STRATEGIK

### ST1: Kualiti, Keselamatan Dan Profesionalisme

Di bawah Teras Strategik Kualiti, Keselamatan, Profesionalisme, yang meliputi empat inisiatif dengan 28 KPI, CIDB terlibat secara langsung dalam 17 KPI di mana keseluruhan inisiatif tersebut mencapai skor lebih daripada 90%.

Pada tahun 2016, CIDB mempromosi secara proaktif program penambahbaikan kualiti dengan menggalakkan penggiat industri menjalani penilaian QLASSIC bagi projek pembinaan yang mereka jalankan. Dari pada 301 projek yang menjalani penilaian tersebut, 68% mencapai lebih 70% mata. Pada masa yang sama, CIDB sedang membangunkan portal QLASSIC yang akan siap sepenuhnya pada tahun 2017.

Sementara itu, bagi mengurangkan kadar kemalangan dan kecederaan di tapak pembinaan, CIDB telah melatih 477 Pegawai Keselamatan dan Kesihatan (SHO) dan 614 Penyelia Keselamatan Tapak bagi memenuhi kekurangan personel keselamatan terlatih secara profesional dalam industri ini. CIDB secara kolaborasi dengan SIRIM telah membangunkan Standard Malaysia bagi Kemudahan dan Tempat Tinggal Sementara Pekerja Binaan (Kod Amalan) untuk mempertingkatkan taraf kehidupan di tapak bina dan kod amalan ini telah dikeluar dan diterbitkan secara rasmi pada tahun 2016.

Pada tahun ini, CIDB menerbitkan laporan undang-undang 2015 yang membantu penggiat industri menangani pelbagai halangan peraturan semasa menjalankan urusan mereka. During the year, CIDB published its construction law report 2015 to assist industry players in overcoming the regulatory obstacles and constraints in daily business activities.

Objektif di sebalik pelaksanaan CITP tidak akan berkesan sepenuhnya jika pengetahuan dan tahap kesedaran tentang kewujudannya tidak sampai kepada kumpulan sasaran yang dikehendaki. Justeru, pada tahun 2016, CIDB telah membangunkan Portal CITP di mana para pelawat boleh mendapatkan maklumat dan perkembangan terkini mengenai perjalanan CITP. Selain itu, CIDB turut menganjurkan sejumlah 47 acara menyemarakkan tahap kesedaran tentang inisiatif CITP di seluruh negara. Platform media sosial CIDB seperti Facebook dan Twitter telah mencapai tiga juta pengunjung pada akhir tahun ditinjau.

Pada tahun ini juga, Kumpulan Kerja Teras Strategik Kualiti, Keselamatan, Profesionalisme CITP telah memperkenalkan integriti dan tadbir urus sebagai sebuah inisiatif baharu pada bulan November 2016 dan persediaan untuk melaksanakannya sedang berjalan lancar.

## CITP PERFORMANCE BY STRATEGIC THRUSTS

### ST1: Quality, Safety And Professionalism

*Under Quality, Safety and Professionalism Strategic Thrust, comprising of four initiatives with 28 KPIs, CIDB is directly involved in 17 KPIs where overall initiatives achieved were more than 90%.*

*In 2016, CIDB proactively promoted quality improvement programme by encouraging industry players to undertake QLASSIC assessment for their construction projects. Out of 301 projects which underwent the assessment, 68% of them scored more than 70% points. At the same time, CIDB is developing a QLASSIC portal which is scheduled to take off in 2017.*

*Meanwhile, to reduce the rate of accidents and injuries at construction sites, CIDB trained 477 Safety and Health Officers (SHO) and 614 Site Safety Supervisors to fill the shortage for professionally trained safety personnel in the industry. CIDB, in collaboration with SIRIM, developed the Malaysian Standards for Temporary Construction Workers' Amenities and Accommodation (Code of Practice) to better the standard of living at work sites and the code of practice was officially issued and published in 2016.*

*During the year, CIDB published its construction law report 2015 to assist industry players in overcoming the regulatory obstacles and constraints in daily business activities.*

*The objectives behind the implementation of CITP will not be fully effective if knowledge and awareness of its existence do not reach its intended target group. Hence, in 2016, CIDB developed the CITP portal where visitors may seek information and receive updates on CITP's development. Apart from that, CIDB organised in total of 47 CITP initiative awareness events nationwide. CIDB's social media platform such as Facebook and Twitter had reached three million users at year-end.*

*CITP's Quality, Safety, Professionalism Strategic Thrust Working Group had during the year introduced integrity and governance as a new initiative in November 2016, and preparation to take off is underway.*

## **ST2: Kemampanan Alam Sekitar**

Kemampanan Alam Sekitar mempunyai lima inisiatif dengan 17 KPI. CIDB terlibat secara langsung dalam lapan KPI yang secara purata mencapai 88% kadar kejayaan.

Dalam persekitaran kehidupan masakini yang kompleks, inovasi dalam kemampanan pembinaan merupakan kaedah terbaik untuk melindungi persekitaran kita daripada terjejas berikutan aktiviti pembinaan yang dijalankan. CIDB mempromosi MyCREST iaitu sejenis alat ciptaan tempatan yang mampu mengukur pengurangan pengeluaran karbon dan tahap kemampanan bagi menggalakkan penggiat industri melaksanakan tanggungjawab mereka melindungi alam sekitar di mana mereka sedang menjalankan kerja pembinaan. Pada tahun 2016, MyCREST telah diamalkan dalam 24 projek oleh 20 pemaju di bawah REHDA. Pada masa yang sama, tiga universiti dan sebuah institusi profesional telah menandatangani MoU untuk menjadi rakan penyelidikan CIDB untuk menjayakan inisiatif ini.

Oleh kerana projek awam sentiasa dirujuk oleh penggiat industri dalam pematuhan kepada pelbagai amalan terbaik, projek-projek tersebut akan digunakan untuk mendorong penggiat industri mencontohi amalan kemampanan yang dilaksanakan. Sejak dengan langkah ini, Kementerian Kewangan telah bersetuju untuk merintis ISO14001 bagi projek bernilai RM500 juta ke atas. Selain itu, satu garis asas untuk pengurangan karbon juga telah diwujudkan pada tahun ditinjau.

Pada tahun ini, sebagai sebahagian daripada perancangan CITP, KeTTHA, salah sebuah rakan strategik CIDB telah menyiapkan sebuah modul pembinaan perintis bagi penjimatan tenaga. Ia bertujuan untuk memudahkan industri menggunakan pakai amalan kemampanan. Sisa binaan yang dilupuskan semasa pembinaan merupakan anasir yang menjelaskan alam sekitar dan untuk mengurangkan masalah ini, satu garis asas bahan buangan pembinaan dan perobohan (C&D) yang boleh dikitar semula telah diwujudkan pada tahun ini. Sebuah pusat kitar semula bahan C&D di Sungai Kertas, Selangor telah dikenal pasti dan diluluskan.

## **ST3: Produktiviti**

Bagi Inisiatif Teras Strategik Produktiviti yang mempunyai enam inisiatif dan 47 KPI, CIDB komited terhadap pelaksanaan 38 KPI. Kadar kejayaan yang dicapai oleh Teras Strategik ini pada tahun ditinjau adalah 93% di mana secara purata, 34 inisiatif mencapai KPI melebihi 90%.

Sebagai sebahagian daripada komitmennya untuk terus melabur dalam pembangunan modal insan dalam industri pembinaan, pada tahun ditinjau, CIDB menyediakan akses kepada 604 perantis untuk menjalani latihan di tempat kerja dalam beberapa bidang kemahiran pembinaan. Bagi mengelakkan situasi lebihan atau kurangan tenaga buruh pembinaan, CIDB dan rakan-rakan strategiknya telah menjalankan kajian tentang permintaan dan bekalan tenaga kerja dan langkah ini akan membolehkan CIDB mempertingkatkan kawalan dan keseimbangan dalam bekalan tenaga kerja pembinaan.

## **ST2: Environmental Sustainability**

Environmental Sustainability has five initiatives with 17 KPIs. CIDB is directly responsible for eight KPIs, which on average achieved 88% success rate.

*In today's complex living environment, innovation in sustainable construction is the way forward to protect our environment from decay as a result from construction activities. CIDB promotes MyCREST, a locally grown carbon reduction and sustainability rating tool to encourage industry players to perform their responsibility in protecting the environment at their worksites. In 2016, MyCREST was adopted in 24 projects successfully by 20 developers under REHDA. At the same time, MoUs were signed with three universities and one professional institution to become CIDB's research partners for this issue.*

*As public projects have always been referred to by industry players for compliance to various best practices, these projects will therefore be tasked to lead the charge on sustainable practices. In tandem with that, the Ministry of Finance has agreed on piloting the ISO14001 for public projects above RM500 million. In addition, a baseline for carbon reduction was established during the year under review.*

*During the year, as part of CITP's plan, KeTTHA, one of CIDB's strategic partner has completed a pilot construction module for energy conservation. This is to facilitate industry's adoption of sustainable practices. Waste disposed during construction is a menace to the environment and to reduce this, a baseline for construction and demolition (C&D) waste recycled was established during the year. One C&D waste recycle centre in Sungai Kertas, Selangor was identified and approved.*

## **ST3: Productivity**

*For initiatives under the Productivity Strategic Thrust, which has six initiatives and 47 KPIs, CIDB is committed in the implementation of 38 KPIs. The success rate achieved during the year was 93% and on average, 34 initiatives achieved more than 90% of their respective targets.*

*As part of its commitment to continue investing in the human capital development in the construction industry, CIDB had during the year provided access to 604 apprentices to undergo on-the-job training in various construction skill trades. To avoid a situation of construction labour glut or shortage, CIDB and its strategic partners have conducted a study on manpower demand and supply, thereby enabling CIDB to enhance the control and balance of construction workforce supply.*

Dalam situasi kekurangan tenaga buruh yang teruk, penggunaan teknologi moden dalam pembinaan amat sesuai untuk menangani masalah tahap produktiviti yang rendah dalam industri pembinaan. Sejajar dengan situasi itu, CIDB telah menggalakkan secara agresif penggunaan Sistem Pembinaan Secara Berindustri (IBS) di kalangan penggiat industri. Seramai 356 profesional IBS telah diberi latihan dalam IBS dan reka bentuk Koordinasi Modular dan mereka dijangka akan menjadi sebahagian daripada ejen perubahan dalam peningkatan produktiviti pembinaan.

Teknologi pembinaan bukan sahaja mampu meningkatkan produktiviti pembinaan, malah ia bermanfaat untuk menambahbaik kualiti, keselamatan, kecekapan kos dan penyampaian projek secara keseluruhan. Salah satu teknologi tersebut ialah Model Maklumat Bangunan (BIM), iaitu alat kolaborasi berbilang disiplin yang cekap membantu para pengguna merancang dan mengurus setiap fasa proses pembinaan. Pusat Latihan BIM dan Garis Panduan BIM Kebangsaan telah dibangunkan pada tahun ditinjau. Pusat MyBIM bersama Satelit BIM yang terdiri daripada tiga universiti tempatan dan sebuah institusi profesional telah melatih seramai 633 personel binaan pada tahun ini. CIDB dengan kerjasama rakan strategiknya telah mengambil bahagian dalam pembangunan Garis Panduan BIM yang disedia untuk memudahkan rujukan oleh masyarakat pembinaan.

Ketersediaan maklumat pembinaan strategik perlu bagi membantu penggiat industri membuat keputusan kritikal dalam perancangan dan pengurusan pembinaan dan bagi memenuhi keperluan ini, CIDB telah mewujudkan Pusat Maklumat Industri Pembinaan Kebangsaan (NCIIC). Sementara itu, myN3C yang mempunyai 5,000 pengguna berdaftar telah beroperasi pada tahun 2016 dan akan dilancarkan secara rasmi pada tahun 2017.

Sebanyak 30 Maklumat Kos Pembinaan telah disiapkan pada tahun ini dan baki selebihnya sedang dibangunkan. Pada masa yang sama, manual dan sistem bagi unjuran permintaan pembinaan (myPROJEXIS) telah berjaya disiapkan pada tahun ini.

Bagi menangani pelbagai isu kontraktor PKS Bumiputera, CIDB telah secara agresif menyediakan kumpulan kontraktor ini dengan pelbagai jenis latihan yang diperlukan. Seramai 7,500 kontraktor Bumiputera telah diberikan latihan di bawah program Pembangunan Kontraktor Berterusan, 2,500 kontraktor dalam IBS, sementara 100 kontraktor diberikan latihan dalam Pengurusan Fasiliti.

#### **ST4: Pengantarabangsaan**

Teras Strategik bagi Pengantarabangsaan mempunyai empat inisiatif dengan 13 KPI, di mana sembilan KPI diletakkan di bawah tanggungjawab CIDB. Pada tahun ini, lapan KPI di bawah Inisiatif Teras Strategik Pengantarabangsaan mencapai lebih 90% kadar kejayaan.

Matlamat muktamad CITP adalah untuk mentransformasi sektor pembinaan Malaysia menjadi sebuah industri berdaya saing bertaraf global, tidak kira sama ada penggiat industri beroperasi di pasaran tempatan ataupun di luar sempadan negara. Selaras dengan matlamat

*In situations of acute labour shortage, the use of modern technologies in construction fits best in addressing the problem of low level productivity in construction. In tandem with that, CIDB had aggressively encouraged the acceleration of Industrialised Building System (IBS) adoption amongst industry players. A total of 356 IBS professionals were provided with trainings in IBS and Modular Coordination Design and they are expected to become the agents of change in construction productivity enhancement.*

*Construction technology is not only capable of increasing construction productivity, but it is also beneficial in improving quality, safety, cost efficiency and overall project delivery. One of the technologies is the Building Information Modelling (BIM), an efficient multi-disciplinary collaborative tool in helping its users plan and manage every phase of construction process. BIM Training Centres and the National BIM Guide were developed during the year under review. MyBIM Centre, together with BIM Satellites which comprise of three local universities and a professional institution in total, successfully trained 633 construction personnel during the year. CIDB and its strategic partners also participated in the development of BIM Guide for easy reference by the construction fraternity.*

*Availability of strategic construction information is essential for construction industry players to make critical decisions in construction planning and management. In response to this need, CIDB established the National Construction Industry Information Centre (NCIIC). Meanwhile, myN3C which has 5,000 registered users, was operational in 2016 and will be officially launched in 2017.*

*A total of 30 Construction Cost Information were completed during the year and more are in progress. At the same time, a manual and system for projection of construction demand (myPROJEXIS) was successfully completed during the year.*

*To address the issue of Bumiputera SME contractors, CIDB had aggressively provided this group of contractors with many training programmes. A total of 7,500 Bumiputera contractors were trained under the Continuous Contractor Development programme, 2,500 contractors in IBS, while 100 more were trained in Facility Management.*

#### **ST4: Internationalisation**

*The Strategic Thrust for Internationalisation has four Initiatives with 13 KPIs, of which nine were under CIDB's responsibility. During the year, eight KPIs under the Internationalisation Strategic Thrust Initiatives achieved more than 90% success rate.*

*It is the ultimate goal of CITP to transform the Malaysian construction sector into a globally competitive industry, irrespective of whether the industry players are operating on home ground or beyond national boundaries. In tandem with this, the blueprint has set a target to internationalise*

tersebut, pelan induk ini telah menetapkan sasaran untuk mengantara bangsa amalan dan standard pembinaan dalam industri pembinaan Malaysia.

Inisiatif yang dilaksanakan bagi mencapai matlamat tersebut termasuk menggalakkan jurubina projek supaya menggunakan MyCESMM dan sebagai tanda menyahut seruan itu, 10 projek telah menerima pakai standard tersebut. Penggunaan MyCESMM selepas ini akan diganti dengan MS CESMM dan setakat akhir tahun 2016 pembangunannya telah mencapai 80% peringkat siap. Pada masa yang sama, jawatankuasa IWG telah meneliti rangka kerja Spesifikasi Kebangsaan, sementara sistem atas talian bagi pembangunan pensijilan pematuhan bahan binaan pula sudah mencapai 80% peringkat siap.

CIDB dengan kerjasama MIDA telah menjalin komitmen untuk mengukuhkan akses kepada pembiayaan bagi juara Malaysia yang ingin memasuki pasaran antarabangsa. Pada tahun ini, Geran SEF telah dikeluarkan kepada dua syarikat pembinaan yang memasuki pasaran antarabangsa.

Bagi mendapatkan kerja pembinaan berskala mega di peringkat antarabangsa, ia memerlukan kontraktor yang mempunyai keupayaan yang besar untuk memenangi bida tersebut. CIDB menyediakan sokongan ke arah pembentukan konsortium dan telah mempertingkatkan penyediaan maklumat pasaran antarabangsa untuk dimanfaatkan oleh penggiat industri. Empat konsortium telah ditubuhkan untuk membida beberapa projek di India pada tahun ini dan empat lagi sedang dalam proses penubuhan. Langkah memasuki pasaran antarabangsa memerlukan kapasiti dan keupayaan penggiat industri dipertingkatkan. Bagi memenuhi matlamat itu, beberapa kursus kontraktor telah diwajibkan kepada kontraktor yang berdaftar dengan CIDB, selaras dengan keperluan di bawah mandat Akta CIDB 520 (Pindaan) 2011.

## INISIATIF DORONGAN CIDB

### ST5: Penyampaian Perkhidmatan

Secara keseluruhan, penyampaian perkhidmatan CIDB telah ketara bertambah baik pada tahun 2016. Kesemua KPI yang ditetapkan di bawah Teras Strategik ini mencapai matlamat masing-masing 100%.

Khidmat pelanggan di kaunter untuk pendaftaran kontraktor yang disasar dalam tempoh 10 hari bekerja telah mencapai kadar kejayaan 85%. Pelanggan CIDB juga telah memberi tindak balas yang baik dalam penggunaan pendaftaran atas talian pada tahun ditinjau. Penggunaan permohonan pendaftaran kontarktor secara atas talian mencatatkan 101% kejayaan, sementara pendaftaran baharu personel binaan pula mencapai kadar kejayaan 111%, kedua-duanya melepassi sasaran masing-masing.

Pada tahun ini, seramai 79,814 kontraktor pelbagai gred telah berdaftar dengan CIDB, berbanding 70,707 pada tahun 2015. Sementara itu, bilangan personel binaan yang berdaftar pula meningkat daripada 812,593 pada tahun 2015 kepada 865,044 pada tahun 2016. Tahap kecekapan CIDB dalam mencetak kad personel binaan baharu yang disasar disiapkan dalam tempoh kurang dari 10 hari bekerja pula mencapai kadar kejayaan 96.07%. Sementara itu,

construction practices and standards in the Malaysian construction industry.

The initiatives undertaken towards that objective include persuading project builders to implement MyCESMM, and towards that end, 10 projects have successfully adopted the standard. The use of MyCESMM will subsequently be changed to MS CESSM; whose development was 80% complete as at end 2016. At the same time, the IWG committee has also reviewed the National Specification for Construction framework, while the online system for certification of construction material conformance development is at 80% completion.

CIDB in collaboration with MIDA have forged a commitment to strengthen access to financing for Malaysian champions going abroad. During the year, SEF Grants were disbursed to two construction companies going abroad.

To secure large scale construction projects overseas, it may take contractors with super large capabilities to win the bid. CIDB provides its support towards the formation of consortia and boosted the industry's overseas market intelligence. Four consortia were formed to bid for projects in India during the year and four more are on the way. In preparation of going abroad, our players' capacity and capability level had been intensified. Towards this end, Contractor courses were made compulsory to CIDB registered contractors in accordance to the requirements under the CIDB Act 520 (Amended) 2011 mandate.

## CIDB DRIVEN INITIATIVES

### ST5: Service Delivery

Overall, CIDB's service delivery has improved remarkably in 2016. All KPIs targeted under this Strategic Thrust achieved 100% of their targets.

Over the counter customer service for contractor registration which was targeted to be processed within 10 working days achieved 85% success rate. CIDB's customers have also responded well in the use of its online registration during the year. The use of online contractor registration applications recorded 101% success rate while new construction personnel registration achieved 111%, both surpassing their respective targets.

During the year, 79,988 contractors of various grades registered with CIDB, compared to 70,707 in 2015. Meanwhile, the number of registered construction personnel increased from 812,593 in 2015 to 865,044 in 2016. CIDB's efficiency level in printing new construction personnel cards within the targeted timeframe of less than 10 working days recorded 96.07% success rate. Meanwhile, its efficiency in printing of construction personnel card renewals within the targeted

tauh kecekapannya dalam mencetak pembaharuan kad personel binaan yang disasar siap dalam tempoh kurang 10 hari pula mencapaikadar kejayaan yang membanggakan iaitu sebanyak 98.53%.

Pada tahun 2016, CIDB meneruskan usaha mengeluarkan ikrar pematuhan Standard (SCP) untuk mendapatkan komitmen daipada penggiat industri pembinaan Malaysia ke arah mematuhi pelbagai standard industri ini. Pada tahun ini, kami mengeluarkan sejumlah 158 ikrar dan bilangan ikrar yang dikeluarkan melepas sasaran yang ditetapkan sebanyak 5%.

CIDB telah diamanahkan dengan kuasa untuk memantau dan memastikan supaya industri pembinaan negara sentiasa mematuhi peraturan, selaras dengan keperluan di bawah Akta CIDB 520 (Pindaan) 2011 dan dengan demikian kami telah menjalankan 3,315 operasi penguatkuasaan sepanjang tahun 2016. Bilangan operasi ini melepas sasaran sebanyak 4%. Di samping itu, 231 kes (116%) kes telah dibawa ke Prosiding Etika Kontraktor pada tahun 2016.

Kualiti serta keselamatan dalam pembinaan sedikit sebanyak bergantung kepada kualiti bahan binaan, termasuk bahan binaan import yang digunakan dalam pembinaan. CIDB telah diberi mandat untuk memantau bahan binaan import dengan mengeluarkan Sijil Kelulusan (CoA) bagi Bahan Binaan Import yang memenuhi standard yang telah ditetapkan. Pada tahun ini CIDB mengeluarkan 9,141 CoA yang mengatasi sasarnanya sebanyak 83%.

CIDB mengutip 0.125% levi daripada projek pembinaan bernilai RM500,000 dan ke atas untuk dilaburkan semula ke dalam industri dalam bentuk pelbagai program pembangunan industri pembinaan untuk memajukan lagi industri pembinaan negara. Pada tahun ini, CIDB mengutip sebanyak RM234 juta levi daripada 8,250 projek, mengatasi sasarnanya sebanyak 39%.

Usaha menyediakan perkhidmatan cemerlang kepada industri bergantung kepada tahap kemahiran, pengetahuan dan kecekapan sumber manusia sesbuah organisasi berurusan dengan pelanggannya. Bagi memaksimum tahap kecekapan kakitangannya, CIDB komited untuk memastikan supaya semua kakitangannya diwajibkan supaya menghadiri tujuh hari program latihan setahun berdasarkan kepada ASK dan sasaran ini telah dipenuhi pada tahun ditinjau.

Sebagai sebuah agensi yang memikul tanggungjawab utama bagi mematikan kejayaan pelaksanaan CITP, CIDB telah mewujudkan dua bahagian baharu iaitu Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik untuk menyelesa dan mengukuhkan pelbagai program pembangunan industri pembinaan secara menyeluruh yang akan melonjakkan industri ini pada masa depan. Bahagian Operasi Setempat pula bertujuan menyediakan perkhidmatan dan sokongan bagi semua operasi CIDB dalam industri. Dua pejabat baharu juga telah ditubuhkan pada tahun ini iaitu di Sandakan, Sabah dan Bintulu Sarawak untuk memenuhi keperluan lokasi-lokasi yang sedang melalui proses pembangunan yang pesat tetapi tidak mendapat perkhidmatan diperlukan.

timeframe of less than 10 working days at 98.53% was commendable.

*In 2016, CIDB continued to issue Standard Compliance Pledge (SCP) to secure Malaysian construction industry players' commitment towards complying with the various industry's standards. During the year, we issued in total 158 pledges and the number of pledges issued surpassed our target by 5%.*

*Provided under the CIDB Act 520 (Amended) 2011, CIDB is vested with the power to monitor and ensure that the nation's construction industry is well regulated; and during the year, we conducted 3,315 enforcement operations. This surpassed our target by 4%. In addition, 231 cases (116%) cases were brought before the Contractor Ethics Proceedings in 2016.*

*Quality and safety in construction is dependent, towards a certain extent, on the quality of building materials, including imported building materials used during construction. CIDB is mandated to monitor all imported building materials used in construction by issuing Certificate of Approvals (CoA) for Imported Building Materials which meet the specified standards. During the year, CIDB issued 9,141 CoAs which exceeded its target by 83%.*

*CIDB collects 0.125% levies from construction projects exceeding RM500,000 and above to be ploughed back into the industry in the form of the industry's various development programmes to uplift the nation's construction industry development. During the year, CIDB collected RM234 million in levies from 8,250 projects, exceeding its target by 39%.*

*Providing service excellence to the industry depends very much on the level of skills, knowledge, and efficiency of the human resource of an organisation which deals with its customers. To maximise its staff level of competency, CIDB is committed to ensure that all its staff are made to attend a compulsory seven day a year training programme(s) based on ASK; and this target was fully met during the year.*

*As the agency with major responsibilities to ensure the success of CITP's implementation, CIDB established two new Divisions namely the Policy and Strategic Planning Division; whose responsibility is to streamline and strengthen the overall construction industry development programmes which will take the industry further in the future. The other, known as the Localised Operation Division is to provide service and support for all CIDB operations on the ground. Two new offices established during the year were in Sandakan, Sabah and Bintulu, Sarawak to cater the needs of underserved locations undergoing rapid development.*

## **ST6: Penjenamaan Korporat**

Teras Strategik Penjenamaan Korporat bagi tahun 2016 mempunyai lima KPI. Saya berasa bangga untuk memaklumkan bahawa, seperti Teras Strategik Penyampaian Perkhidmatan, kelima-lima KPI di bawah inisiatif Teras Strategik ini juga mencapai 100% KPI masing-masing.

Sebuah industri yang mempunyai penampilan imej yang mantap bukan sahaja akan membantu mempertingkatkan reputasinya malah ia akan turut menyumbang kepada peningkatan nilai dalaman dan luaran industri tersebut. Mengedari tentang kepentingan mewujudkan imej yang teguh dan dihormati untuk industri pembinaan Malaysia yang sedang pesat membangun menjadi sebuah industri maju, CIDB memandang serius Penjenamaan Korporat sebagai teras strategik yang akan melengkapkan kekuatan keempat-empat Teras Strategik CITP.

Anugerah Kecemerlangan Industri Pembinaan Malaysia (MCIEA) kali ke-16 anjuran CIDB pada tahun 2016, iaitu program pengiktiraan pencapaian industri untuk penggiat industri pembinaan yang cemerlang dalam pelbagai kategori merupakan satu langkah Penjenamaan Korporat yang dilaksanakan oleh CIDB untuk menjulang nama industri pembinaan Malaysia ke peringkat antarabangsa. MCIEA 2016 menyaksikan pencapaian KPI 100% di mana anugerah berprestij industri telah disampaikan kepada 13 syarikat pembinaan, tiga tokoh terbilang dalam industri dan enam penerima anugerah khas. Program ini berjaya menarik 164 peserta berbanding 159 pada tahun 2015 dan bilangan hakim yang terlibat dalam proses pengesahan pemenang juga telah bertambah daripada enam hakim sebelumnya kepada sembilan hakim pada tahun 2016.

Sementara itu, Minggu Pembinaan Antarabangsa (ICW) kali Ke-16 merupakan satu lagi acara berprestij anjuran CIDB yang menyaksikan penyertaan industri meningkat kepada 15,500 peserta berbanding 15,000 peserta sebelumnya. Di samping itu, penggiat utama dalam industri menyedari tentang kepentingan CITP dalam mentransformasi landskap industri pembinaan Malaysia yang akhirnya akan memanaatkan mereka. Ini merupakan hasil yang dicapai daripada kempen promosi secara agresif yang dijalankan oleh CIDB sepanjang tahun untuk menyebarluaskan maklumat penting tentang CITP. Justeru, pada tahun ini, 215 penggiat industri telah menunjukkan sokongan mereka dengan menandatangani perisyntaran Ikrar CITP.

## **PROSPEK MASA DEPAN**

Banyak projek infrastruktur mega diterajui kerajaan yang sedang berjalan dan dalam perancangan akan membolehkan industri pembinaan Malaysia menikmati kemakmuran berterusan sepanjang tempoh lima tahun akan datang dan seterusnya memasuki fasa pertumbuhan lebih maju lagi. Ini termasuk beberapa projek seperti Transit Rel Massa Aliran 2 (MRT2) projek Pembangunan Penapisan dan Petro Kimia Petronas (RAPID), Tun Razak Exchange (TRX), Lebuhraya Pan Borneo, Kereta Api Berkelajuan Tinggi (HSR) dan Laluan Rel Pantai Timur (ERL).

## **ST6: Corporate Branding**

*Corporate Branding Strategic Thrust has five KPIs for the year 2016. I am delighted to report that like Service Delivery Strategic Thrust, all the five KPIs for this Strategic Thrust gained 100% success rate.*

*An industry with a well-positioned image will not only heighten its reputation, but will also help contribute to the growth of the industry's intrinsic and extrinsic values. Realising the importance of establishing a strong and respected image for the Malaysian construction industry which is rapidly developing into an advanced industry, CIDB takes Corporate Branding seriously as a strategic thrust that will complement the strength of the four Strategic Thrusts of CITP.*

*A Corporate Branding exercise to uplift Malaysian construction industry's reputation internationally, the 16<sup>th</sup> Malaysian Construction Industry Excellence Awards (MCIEA) was organised by CIDB in 2016 as an industry recognition programme given to industry players with excellent achievements in various categories. MCIEA 2016 saw a 100% KPI achievement where the industry's prestigious awards were presented to 13 construction companies, three prominent industry personalities and six recipients of special awards. The programme attracted 164 participants, compared to 159 in 2015 and the number of judges involved in the winners endorsement process was also increased to nine from six previously.*

*The 16<sup>th</sup> International Construction Week (ICW) in 2016 was another prestigious CIDB organised event, which saw industry participation increased to 15,500 participants compared to 15,000 previously. In addition, major industry players realise the importance of CITP in transforming the Malaysian construction industry landscape which will subsequently benefit them. This was the result of CIDB's aggressive promotional campaigns organised throughout the year to disseminate pertinent information on CITP. Hence, during the year, 215 industry players showed their support by signing the CITP Pledge declaration.*

## **FUTURE PROSPECTS**

*Many on-going and in the pipeline government-led mega infrastructure projects will allow the Malaysian construction industry to prosper further over the next five years, enabling it to enter into a more advanced phase of growth. These include a slew of projects such as the Mass Rail Transit Line 2 (MRT2), the Petronas Refinery and Petrochemical Development (RAPID) project, Tun Razak Exchange (TRX), the Pan Borneo Highway, the High Speed Rail (HSR) and the East Coast Rail Line (ECRL).*

“

## MCIEA 2016 menyaksikan pencapaian KPI 100% di mana anugerah berprestij industri telah disampaikan kepada 13 syarikat pembinaan, tiga tokoh terbilang dalam industri dan enam penerima anugerah khas.

*MCIEA 2016 saw a 100% KPI achievement where the industry's prestigious awards were presented to 13 construction companies, three prominent industry personalities and six recipients of special awards.*

Secara tradisi, output pembinaan nominal (nilai Ringgit kerja pembinaan) terikat kepada peruntukan perbelanjaan pembangunan di bawah bajet Kerajaan Persekutuan di mana di bawah Rancangan Malaysia Ke-11, kerajaan telah memperuntukan sejumlah RM260 bilion untuk pelbagai projek pembangunan. Perbelanjaan pembangunan sebanyak RM45 bilion bagi tahun 2016 dan RM46 bilion bagi tahun 2017 memberi makna bahawa terdapat baki RM169 juta yang akan dibelanjakan dari tahun 2018 hingga tahun 2020. Ini mencukupi untuk menyediakan banyak peluang kerja pembinaan bagi semua gred kontraktor berdaftar dengan CIDB yang semakin bertambah bilangannya.

## PENGHARGAAN

Kejayaan pelaksanaan pelbagai Inisiatif Teras Strategik CITP dan keputusan yang menggalakkan bagi kebanyakan inisiatif tersebut mungkin tidak berjaya dihasilkan tanpa sokongan, naungan dan bantuan berterusan daripada Kerajaan Malaysia, terutamanya Kementerian Kerja Raya. Justeru, saya bagi pihak Anggota Lembaga dengan sukacitanya ingin menyampaikan ucapan penghargaan kepada YAB. Perdana Menteri Malaysia dan YB. Menteri Kerja Raya atas sokongan padu mereka dalam merintis pelan induk ini sehingga ia dilaksanakan.

Saya juga ingin menyampaikan ucapan penghargaan saya kepada para ahli empat TWG dan 20 IWG yang telah memberi pandangan, nasihat dan sokongan mereka yang tidak ternilai telah mendorong kami mencapai KPI yang disasarkan. Kejayaan CIDB dalam merealisasi kebanyakan KPI CITP sepanjang tahun dilaporkan juga merupakan hasil sokongan dan keyakinan berterusan yang diberikan oleh para pemegang kepentingannya – kontraktor, personel binaan, juru perunding, rakan-rakan strategik dan pihak-pihak lain yang berkaitan yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam industri pembinaan Malaysia. Justeru, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada anda sekalian atas keyakinan yang diberikan kepada CIDB dan berharap akan terus mendapat sokongan padu itu pada masa depan.

*Traditionally, nominal construction output (the Ringgit value of construction work) is tied to the development expenditure allocation under the federal government's budget where under the 11th Malaysia Plan, the government has allocated in total RM260 billion for various development projects. The development expenditure of RM45 billion for 2016 and RM46 billion for 2017 implies that there is a balance of RM169 billion to be spent from 2018 to 2020; sufficient to provide construction job opportunities to the growing number of all grades of CIDB registered contractors.*

## ACKNOWLEDGEMENT

*The successful implementation of the various CITP Strategic Thrust Initiatives and the encouraging results of most of the initiatives could not have been made possible without the continuous support, patronage and assistance from the Government of Malaysia, especially the Ministry of Works. Hence, on behalf of the Board Members, I would like to extend our most sincere appreciation to the Right Honourable Prime Minister of Malaysia and the Honourable Minister of Works for their affirmative support in leading the plan laid on the ground.*

*I would also like to dedicate our appreciation to members of the four TWGs and twenty IWGs whose invaluable opinions, counsel and support have driven us to achieve the targeted KPIs. CIDB's success in realising most of CITP's KPIs during the reporting year was also the result of the continuous support and trust of its stakeholders – contractors, construction personnel, consultants, strategic partners, and all other relevant parties directly or indirectly involved in the Malaysian construction industry. I would like to therefore thank all of you for your confidence in CIDB and hope to continue getting the same support and dedication in the future.*

Saya bagi pihak Anggota Lembaga juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Anggota Lembaga yang telah bersara iaitu Datuk Seri Hashmuddin Mohammad, Datuk Ng Seing Liong, Dato' Sr. Srikandan Kanagainthiram yang telah banyak menyumbang bakti kepada Lembaga Pengarah dan pembangunan industri pembinaan negara menerusi pengalaman dan kebijaksanaan yang mereka salurkan sepanjang tempoh memegang jawatan. Pada masa yang sama, kami ingin mengalu-alukan kedatangan Dato' Othman Semail, Datuk Seri Michael K C Yam dan Dato' Ir. Ahmad 'Asri Abdul Hamid sebagai anggota baharu dalam Lembaga Pengarah.

Datuk Sri Ir. Dr Judin Abdul Karim telah bersara sebagai Ketua Eksekutif CIDB pada tahun 2015. Saya bagi pihak Anggota Lembaga ingin menyampaikan ucapan terima kasih kepada beliau atas khidmat cemerlang yang beliau sumbangkan dan berdoa semoga beliau mencapai kejayaan dalam bidang baharu yang beliau ceburi. Dato' Ir. Ahmad 'Asri Abdul Hamid dilantik sebagai Ketua Eksekutif baharu mulai 1 Mac 2016, dan kami amat mengalu-alukan kehadiran beliau untuk menerajui CIDB dan meneruskan tradisi kecemerlangannya.

Akhir sekali, kepada Pengurusan dan Kakitangan CIDB, saya ingin menyuarkan rasa gembira kerana anda sekalian telah memikul agenda mega untuk merealisasi matlamat CITP dengan darjah kewibawaan, kesungguhan dan ketekunan yang tinggi. Saya berharap akan terus mendapat sokongan jitu daripada anda sekalian sepanjang perjalanan kita menuju ke depan untuk mencapai aspirasi mengangkat industri pembinaan Malaysia ke aras yang lebih tinggi dalam fasa pertumbuhan berikutnya.

Terima kasih.

**Tan Sri Dr. Ir. Ahmad Tajuddin Ali, FASc.  
Pengerusi CIDB**

*I would also like to thank the retiring Board Members, Datuk Seri Hashmuddin Mohammad, Datuk Ng Seing Liong, Dato' Sr. Srikandan Kanagainthiram who have contributed immensely to the Board and the industry's development through their experience and wisdom over the tenure of their services. At the same time, we would like to welcome Dato' Othman Semail, Datuk Seri Michael K C Yam and Dato' Ahmad 'Asri Abdul Hamid as the new members of the Board.*

*Datuk Sri Ir. Dr Judin Abdul Karim retired as the Chief Executive of CIDB at the end of the financial year 2015. On behalf of the Board, I would like to express our gratitude for his exemplary service and wish him success in his future endeavours. Dato' Ir. Ahmad 'Asri Abdul Hamid was appointed as the new Chief Executive with effect from 1 March 2016; and we wholeheartedly welcome him to lead CIDB in its continuous excellence.*

*Last but not least, to the Management and staff of CIDB, I am glad that you have shouldered the mega agenda to realise the transformational goals of CITP with high degree of integrity, dedication and hard work. I look forward to the unstinting support from all of you as we continue to venture forth to achieve the national aspiration to bring the Malaysian construction industry to greater heights in its next phase of growth.*

Thank you.

**Tan Sri Dr. Ir. Ahmad Tajuddin Ali, FASc.  
Chairman CIDB**

# Diari CIDB 2016

CIDB Diary 2016

JANUARI  
JANUARY

4



Majlis Serah Tapak  
Mahkamah Rayuan 6, Istana  
Kehakiman Putrajaya oleh  
CIDB Malaysia

Site Handover Ceremony for  
Court of Appeal 6, Palace of  
Justice Putrajaya by CIDB  
Malaysia



MAR  
MARCH

30



Seminar Memantapkan  
Pengurusan Kualiti Industri  
Pembinaan

Construction Industry Quality  
Management Enhancement  
Seminar



APRIL  
APRIL

26



Minggu Keselamatan &  
Kesihatan Pekerja CIDB 2016

CIDB's Occupational Safety &  
Health Week 2016

APRIL  
APRIL

12



Majlis Pembukaan Minggu  
Pembinaan Antarabangsa  
2016

Opening Ceremony of  
International Construction  
Weeks 2016





MEI  
MAY

12



Majlis Pelancaran Kaedah Pengurangan Karbon & Kemapanan Alam Sekitar Malaysia, dirasmikan oleh YB Dato' Sri Haji Fadhillah bin Haji Yusof, Menteri Kerja Raya

Malaysian Carbon Reduction & Environmental Sustainability Tool Launch Ceremony, officiated by YB Dato' Sri Haji Fadhillah bin Haji Yusof, Minister of Works



MEI  
MAY

23



Kerjasama CIDB & DOSH  
Ke Arah Mempertingkatkan  
Keselamatan dalam  
Pembinaan

CIDB & DOSH Collaboration  
Towards Enhancing Safety in  
Construction

MEI  
MAY

25



Kunjungan Lembaga  
Pengembangan Jasa Konstruksi  
Provinsi Riau (Indonesia) ke Ibu  
Pejabat CIDB

Lembaga Pengembangan  
Jasa Konstruksi Provinsi Riau  
(Indonesia) visit to CIDB  
Head Office



MEI  
MAY

26



CIDB menerima kunjungan  
Persatuan Pengurus Projek  
Pembinaan Malaysia di Ibu  
Pejabatnya

Association of Construction Project  
Managers Malaysia visit to CIDB  
Head Office



MEI  
MAY  
**31**



MEI  
MAY

**31**



Majlis Pelancaran Hari QLASSIC 2016 yang dirasmikan oleh YB Menteri Kerja Raya

Launcing Ceremony of QLASSIC Day 2016, officiated by YB Minister of Works



Lawatan Makmal Dan Kilang Serta Verifikasi Produk di Jiangsu China

A Visit to Laboratory And Factory And Verification Products in Jiangsu China

JUN  
JUNE  
**8**



Lawatan Delegasi CIDB ke Projek RAPID Pengerang

CIDB Delegations visit to Pengerang RAPID Project

JUN  
JUNE  
**3**



Kunjungan syarikat-syarikat Spanyol dan perbincangan kerjasama dengan CIDB, bertempat di Ibu Pejabat CIDB

Spanish companies visited and discussion for collaboration with CIDB

JULAI  
JULY  
**25**



Majlis Perasmian COMBI Tapak Binaan dan Menandatangani Dokumen Kolaborasi

Launcing Ceremony of COMBI Construction Site and the Signing of Collaboration Document



JULAI  
JULY  
**13**



Persatuan Kontraktor Jentera, Mekanikal dan Elektrikal Melayu Malaysia (PKJMM) mengunjungi Ibu Pejabat CIDB

Association of Malay Machinery, Mechanical and Electrical Contractor Malaysia visit to CIDB Head Office



OGOS  
AUGUST  
**2**



Operasi Penguatkuasaan Bersepadu CIDB Negeri Perak

Combined Enforcement Operation by CIDB Perak

OGOS  
AUGUST  
**5**



Majlis menandatangani MoU antara CIDB dan MIDA (Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia) Mengenai Latihan dan Promosi IBS

MoU signing ceremony between CIDB and MIDA (Malaysian Investment Development Authority) on Training and Promotion in IBS



OGOS  
AUGUST  
**9**



Mesyuarat Jawatankuasa CITP-Kementerian Bil. 1/2016

CITP-Ministerial Committee Meeting No. 1/2016



SEPTEMBER  
SEPTEMBER

5

Majlis Graduasi Akademi Binaan  
Malaysia Sabah dan Majlis  
Menandatangani Akuanji CITP Industri  
Pembinaan Sabah 2016

Graduation Ceremony of Akademi  
Binaan Malaysia, Sabah and the Sabah  
Construction Industry CITP Pledge Signing  
2016 Management Enhancement Seminar



SEPTEMBER  
SEPTEMBER

23

Malam Anugerah  
Kecemerlangan Industri  
Pembinaan Malaysia  
(MCIEA) 2016

Malaysian Construction  
Industry Excellence Award  
(MCIEA) Night 2016



OKTOBER  
OCTOBER

5

Kunjungan Persatuan  
Jurutera Binaan Bertauliah  
(CABE) ke Ibu Pejabat CIDB

Chartered Association of  
Building Engineer (CABE)  
visit to CIDB Head Office



OKTOBER  
OCTOBER

13



Lawatan delegasi Tanzania  
Civil Engineering Contractors  
Association (TACECA) ke Ibu  
Pejabat CIDB

A visit to CIDB Head Office  
by Tanzania Civil Engineering  
Contractors Association  
(TACECA) delegations

OKTOBER  
OCTOBER

18



Majlis Perasmian Program Usahawan  
Muda MRT II (MYEP II), Program  
Perantis Penyelia Keselamatan (SSAP)  
& Perantis Kemahiran CIDB, oleh YB  
Menteri Kerja Raya

Launching Ceremony of CIDB MRT Young  
Entrepreneur Programme II (MYEP  
II), Safety Supervisor Apprenticeship  
Programme & Skills Apprenticeship  
Programme by YB Minister of Works

NOVEMBER  
NOVEMBER

2



Majlis menandatangani  
akuanjali bagi pelaksanaan  
QLASSIC oleh para pemaju di  
Cyberjaya

Pledge signing ceremony on  
QLASSIC implementation by  
developers in Cyberjaya

NOVEMBER  
NOVEMBER

4



NOVEMBER  
NOVEMBER

7



Majlis Menandatangani Dokumen Kolaborasi CIDB dan Kementerian Perumahan & Urbanisasi Sarawak yang turut disaksikan oleh YB Menteri Kerja Raya

Collaboration Papers Signing Ceremony of CIDB and The Ministry of Housing & Urbanisation Sarawak, also witnessed by YB Minister of Works


NOVEMBER  
NOVEMBER

14



Majlis menandatangani Memorandum Persefahaman Antara CIDB dengan Khazanah Research Institute dan Memorandum Perjanjian Antara CIDB dengan Royal Institution of Surveyors Malaysia Mengenai SICA (Statistik, Indeks bagi Pembinaan & Automasi) 2016

Signing Ceremony of MoU Between CIDB with Khazanah Research Institute and MoA Between CIDB and Royal Institution of Surveyors Malaysia on SICA (Statistics, Indices on Construction & Automation) 2016





# Statistik Sepintas Lalu 2016

Statistics at a Glance 2016

## TERAS STRATEGIK 1 STRATEGIC THRUST 1

### INISIATIF KUALITI, KESELAMATAN DAN PROFESIONALISME

QUALITY, SAFETY AND PROFESSIONALISM INITIATIVES

#### SCORE

- **3,894** syarikat kontraktor menjalani penilaian SCORE

construction companies undergo SCORE assessments

- **6** kontraktor G7 diberi penarafan SCORE 5 bintang

G7 contractors achieve 5 star SCORE rating

#### SAFETY

**477** SHO SHOS | **614** SSS SSSS



telah dilatih  
were trained



#### QLASSIC

- **124** jurunilai diakreditasi  
assessors accredited

- **301** penilaian dijalankan  
assessments conducted

## TERAS STRATEGIK 2 STRATEGIC THRUST 2

### INISIATIF KEMAMPANAN ALAM SEKITAR ENVIRONMENTAL SUSTAINABILITY INITIATIVES



#### MyCREST

dilancarkan pada

launched in  
**MEI MAY 2016**

- **26** projek kerajaan & swasta menerima pakai MyCREST

*government & private projects adopted MyCREST*

- **46** peserta diberi pensijilan Profesional Bertauliah MyCREST

*participants granted with MyCREST Qualified Professional certification*

- **28** pegawai penilai MyCREST diakreditasi

*MyCREST assessor officers accredited*

#### MAMPAK

Centre of Excellent  
for sustainability  
construction

mula beroperasi

started operating on  
**1 JUN JUNE 2016**

- **Kajian Kaedah Penanda Aras**  
disahkan dan disiapkan menjelang hujung tahun

*Benchmark Methodology Study was validated and completed by the year end*

- **UM, USM, UTM, UKM & REHDA**  
bersetuju menjalankan R&D

*agreed to undertake R&D*

- **Data 118**  
kontraktor bersijil ISO14001 G7 telah dikumpul

*G7 ISO14001 certification contractors was collected*

# TERAS STRATEGIK 3

## STRATEGIC THRUST 3

### INISIATIF PRODUKTIVITI

*Productivity Initiatives*



#### PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA

*Human Capital Development*

**CICF ditubuhkan pada Jun 2016**

*CICF was established in June 2016*

- **10** tred kemahiran pembinaan disahkan oleh IWG8

*construction skilled trades validated by IWG8*

- **604** pelatih disediakan latihan perantis sambil bekerja

*trainees provided with on-the-job apprenticeship*

- **5,089** kakitangan penyeliaan dan pengurusan telah dilatih dan ditauliah

*supervisory and management personnel were trained and certified*

- **32,350** personel binaan dilatih dalam bidang CPD yang diluluskan

*construction personnel trained in approved CPD fields*

- **853,553** personel binaan diakreditasi dalam tred masing-masing

*construction personnel were accredited in their respective skill trades*

#### MEMPERCEPATKAN TERIMA PAKAI IBS

*Accelerating Adoption of IBS*

**26** •

**pengeluar IBS baharu didaftar**

*new IBS manufacturers were registered*

**356** •

**profesional dilatih oleh CIDB tentang IBS & reka bentuk MC**

*professionals were trained by CIDB on IBS & MC design*

**Sebuah direktori profesional IBS terlatih telah diterbitkan** •

*A directory of trained IBS professionals was published*

**Kerajaan meluluskan insentif pelepasan cukai bagi loji pengeluar IBS baharu** •

*The government approved a tax holiday incentive for new IBS manufacturing plants*



## TERAS STRATEGIK 4 STRATEGIC THRUST 4

### INISIATIF PENGANTARABANGSAAN

*Internationalisation Initiatives*



- **10** projek menerima pakai MyCESMM  
*projects adopted MyCESMM*
- **80%** draf MS CESMM disiapkan dan diluluskan oleh SIRIM  
*of MS CESMM draft completed and approved by SIRIM*

- **31** lawatan ke tapak dengan **154 COA** dikeluarkan  
31 site visits where 154 COAs were issued
- **Membangunkan 10 modul latihan** menerbitkan sebuah manual pengesahan dan melatih **46 pegawai pengesahan**  
Developed 10 training modules, published a verification manual and trained 46 verification officers

### AKSES KEPADA PEMBIAYAAN

*Access to Financiang*



- **2** syarikat pembinaan diberi geran untuk memasuki pasaran antarabangsa

construction companies were given grants to enter international market

# TERAS STRATEGIK 5

## STRATEGIC THRUST 5

### INISIATIF PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

*Customer Service Initiatives*

#### PERKHIDMATAN DI KAUNTER

Counter Service

**Penambahbaikan 85%**  
bagi pemprosesan pendaftaran kontraktor dalam tempoh kurang dari 10 hari bekerja

*85% improvement for contractor registration processing within a period of less than 10 working days*

#### PENDAFTARAN KONTRAKTOR

Contractor Registration

**Bertambah dari 70,707 (2015) kepada 79,814 kontraktor**

*Increased from 70,707 (2015) to 79,988 contractors*

#### PERKHIDMATAN ATAS TALIAN

Online Service

Permohonan pendaftaran kontraktor atas talian meningkat sebanyak **10%** berbanding 2015 kepada **71%**

*Online contractor registration applications improved by 10% compared to 2015 to 71%*

**Cetakan Kad personel binaan baharu (kurang 10 hari) meningkat sebanyak 1.52% berbanding 2015 kepada 96.07%**

*New construction personnel cards printed (less 10 days) increased by 1.52% compared to 2015 to 96.07%*

**Cetakan pembaharuan kad personel binaan (kurang 10 hari) bertambah sebanyak 0.45% dari 2015 kepada 98.53%**

*Construction personnel card renewals printed (less 10 days) increased by 0.45% from 2015 to 98.53%*

#### OPERASI PENGUATKUASAAN

Enforcement Operations

**Bilangan kes berkurangan bagi prosiding etika kontraktor daripada 243 pada 2015 kepada 231**

*Number cases for contractor ethics prosiding reduced from 243 in 2015 to 231*

**Kertas siasatan disediakan meningkat daripada 115 (2015) kepada 290**

*An increase in investigation paper prepared from 115 (2015) to 290*

**196 kompaun dikeluarkan**

*compounds were issued*

#### LATIHAN KAKITANGAN CIDB

CIDB Staff Training

**Jumlah kakitangan mengikuti program latihan bertambah sebanyak 153 kepada 920 ORANG**

*Number of staff who underwent training programmes increased by 153 to 920 staff*

**151**

**sesi latihan dalaman dijalankan**

*internal training sessions were conducted*

**284 sesi latihan luar dijalankan**

*external training sessions were conducted*

# TERAS STRATEGIK 6 STRATEGIC THRUST 6

## INISIATIF PENJENAMAAN KORPORAT

*Corporate Branding Initiatives*

### MCIEA 2016

Tambahan 4  
Hakim menjadi  
**9 orang**

*Additional 4 Judges totalling 9*

Lebih penyertaan  
berbanding  
tahun 2015 (159)  
menjadi

**164** An increase in  
participation from 2015  
(159) to 164

### ICW 2016

**15,500**  
peserta  
participants

**500**  
peserta lebih  
ramai dari  
tahun 2015  
more participants than 2015

### BUILDING STRONGER PARTNERSHIP

**259** organisations  
pledged to be partners  
organisasi  
berakuanji untuk  
menjadi rakan  
kongsi

**229** akuanji  
ditandatangani  
pledges signed

**30** MoC, MoU & MoA  
dimeterai  
MoC, MoU & MoA sealed


# Statistik Utama

Main Statistics

## PROJEK SEKTOR AWAM DAN SWASTA Projects by Public and Private Sector

Bilangan Projek Sektor Awam dan Swasta Number of Projects by Public and Private Sector

Sektor Sector	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016
Awam Public	1,878	1,954	2,001	1,971	1,800	1,888	1,696
Swasta Private	5,424	5,771	5,997	6,228	6,276	5,590	4,851
JUMLAH TOTAL	<b>7,302</b>	<b>7,725</b>	<b>7,998</b>	<b>8,199</b>	<b>8,076</b>	<b>7,478</b>	<b>6,547</b>




\*Sumber Source : CIDB Malaysia

## PROJEK MENGIKUT KATEGORI 2010-2016

Projects Awarded by Category 2010-2016

Bilangan Projek 2010-2016 Number of Projects 2010-2016

Sektor Sector	2010	2011	2012	2013	2014	2015	2016
Kediaman Residential	2,131	2,253	2,307	2,365	2,321	2,075	1,757
Bukan Kediaman Non-Residential	2,563	2,661	2,884	3,075	3,019	2,660	2,299
Kemudahan Sosial Social Amenities	857	820	918	731	702	723	653
Infrastruktur Infrastructure	1,751	1,991	1,889	2,028	2,034	2,020	1,838
<b>JUMLAH TOTAL</b>	<b>7,302</b>	<b>7,725</b>	<b>7,998</b>	<b>8,199</b>	<b>8,076</b>	<b>7,478</b>	<b>6,547</b>



\*Sumber Source : CIDB Malaysia

## BILANGAN KONTRAKTOR BERDAFTAR MENGIKUT GRED

### Number of Registered Contractors by Grade

Gred Grade	TAHUN YEAR				
	2012	2013	2014	2015	2016
G1	35,923	34,436	33,941	33,744	35,149
G2	8,443	9,463	10,639	12,097	16,253
G3	9,455	8,888	8,874	9,246	10,628
G4	2,945	3,069	3,103	3,341	3,896
G5	4,178	4,171	4,294	4,656	5,101
G6	1,666	1,599	1,526	1,557	1,703
G7	5,213	5,377	5,788	6,066	7,084
<b>JUMLAH TOTAL</b>					<b>79,814</b>

\*Sumber Source : CIDB Malaysia

### Status Projek Yang Dilaksanakan Oleh Kontraktor Malaysia Di Luar Negara


#### Status Of Projects Undertaken By Malaysia Contractors Overseas

Status	Bilangan Projek No. of Projects	Nilai Projek (RM billion) Project Value (RM billion)
Siap Completed	868	95.81
Semasa Current	52	24.36

### Bilangan Projek yang Dilaksanakan oleh Kontraktor Malaysia Mengikut Rantau

#### Number of Projects Undertaken by Malaysian Contractors by Region

Rantau Region	Bilangan Projek No. of Projects	Nilai Projek (RM billion) Project Value (RM billion)
ASEAN	298	20.56
Timur Tengah Middle East	179	46.73
Afrika Africa	46	12.69
Benua Asia Selatan South Asia Continent	302	23.62
Lain-lain Others	135	21.44
<b>JUMLAH TOTAL</b>	<b>960</b>	<b>125.04</b>






**Statistik Pendaftaran Personel Binaan yang aktif sehingga Disember 2016**  
*Statistics of Active Construction Personnel Registration as at December 2016*

Jenis Pendaftaran Type of Registration	Personel Binaan Tempatan Local Construction Personnel	Personel Binaan Asing Foreign Construction Personnel	JUMLAH TOTAL
Baru <i>New</i>	284,626	49,729	334,355
Pembaharuan <i>Renewal</i>	426,643	104,046	530,689
<b>JUMLAH TOTAL</b>	<b>711,269</b>	<b>153,775</b>	<b>865,044</b>

**Statistik Personel Binaan yang aktif mengikut Kategori sehingga Disember 2016**  
*Statistics of Active Construction Personnel by Categories as at December 2016*

KATEGORI CATEGORY	JUMLAH TOTAL
Pekerja Binaan Am <i>General Worker</i>	452,054
Pekerja Binaan Separa Mahir <i>Semi-Skilled Construction Worker</i>	138
Pekerja Binaan Mahir <i>Skilled Construction Worker</i>	94,576
Penyelia Tapak Binaan <i>Construction Site Supervisor</i>	118,145
Pengurus Projek Binaan <i>Construction Project Manager</i>	59,698
Pentadbiran <i>Administration</i>	42,952
Pelatih Binaan <i>Construction Trainee</i>	97,481
<b>JUMLAH BESAR GRAND TOTAL</b>	<b>865,044</b>





# PERAKUAN PEMATUHAN STANDARD (PPS) BAGI PENGELUAR PRODUK & BAHAN BINAAN TEMPATAN

*Standard Compliance Verification (PPS) for Local Product & Material Manufacturer*


Jumlah pengeluar Bahan Binaan Tempatan yang diperakukan dengan PPS setakat 31 Disember 2016 mengikut negeri

*Number of PPS Certified Local Construction Material manufacturer by states as at 31 December 2016*

Bil	Negeri	Bil PPS
1	Johor	30
2	Selangor	42
3	Kedah	4
4	Kelantan	1
5	Melaka	5
6	Pahang	9
7	Perak	18
8	Sabah	5
9	Sarawak	8
10	Negeri Sembilan	10
11	Terengganu	1
12	Pulau Pinang	18
13	Perlis	1
14	Wilayah Persekutuan	4
<b>JUMLAH TOTAL</b>		<b>158</b>

# LAPORAN PRESTASI

PERFORMANCE REPORT



# **Sejajar Dengan Objektif Merealisasi Matlamat Perancangan**

*In Pace to Objectively Realise the Gameplan*





## TERAS STRATEGIK 1 KUALITI, KESELAMATAN DAN PROFESIONALISME

Kecemerlangan sektor pembinaan hanya boleh direalisasi apabila aspek kualiti, keselamatan dan profesionalisme berjaya dipupuk sebagai budaya kerja oleh penggiat industri dan keseluruhan industri pembinaan negara. Bagi memupuk budaya ini, sejak beberapa tahun lepas lagi CIDB telah memperkuatkannya pelbagai dasar sokongan, peraturan dan garis panduan untuk mengatur serta mendorong penggiat industri mematuhi pelbagai standard yang ditetapkan dalam pembinaan; juga melaksanakan pelbagai program pembangunan yang merintis jalan supaya mencapai kemajuan yang setara dengan pertumbuhan masa depan negara dan mencipta alat penilaian bukan sahaja untuk mengukur pencapaian mereka, malah bagi menetapkan ukur rujuk prestasi yang memberi dorongan yang perlu diikuti oleh semua penggiat industri. Pada tahun 2016, CIDB telah menggerakkan lima inisiatif untuk mencapai matlamat Teras Strategik 1 CITP seperti yang ditunjukkan di bawah:

### STRATEGIC THRUST 1 QUALITY, SAFETY AND PROFESSIONALISM

*Excellent in the construction sector is only realisable when aspects of quality, safety and professionalism are successfully ingrained as a work culture by industry players and the entire parties involved in the nation's construction industry. To inculcate this culture, CIDB had over the years stepped up supporting policies, rules and guidelines to regulate as well as make every industry participant comply to standards laid in construction; initiated development programmes that lead them to be at par with future growth standards and devised evaluation tools not only to measure their achievements but also set motivating performance benchmark to be followed by all industry players. In 2016, CIDB mobilised five initiatives to achieve the goals of CITP's Strategic Thrust 1 as highlighted below:*

## MAKLUMAT UTAMA INISIATIF TERAS STRATEGIK 1 2016

HIGHLIGHTS OF STRATEGIC THRUST 1 INITIATIVES 2016

<b>Q1</b>	Meningkatkan penekanan terhadap kualiti dan melaksanakan penilaian kualiti. <i>Increase emphasis on quality and implement quality assessments.</i>
<b>Q2</b>	Menambahbaik keselamatan di tapak bina dan kemudahan pekerja. <i>Improve work site safety and workers' amenities.</i>
<b>Q3</b>	Menambahbaik kemudahan melaksanakan urusan dengan menangani halangan peraturan. <i>Improve ease of doing business by addressing regulatory constraints.</i>
<b>Q4</b>	Mempromosi dan meningkatkan tahap kesedaran mengenai inisiatif CITP. <i>Promote and raise awareness of CITP initiatives.</i>
<b>Q5</b>	Mempertingkatkan integriti dan memperkuuh tadbir urus. <i>Enhance integrity and increase governance.</i>

## RINGKASAN PENCAPAIAN SUMMARY OF ACHIEVEMENTS

<b>Bilangan Inisiatif</b> <i>Total Number of Initiatives</i>	<b>4 + 1</b> <i>(satu lagi inisiatif iaitu Q5 telah diperkenalkan pada penghujung tahun, tetapi KPInya masih belum ditetapkan)</i>
<b>Bilangan KPI Keseluruhan</b> <i>Total Number of KPIs</i>	<b>28</b>
<b>Bilangan KPI Ditugaskan kepada CIDB</b> <i>Number of KPIs Assigned to CIDB</i>	<b>17</b>
<b>Prestasi</b> <i>Performance</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 13 KPI mencapai lebih 90%.</li> <li>• 4 KPI mencapai 67% - 85%.</li> <li>• 1 KPI mencapai 50%.</li> </ul> <ul style="list-style-type: none"> <li>• 13 KPIs achieved more than 90%.</li> <li>• 4 KPIs achieved 67% - 85%.</li> <li>• 1 KPI achieved 50%.</li> </ul>

## TINJAUAN UMUM PERSPEKTIF KUALITI, KESELAMATAN DAN PROFESIONALISME INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA

Teras Strategik Kualiti, Keselamatan dan Profesionalisme yang mempunyai empat inisiatif dan 28 KPI kemudian telah ditambah dengan satu lagi inisiatif pada penghujung tahun. Walau bagaimanapun, inisiatif tambahan ini masih belum ditetapkan KPInya. CIDB bertanggungjawab secara langsung bagi 17 KPI. Secara keseluruhan, Teras Strategik ini menampilkkan prestasi memuaskan dengan kadar kejayaan 94% pada tahun ditinjau.

CIDB mempunyai aspirasi untuk membangunkan penggiat industri yang cekap dan berdaya saing serta mempunyai darjah kewibawaan yang tinggi untuk menyampaikan kerja pembinaan yang berkualiti, selamat dan diuruskan

## OVERVIEW OF MALAYSIAN CONSTRUCTION INDUSTRY'S QUALITY, SAFETY AND PROFESSIONALISM PERSPECTIVE

*Quality, Safety and Professionalism Strategic Thrust, which has four initiatives comprising of 28 KPIs, was introduced with an additional initiative, i.e. Enhance Integrity and Increase Governance towards the end of the year. However the KPI for the initiative has yet to be decided. CIDB is directly responsible for 17 KPIs. Overall, the Strategic Thrust performed satisfactorily with 94% success rate during the year under review.*

*CIDB aspires to develop a breed of competent and competitive construction industry players with a high degree of integrity to deliver quality, safe and professionally managed construction works. And in tandem with Malaysia's vision*

secara profesional. Justeru, CIDB melalui CITP, telah mempertingkatkan usaha untuk membangunkan industri pembinaan Malaysia supaya setara dengan status Malaysia negara maju menjelang tahun 2020. Bagi memenuhi matlamat ini, pada tahun 2016, CIDB telah membelanjakan sejumlah RM152.0 juta untuk pelbagai program pembangunan industri pembinaan yang secara langsung dan tidak langsung, telah memanfaatkan 865,044 pekerja binaan dan 79,988 kontraktor berdaftar dengan CIDB – menyediakan mereka dengan kemahiran dan keupayaan yang akan membantu meningkatkan daya saing industri pembinaan kita dengan ketara dari segi kualiti, keselamatan dan profesionalisme.

Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan secara berterusan sepanjang tahun ini bagi mencapai objektif tersebut seperti dibentangkan di bawah:

## KEPUTUSAN INISIATIF TERAS STRATEGIK 1

### **Q1: Meningkatkan penekanan terhadap kualiti dan melaksanakan penilaian kualiti**

QLASSIC, merupakan satu sistem skor yang dibangunkan untuk mengukur dan menilai tahap kualiti kerja pembinaan berdasarkan kepada Standard Industri Pembinaan, dan ia merupakan kaedah berkesan yang telah diterima oleh Kumpulan Kerja Teras 1 (TWG1) sebagai pendekatan untuk mempertingkatkan tahap kualiti dalam industri pembinaan Malaysia.

Memandangkan ia telah dipersetujui untuk diterimakai oleh industri, CIDB telah diamanah untuk melatih lebih ramai penilai QLASSIC yang bertauliah bagi memenuhi permintaan kontraktor atau pemaju yang mahu projek pembinaan mereka dinilai dengan QLASSIC. Pada tahun ini, CIDB telah mentaulahkan seramai 124 penilai QLASSIC dan telah melaksanakan 301 penilaian QLASSIC bagi pelbagai kategori projek pembinaan di seluruh negara.

Pada tahun ditinjau, CIDB berjaya menyiapkan Portal QLASSIC bagi mendapatkan semua data berkaitan penilaian QLASSIC. Kos mewujudkan portal ini telah dibiayai melalui peruntukan bajet di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 berjumlah RM0.6 juta.

### **Q2: Menambahbaik keselamatan di tapak bina dan kemudahan pekerja**

Keadaan di tempat kerja dan tempat tinggal pekerja binaan, sebahagiannya memainkan peranan penting dalam menentukan keselamatan di tapak bina. CIDB telah menjuarai perkara ini dengan menyeru penggiat industri supaya mematuhi Standard Malaysia (MS 2593: 2015) mengenai Kemudahan dan Tempat Tinggal Sementara Pekerja Di Tapak Bina – Kod Amalan. Sebuah projek pembinaan yang dilaksanakan oleh Sunway di Jalan Kampung Sungai Melayu, Johor Bahru telah dipilih sebagai projek perintis bagi dormitori pekerja yang mematuhi Standard Malaysia.

to be a developed nation by 2020, CIDB through CITP, has stepped up its efforts to develop Malaysian construction industry to be at par with this status. Towards this end, in 2016, CIDB spent a total of RM152.0 million for various construction industry development programmes, which have directly and indirectly benefitted 865,044 construction workers and 79,988 CIDB registered contractors nationwide – providing them with the necessary capability and skills respectively, which will significantly help improve our construction industry's level of competitiveness in terms of quality, safety and professionalism.

On-going initiatives undertaken during the year towards achieving those objectives are as presented below:

## RESULTS OF STRATEGIC THRUST 1 INITIATIVES

### **Q1: Increase emphasis on quality and implement quality assessments**

A scoring system designed to measure and assess the workmanship quality of building construction work based on the Construction Industry Standard, QLASSIC, is an effective tool accepted by the Thrust Working Group 1 (TWG1) as a means to enhance quality in the Malaysian construction industry.

In view of its acceptance in the industry, CIDB is entrusted to prepare a pool of accredited QLASSIC assessors to meet the anticipated increase in the number of contractors or developers coming forward to get their construction projects to undergo QLASSIC assessment. During the year, CIDB accredited 124 QLASSIC assessors and conducted 301 QLASSIC assessments on various categories of construction projects nationwide.

During the year under review, CIDB had successfully completed the establishment of a QLASSIC Portal to capture all data related to QLASSIC assessments. The cost of the portal set-up was funded from the 11th Malaysia Plan budget allocation amounting to RM0.6 million.

### **Q2: Improve work site safety and workers' amenities**

Construction workers' working and living condition in part, plays an important role in determining construction work site safety. Hence, to improve safety condition at work sites, CIDB has championed this cause by urging construction industry players to comply to the Malaysian Standard (MS 2593: 2015) on Temporary Construction Site Workers' Amenities and Accommodation - Code of Practice. A construction project by Sunway at Jalan Kampung Sungai Melayu, Johor Bahru was selected as a pilot project on MS-compliant workers' dormitories.

Keselamatan di tapak bina akan lebih terjamin apabila terdapat personel keselamatan berkelayakan yang mencukupi bilangannya di tapak bina. Dengan penyiapan modul latihan Pegawai Keselamatan & Kesihatan Berkaitan Pembinaan (CSHO)/Penyelia Keselamatan Tapak Bina (SSS) pada tahun ini, seramai 477 SHO berbanding 203 yang disasar, telah dilatih di bawah program kolaborasi CIDB-NIOSH. Sementara itu, seramai 614 SSS juga telah dilatih berbanding 125 SSS yang disasar sebelumnya.

Bagi menangani isu keselamatan di tapak bina, TWG1 telah mengambil keputusan supaya bilangan kontraktor yang mempunyai pensijilan MS1722/OHSAS 18001 ditambah sebanyak 10% setiap tahun berdasarkan kepada garis asas tahun 2015. Sejajar dengan matlamat ini, CIDB telah menganjurkan seminar untuk melancarkan semula modul DIY bagi pensijilan MS1722/OHSAS 18001 pada bulan Mei 2016. Lima kontraktor telah memperoleh pensijilan MS1722/OHSAS 18001 berbanding tiga kontraktor yang disasar. Pada akhir tahun ini, CIDB telah menyiapkan kertas dasar mandat penilaian SHASSIC untuk diserahkan kepada Kementerian Kerja Raya bagi mengurangkan dengan ketara kejadian kemalangan di tapak bina.

**Q3: Menambahbaik kemudahan melaksanakan urusan dengan menangani halangan peraturan**  
CIDB dengan kerjasama enam agensi pelesenan utama yang terdiri daripada Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU), PETRONAS, Suruhanjaya Tenaga (EC), Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Pusat Kontraktor Sabah (PUKONSA) dan Unit Pendaftaran Kontraktor & Juruperunding Sarawak (UPKJ) telah merangka pelan jangka panjang untuk mewujudkan sebuah portal khas iaitu Portal Pendaftaran Kontraktor bagi kemudahan kontraktor untuk berdaftar dengan CIDB dan agensi pelesenan lain seperti di atas. Permohonan menerusi Portal ini adalah secara atas talian sepenuhnya. Transformasi ini akan memberi impak yang besar kepada industri dan kontraktor khususnya kerana ia menjimatkan kos pengurusan pendaftaran hasil daripada perkongsian maklumat antara agensi pelesenan, memudahkan permohonan untuk berdaftar dengan CIDB dan agensi-agensi pelesenan lain kerana ia berpusat di satu portal sahaja dan kaedah perkongsian data antara agensi boleh memendekkan tempoh untuk berdaftar dengan setiap agensi pelesenan terlibat. Portal ini juga akan menyediakan maklumat kontraktor yang lebih komprehensif untuk rujukan klien projek pembinaan.

Sebuah jawatankuasa teknikal yang terdiri daripada CIDB, pakar industri dan para perwakilan daripada beberapa agensi kerajaan yang berkaitan telah ditubuhkan pada tahun 2016 untuk membincangkan tentang keperluan mendaftar kontraktor fasiliti di bawah kategori baharu ini. Langkah tersebut akan membantu pelanggan membuat rujukan dan memilih hanya kontraktor yang berdaftar dengan CIDB sahaja boleh menjalankan kerja pengurusan fasiliti dan penyenggaraan. Selepas penyediaan kriteria dan syarat-syarat pendaftaran kontraktor pengurusan fasiliti dan penyenggaraan, CIDB telah diarahkan supaya menyediakan Nota Kabinet berhubung pendaftaran kontraktor fasiliti dan penyenggaraan di CIDB dan

*Safety at work site can be better assured when there are sufficient number of qualified safety personnel supervising safety at work sites. With the completion of the Construction-specific Safety & Health Officer (CSHO)/Site Safety Supervisor (SSS) training modules during the year, 477 SHOs against the targeted 203 were trained under the CIDB-NIOSH collaborative programme. Meanwhile, a number of 614 SSSs were trained compared to the 125 targeted.*

*To address issues of safety at work site, TWG1 has decided that the number of contractors certified with MS1722/OHSAS 18001 be increased by 10% per year from the 2015 baseline. In tandem with this objective, CIDB organised a seminar to promote the re-launched DIY module for MS1722/OHSAS 18001 certification in May 2016. Five contractors were certified with the MS1722/OHSAS 18001 standard as compare to three targeted. As at the end of the year, CIDB finalised its SHASSIC assessment mandate policy paper for submission to the Ministry of Works, which is designed to significantly reduce accidents at work site.*

**Q3: Improve ease of doing business by addressing regulatory constraints**

*CIDB in collaboration with six key licensing, namely Contractors and Entrepreneurs Development Division (BPKU), PETRONAS, the Energy Commission (EC), Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Pusat Kontraktor Sabah (PUKONSA) and Unit Pendaftaran Kontraktor & Juruperunding Sarawak (UPKJ) drew up a long-term plan to develop a special portal i.e. Contractor Registration to facilitate contractor registration with CIDB and the above agencies. Applications through the portal is fully online. The transformation will have a great impact on the industry and contractors as it allows registration management cost savings derived from information sharing between the licensing agencies, ease of registration applications with CIDB and other licensing agencies through a centralised portal and data sharing method between the agencies will shorten registration time span with each of the agency. The portal will also provide a more comprehensive contractor information for reference by clients of construction projects.*

*A technical committee comprising of CIDB, industry experts and representatives from relevant government agencies was established in 2016 to discuss on the requirement to register facility contractors under a new category. This measure will assist clients in making references and choosing only contractors registered with CIDB to carry out their facilities management and maintenance. Upon completion of the criteria set for facility management and maintenance contractors' registration, CIDB was instructed to prepare a Cabinet Paper on facility management and maintenance*

diserahkan kepada Kementerian Kerja Raya pada 15 November 2016 dan diluluskan dalam mesyuarat kabinet pada 11 Januari 2017.

Satu pelan jangka panjang telah dirangka pada tahun ini untuk membantu kontraktor mencapai penarafan bintang SCORE yang lebih tinggi. Melalui SCORE yang merupakan program penilaian keupayaan kontraktor, CIDB bertindak sebagai pemudahcara bagi membantu kontraktor mencapai penarafan bintang SCORE yang tinggi berdasarkan kepada parameter berikut:

- Prestasi perniagaan;
- Keupayaan kewangan;
- Keupayaan teknikal;
- Pengurusan projek;
- Pengurusan perolehan;
- Amalan Terbaik; dan
- Keupayaan pengurusan.

Secara keseluruhan, 3,894 syarikat kontraktor telah menjalani penilaian SCORE pada tahun 2016 berbanding 3,470 syarikat pada tahun 2015. Enam kontraktor G7 berjaya mendapat penarafan SCORE lima bintang iaitu:

- i. Gamuda Berhad
- ii. Gamuda Engineering Sdn. Bhd.
- iii. Sunway Engineering Sdn. Bhd.
- iv. Putra Perdana Construction Sdn. Bhd.
- v. Acre Works Sdn. Bhd.
- vi. IJM Construction Sdn. Bhd.

CIDB telah menerbitkan Laporan Undang-undang Pembinaan 2015 untuk mengkaji pelbagai kes pembinaan yang lepas sebagai rujukan yang memanfaatkan industri pembinaan pada masa depan. Petikan daripada 45 kes pembinaan dari bulan Januari hingga Disember 2016 telah dikumpul bagi menerbitkan Laporan Undang-undang Pembinaan 2015 CIDB.

#### **Q4: Mempromosi dan meningkatkan tahap kesedaran mengenai inisiatif CITP**

Objektif CITP untuk mentransformasi industri pembinaan Malaysia menjadi sebuah industri bertaraf dunia tidak akan berkesan sekiranya pelan induk tersebut tidak disebarluaskan secara meluas kepada penggiat industri, pemegang kepentingan dan orang awam secara umum.

Justeru, sebuah portal mengenai CITP telah dilancarkan di Malam Penghargaan CIDB-Industri pada 4 November 2016. Bagi meningkatkan tahap kesedaran mengenai CITP, 47 acara promosi telah dianjurkan oleh CIDB dan organisasi industri pembinaan lain sepanjang tahun 2016. Pada masa yang sama, tujuh perkongsian strategik telah dimeterai dengan para pemegang kepentingan industri pembinaan iaitu Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH), Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan (REHDA), Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB), MRT Corporation Berhad dan Petronas, berbanding lima yang disasarkan sebelum ini.

contractor registration with CIDB and it was subsequently submitted to the Ministry of Works on 15 November 2016 and approved in the Cabinet Meeting on 11 January 2017.

A long-term plan was drawn up during the year to assist contractors gain higher SCORE star ratings. Through SCORE, a contractor capability assessment programme, CIDB acts as a facilitator to help contractors achieve high SCORE star ratings based on the following parameters:

- Business performance;
- Financial capability;
- Technical capability;
- Project management;
- Procurement management;
- Best Practices; and
- Management capability.

In total, 3,894 contractors companies have undergone SCORE assessments in 2016 compared to 3,470 companies in 2015. Six G7 contractors succeeded in getting five star SCORE rating:

- i. Gamuda Berhad
- ii. Gamuda Engineering Sdn. Bhd.
- iii. Sunway Engineering Sdn. Bhd.
- iv. Putra Perdana Construction Sdn. Bhd.
- v. Acre Works Sdn. Bhd.
- vi. IJM Construction Sdn. Bhd.

CIDB published a 2015 Construction Law Report in June 2016 to study key lessons from past construction cases beneficial for the industry's future development. Extracts from 45 construction cases, from January to December 2016, were also collected in preparation for the publication of the 2016 CIDB Construction Law Report.

#### **Q4: Promote and raise awareness on CITP initiatives**

The objective of CITP to transform the Malaysian construction industry to that of a world class will not be effective if the blueprint is not widely conveyed to industry players, stakeholders and the public at large.

A one-stop portal on CITP was launched at CIDB-Industry Appreciation Night on 4 November 2016. To further increase awareness of CITP, 47 promotional events were conducted by CIDB and other construction industry related organisations throughout 2016. At the same time, seven strategic partnership were sealed with construction industry stakeholders, namely Department of Occupational Safety and Health (DOSH), Malaysian Investment Development Authority (MIDA), Federal Territory Health Department Kuala Lumpur & Putrajaya, Kuala Lumpur City Hall, Real Estate and Housing Developers Association (REHDA), Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB), MRT Corporation Berhad and Petronas, against five targeted earlier.

CIDB merekodkan nilai Perhubungan Awam berjumlah RM38 juta untuk liputan media yang melibatkan ketua industri berbanding RM20 juta yang disasarkan pada tahun ini. Di samping itu, melalui aktiviti media sosial yang meliputi Facebook, Twitter dan You Tube, CIDB mencapai 7.3 juta pengguna berbanding sasaran 3 juta pengguna media sosial.

## MENUJU MASA DEPAN

Banyak masa dilaburkan untuk menyedia dan membina infrastruktur dalam tahun pertama pelaksanaan Teras Strategik ini. Hasil yang diperoleh menunjukkan pencapaian yang menggalakkan dan dijangka akan bertambah baik lagi pada tahun depan. Pada penghujung tahun ini, TWG1 telah memasukkan sebuah inisiatif baharu di bawah ST1 iaitu Mempertingkatkan Integriti dan Memperkuuh Tadbir Urus bagi mempertingkatkan tahap kualiti, keselamatan dan profesionalisme dalam industri pembinaan Malaysia; menjadikan pelan induk ini lebih komprehensif untuk mendorong industri pembinaan negara meredah laluan transformasi yang dinamik ini.

Apabila sasaran kualiti, keselamatan dan profesionalisme dicapai dalam tempoh beberapa tahun akan datang, lebih 50% projek awam bernilai lebih RM50 juta dijangka akan mengatasi skor QLASSIC pada paras yang memuaskan menjelang tahun 2020. Ia juga akan menyaksikan lebih 50% pengurangan dalam kemalangan dan kecederaan di tapak bina. Akhir sekali, tahap kemudahan berurus dalam mendapatkan permit juga akan meningkat kira-kira 5%.

CIDB recorded RM38 million in Public Relations value on media coverage which involved industry captains compared to its target of RM20 million during the year. In addition, through its social media activities, which include Facebook, Twitter and You Tube, CIDB achieved 7.3 million reach, compared to 3 million social media users.

## MOVING FORWARD

A lot of time was spent on preparatory works and infrastructure implementation in its first year of execution. The results showed an encouraging rate of success and it is expected to perform even better next year. Towards the end of the year, TWG1 included a new initiative, i.e. Enhance Integrity and Increase Governance under ST1 Initiatives to further improve quality, safety and professionalism within the Malaysian construction industry, thus, giving better credence to the blueprint's effectiveness and comprehensiveness in taking the industry through this dynamic transformational path.


When targets of quality, safety and professionalism initiatives are achieved over a couple of years, more than 50% of public projects valued more than RM50 million are expected to exceed acceptable QLASSIC Score by 2020. It will also see more than 50% reduction in work site fatalities and injuries. Subsequently, the level of ease in dealing with construction permits will also rise by approximately 5%.





# Membina Suasana Kehidupan Berteras Kemampunan

*Building Sustainably Engineered  
Living Atmosphere*





## TERAS STRATEGIK 2

### KEMAMPANAN ALAM SEKITAR

Kemampunan alam sekitar memastikan keseluruhan proses pembinaan tidak menjaskan kestabilan alam sekitar, fabrik ekonomi mahupun sosial masyarakat. Ini dicapai melalui pengurusan sumber pembinaan secara cekap bagi membolehkan manusia dan alam semulajadi wujud bersama dalam suasana harmoni. Maklumat bagi hasil Inisiatif Teras Strategik Kemampunan Alam Sekitar yang dilaksanakan pada tahun ini mencerminkan kejayaan pencapaian kebanyakan sasaran yang ditetapkan pada tahun 2016.

## STRATEGIC THRUST 2

### ENVIRONMENTAL SUSTAINABILITY

*Sustainability in construction ensures that the whole process of construction does not affect the stability of the environment, economic, or social fabrics of the community. This is achievable through efficient management of construction resources, which enable human and nature to co-exist in a harmonious atmosphere. Highlights of results of Environmental Sustainability Strategic Thrust Initiatives implemented during the year reflect successful achievement of most targets set for 2016.*

## MAKLUMAT UTAMA INISIATIF TERAS STRATEGIK 2 2016

HIGHLIGHTS OF STRATEGIC THRUST 2 INITIATIVES 2016

E1	Memacu inovasi dalam pembinaan mampan. <i>Drive innovation in sustainable construction.</i>
E2	Memacu pematuhan kepada penarafan dan keperluan kemampunan alam sekitar. <i>Drive compliance to environmental sustainability ratings and requirements.</i>
E3	Fokus kepada projek awam untuk mempelopori amalan mampan. <i>Focus on public projects to lead the charge on sustainable practices.</i>
E4	Memudahcara penerapan amalan mampan dalam industri. <i>Facilitate industry adoption of sustainable practices.</i>
E5	Kurangkan sisa tidak bertanggungjawab semasa pembinaan. <i>Reduce irresponsible waste during construction.</i>

## RINGKASAN PENCAPAIAN

SUMMARY OF ACHIEVEMENTS

Bilangan Inisiatif Total Number of Initiatives	5
Bilangan KPI Keseluruhan Total Number of KPIs	17
Bilangan KPI Ditugaskan kepada CIDB Number of KPIs Assigned to CIDB	8
Prestasi Performance	<ul style="list-style-type: none"><li>• 2 KPI mencapai lebih 90%.</li><li>• 6 KPI mencapai 67% - 85%.</li></ul> <hr/> <ul style="list-style-type: none"><li>• 2 KPIs achieved more than 90%.</li><li>• 6 KPIs achieved 67% - 85%.</li></ul>

## TINJAUAN UMUM KEMAMPUNAN ALAM SEKITAR

Di bawah lima Inisiatif Teras Strategik Kemampunan Alam Sekitar, CIDB bertanggungjawab terhadap lapan daripada 17 KPInya. Teras Strategik ini mencapai 88% kadar kejayaan pada tahun ditinjau.

Pada masa lepas, aktiviti pembinaan yang tidak dikendali secara mampan telah menyebabkan kerosakan serius kepada kehidupan manusia. Pencemaran udara, air dan bunyi bising; banjir kilat, hakisan tanah dan sistem eko yang tandus merupakan sebahagian daripada kerosakan utama yang diakibatkan oleh amalan pembinaan tidak mampan dan kesan daripada bencana ini menyebabkan kerugian bernilai jutaan Ringgit terpaksa ditanggung setiap tahun serta jutaan Ringgit lagi terpaksa dibelanjakan sebagai kos membaiki dan memulih.

## KEPUTUSAN INISIATIF TERAS STRATEGIK 2

### E1: Memacu inovasi dalam pembinaan mampan

Bagi mempertingkatkan amalan kemampunan dalam pembinaan di kalangan penggiat industri, pada tahun ini, CIDB telah mewujudkan sebuah Pusat Kecemerlangan

## ENVIRONMENTAL SUSTAINABILITY OVERVIEW

Within the five initiatives under the Environmental Sustainability Strategic Thrust, CIDB is responsible for eight out of 17 KPIs. The Strategic Thrust achieved 88% success rate for the year under review.

In the past, construction activities, which were not sustainably managed were known to have caused serious damage to human lives. Air, water, and noise pollution; flash flood, soil erosion, and dead eco-system are some of the major hazards known to have been caused by non-sustainable construction practices and as a result, millions of Ringgit were lost annually to these calamities; and millions more were spent for the cost of repairs & rehabilitations.

## RESULTS OF STRATEGIC THRUST 2 INITIATIVES

### E1: Drive innovation in sustainable construction

In enhancing the adoption of sustainability in construction amongst industry players, CIDB had during the year established a Centre of Excellence for Sustainable

bagi Kemampunan Pembinaan yang dikenali sebagai MAMPAN, di bawah Institut Penyelidikan Pembinaan Malaysia (CREAM). MAMPAN yang telah memulakan operasinya pada 1 Jun 2016, telah ditubuh untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan dengan membangun, memasar dan melaksana pelbagai amalan pembinaan mampan di Malaysia. Ia akan direalisasi melalui program Pembangunan Sistem PenarafanInfrastruktur Mampan, Pembangunan Kapasiti Pembinaan, Pembangunan Promosi, Perhubungan & Perkongsian dan R&D serta Inovasi.

Empat institusi pengajian tinggi yang terdiri daripada Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia dan turut disertai REHDA Institute telah bersetuju untuk menjalankan R&D dalam pembangunan pembinaan mampan melalui MoU yang ditandatangani dengan CIDB. Dua topik R&D telah diluluskan iaitu Teknik Inovasi untuk Kestabilan Tanah dan Kajian Geo-Alam Sekitar serta Impak Alam Semulajadi kepada Lebuhraya Pan-Borneo.

#### **E2: Memacu pematuhan kepada penarafan dan keperluan kemampunan alam sekitar**

Dalam memainkan peranan mengurangkan pelepasan karbon daripada aktiviti pembinaan yang juga selaras dengan komitmen kita di bawah Protokol Kyoto, CIDB dengan kerjasama JKR telah mewujudkan Malaysian Carbon Reduction and Environmental Sustainability Tool (MyCREST), iaitu sistem penilaian bersepadu yang mengukur impak kelestarian dengan indikator pelepasan karbon daripada bangunan. Dilancarkan oleh Menteri Kerja Raya pada bulan Mei 2016, setakat ini, 26 projek kerajaan dan swasta telah menerima pakai MyCREST serta 20 pemaju di bawah REHDA telah bersetuju menerima pakai MyCREST melalui Memorandum Kolaborasi (MoC) yang ditandatangani antara CIDB dan REHDA pada bulan Mac 2016.

MoC telah merintis laluan ke arah menerbitkan kesedaran, menyediakan pendidikan dan mempromosi program berkaitan MyCREST di kalangan kontraktor dan pemaju. CIDB dan rakan strategiknya, GreenRE Sdn Bhd, telah memulakan kursus pensijilan iaitu MyCREST Qualified Professional & GreenRE Manager Dual Certification Course bagi menyediakan pembangunan kapasiti MyCREST untuk industri pembinaan negara.

Pada akhir tahun 2016, seramai 46 peserta telah diberi pensijilan MyCREST Qualified Professional dan mereka dijangka akan memberi panduan serta menasihat kumpulan projek bagi memasukkan elemen kemampunan dalam sesebuah bangunan. Sementara itu, 28 pegawai penilai MyCREST daripada sektor awam dan swasta telah diakreditasi pada tahun 2016. Sepanjang tahun ini, empat sesi seminar telah dianjur untuk penggiat industri dan ia menampilkan tiga prinsip kemampunan iaitu alam sekitar, ekonomi dan sosial, di samping memperkenalkan MyCREST sebagai sebuah sistem penarafan kemampunan yang memfokus kepada ukuran pelepasan karbon.

Construction, known as MAMPAN, under its Construction Research Institute of Malaysia (CREAM). MAMPAN, which started its operation on 1 June 2016, was established to enhance the quality of life by developing, marketing and implementing sustainable construction practices in Malaysia. These are to be realised through Sustainable Infrastructure Rating Tool development, Capacity Building development, Promotion, Relationship & Partnership development and R&D and Innovation programmes.

Four institutions of higher learning plus a professional institution, namely Universiti Malaya, Universiti Sains Malaysia, Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia and including REHDA Institute have agreed to undertake R&D in sustainable construction development via the signing of MoUs with CIDB. Two R&D topics have been approved, which are Innovation Techniques for Soil Stabilisation, and a Geo-Environmental Study and Environmental Impact to the Pan-Borneo Highway.

#### **E2: Drive compliance to environmental sustainability ratings and requirements**

To play its role in reducing carbon emission from construction activities, which is also in tandem with our commitment under the Kyoto Protocol, CIDB in collaboration with JKR established the Malaysian Carbon Reduction and Environmental Sustainability Tool (MyCREST), an integrated evaluation system to measure carbon emission from a building. Launched by the Minister of Works in May 2016, 26 government and private projects and 20 developers under REHDA have so far adopted MyCREST through a Memorandum of Collaboration (MoC) signed between CIDB and REHDA in March 2016.

The MoC has paved the way towards creating awareness, providing education and promoting programmes related to MyCREST amongst contractors and developers. CIDB and its strategic partner, GreenRE Sdn Bhd, have initiated a dual certification course, i.e. MyCREST Qualified Professional & GreenRE Manager Certification Course to provide professional MyCREST assessors for the industry.

As at the end of 2016, 46 participants were granted with MyCREST Qualified Professional certification, and they are expected to guide and advise project groups to foster green elements in a building. Meanwhile, 28 MyCREST assessor officers from the public and private sectors were accredited in 2016. Throughout 2016, four seminar sessions were organised for industry players nationwide, which highlighted three main principles of sustainability, i.e. environment, economic and social aspects besides introducing MyCREST as a sustainable building rating system which focuses on carbon emission measurement.

CIDB melalui CREAM, telah mengendalikan sebuah Kajian Kaedah Penanda Aras untuk memperakui darjah komprehensif dan konsistensi pelbagai sistem penarafan. Kajian ini akan disiapkan pada tahun 2017. CIDB juga telah memulakan kutipan data mengenai kontraktor G7 yang telah mendapat persijilan ISO14001 sehingga kini seramai 118, dan CIDB akan meneruskan usahanya mendorong pematuhan. Melalui inisiatif ini, Kementerian Kewangan (MoF) turut telah bersetuju untuk merintis ISO14001 bagi projek kerajaan bernilai RM500 juta dan ke atas.

### **E3: Fokus kepada projek awam untuk mempelopori amalan mampan**

Selaras dengan dasar kerajaan yang menetapkan sasaran 20% Perolehan Hijau Kerajaan menjelang tahun 2020, Kementerian Kewangan (MoF) telah mengeluarkan arahan kepada 12 kementerian agar perolehan hijau diperluaskan. Sehubungan itu, bagi memulakan projek perintis ini, JKR dengan kerjasama CIDB telah melaksanakannya dalam projek-projek berikut:

- Pusat Pengajian Pengurusan Pelancongan, Hospitaliti dan Alam Sekitar UUM Colgis – UUM, ditenderkan pada 26 Disember 2016;
- Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional di kampus UPSI Teluk Intan Fasa 2 – Pembinaan ditenderkan pada 12 Januari 2017; dan
- Pusat Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia di Bandar Baru Enstek, Negeri Sembilan, ditenderkan pada 12 Januari 2017.

Pada bulan September 2016, CIDB telah melantik Universiti Islam Antarabangsa Malaysia untuk mengkaji perwujudan garis asas pengurangan karbon dan kajian ini dijangka akan disiapkan pada tahun 2017.

### **E4: Memudahkan penerapan amalan mampan dalam industri**

Pada tahun ini juga, Kerajaan melalui Majlis Teknologi Hijau Malaysia (MGTC) dan Malaysian Investment Development Authority (MIDA) telah bersetuju untuk memberi dua insentif cukai yang bertujuan menggalakkan amalan teknologi hijau dalam industri pembinaan Malaysia. Ini meliputi Elaun Cukai Pelaburan Hijau (GITA) bagi Projek dan Pengecualian Cukai Pendapatan Hijau (GITE) untuk perkhidmatan teknologi hijau.

CIDB telah mengemukakan permohonan bagi mendapatkan manfaat insentif cukai bagi MyCREST, yang telah diserahkan kepada MGTC bagi proses kelulusan.

### **E5: Kurangkan sisa tidak bertanggungjawab semasa pembinaan**

CIDB dengan kerjasama rakan strategiknya akan mewujudkan sebuah garis asas untuk pengitaran semula sisa pembinaan dan perobohan (C&D). Universiti Tun Hussein Onn (UTHM) telah dilantik pada bulan November 2016 untuk menjalankan kajian mengenai Sisa C&D Dikitar Semula dan dijangka akan disiapkan pada tahun 2017.

CIDB through CREAM, conducted a Benchmark Methodology Study for certifying comprehensiveness and consistency of rating systems. The study to be completed by 2017. CIDB also initiated data collection on ISO14001 certified G7 contractors, which to-date totals 118, and CIDB will continue its effort in driving their compliance. Through this initiative, The Ministry of Finance (MoF) has also agreed on piloting ISO14001 for government projects worth RM500 million and above.

### **E3: Focus on public projects to lead the charge on sustainable practices.**

In line with government policy that sets a target of 20% Government Green Procurement in 2020, the Ministry of Finance (MoF) has issued a directive to the 12 ministries that extended green procurement. Hence, in order to start a pilot project, in collaboration with the CIDB JKR has done so in the following projects:

- *Pusat Pengajian Pengurusan Pelancongan, Hospitaliti dan Alam Sekitar UUM Colgis – UUM, tendered out on 26 December 2016;*
- *Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional at UPSI Teluk Intan campus Phase 2 – Building, tendered out on 12 January 2017; and*
- *Pusat Latihan Keselamatan Perlindungan Malaysia at Bandar Baru Enstek, Negeri Sembilan, tendered out on 12 January 2017.*

*In September 2016, CIDB appointed the International Islamic University of Malaysia to study the establishment of a carbon reduction baseline; and the study is expected to be completed in 2017.*

### **E4: Facilitate industry adoption of sustainable practices**

*The government through Majlis Teknologi Hijau Malaysia (MGTC) and Malaysian Investment Development Authority (MIDA) has agreed to give two tax incentives, which are intended to encourage adoption of green technology in Malaysian construction industry. These include the Green Investment Tax Allowance (GITA) for Projects and Green Income Tax Exemption (GITE) for green technology services.*

*CIDB has also submitted application for tax incentive benefit for MyCREST, which was submitted to MGTC for approval process.*

### **E5: Reduce irresponsible waste during construction**

*CIDB in collaboration with its strategic partner, will establish a baseline for construction and demolition (C&D) waste recycle. Universiti Tun Hussein Onn (UTHM) was appointed in November 2016 to undertake the study on C&D Waste Recycled and it is expected to be completed in 2017.*

Sebuah pusat kitar semula C&D di Sungai Kertas, Selangor telah dikenal pasti. Tapak kampus sisa lengai Sungai Kertas dilengkapi dengan kemudahan mengkitar semula sisa C&D dan kajian mengenai penggunaannya dimasukkan ke dalam kajian garis asas sisa C&D dikitar semula.

## MENUJU MASA DEPAN

CIDB mempunyai aspirasi untuk meletakkan amalan kemampanan dalam pembinaan di setiap kitaran hayat atau rantaian nilai projek serta menggalakkan pematuhan yang menyokong pelbagai aktiviti kemampanan supaya dapat mencapai objektif kemampanan dalam jangka masa panjang.

Menjelang tahun 2020, CITP melalui teras Kemampanan Alam Sekitar meletakkan matlamat untuk mencapai 100% projek infrastruktur bersaiz besar mengatasi keperluan kemampanan dan pengurangan 4 Mt CO<sub>2</sub> setiap tahun.

One C&D waste recycle centre in Sungai Kertas, Selangor was identified. The Sungai Kertas inert waste landfill is equipped with C&D recycling facility and the study on its utilisation is included in the baseline study for C&D waste recycled.

## MOVING FORWARD


CIDB aspires to put in place, sustainable practices at every project life cycle or value chain and promotes compliance that supports sustainable activities in achieving its long-term sustainable objective.

By 2020, CITP through Environmental Sustainability thrust aims to achieve 100% of large infrastructure projects to exceed sustainability requirements and 4 Mt CO<sub>2</sub> equivalent reduction per year.



# Memesatkan Pertumbuhan Pembinaan Melalui Peningkatan Produktiviti

*Accelerating Construction Growth through  
Productivity Enhancement*





## TERAS STRATEGIK 3

### PRODUKTIVITI

Di samping melengkapkan personel binaan dengan kemahiran sewajarnya, melatih semula kemahiran dan meningkatkan kemahiran mereka bagi mempertingkatkan produktiviti dalam industri pembinaan Malaysia secara berterusan, CIDB juga menggalakkan penggiat industri menerima pakai automasi dan mekanisasi untuk mempercepatkan arus pembangunan industri pembinaan negara. Standard pembinaan baharu, teknologi pembinaan yang semakin canggih dan permintaan masa depan yang dinamik memerlukan peningkatan produktiviti dalam pembinaan. Pencapaian CIDB ke arah mencapai matlamat tersebut pada akhir tahun 2016 adalah seperti dicatatkan di bawah.

## STRATEGIC THRUST 3

### PRODUCTIVITY

Besides providing construction personnel with proper skills, reskilling and up skilling to continuously improve productivity in Malaysian construction industry, CIDB is also encouraging industry players to adopt automation and mechanisation to speed up the pace of its development. New construction standards, evolving construction technology, and dynamic future demand urgently need productivity enhancement in construction. CIDB's achievements towards that end in 2016 are as highlighted below.

## MAKLUMAT UTAMA INISIATIF TERAS STRATEGIK 3 2016

HIGHLIGHTS OF STRATEGIC THRUST 3 INITIATIVES 2016

<b>P1</b>	Meneruskan pelaburan dalam pembangunan modal insan pembinaan. <i>Continue investment in human capital development in construction.</i>
<b>P2</b>	Mempertingkat kawalan dan keseimbangan bekalan tenaga kerja. <i>Enhance control and balance of workforce supply.</i>
<b>P3</b>	Memusatkan amalan IBS, penggunaan jentera dan amalan moden. <i>Accelerate adoption of IBS, mechanisation and modern practices.</i>
<b>P4</b>	Memperluas kelebihan teknologi di seluruh kitaran hayat projek. <i>Roll out technology advantage across project life-cycle.</i>
<b>P5</b>	Mempertingkat ketersediaan maklumat strategik melalui NCIIC. <i>Enhance availability of strategic information via NCIIC.</i>
<b>P6</b>	Memajukan pembinaan kapasiti dan keupayaan PKS Bumiputera. <i>Advance SME Bumiputera capacity and capability building.</i>

## RINGKASAN PENCAPAIAN

SUMMARY OF ACHIEVEMENTS

<b>Bilangan Inisiatif</b> <i>Total Number of Initiatives</i>	<b>6</b>
<b>Bilangan KPI Keseluruhan</b> <i>Total Number of KPIs</i>	<b>47</b>
<b>Bilangan KPI Ditugaskan kepada CIDB</b> <i>Number of KPIs Assigned to CIDB</i>	<b>38</b>
<b>Prestasi</b> <i>Performance</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 34 KPI mencapai lebih 90%.</li> <li>• 4 KPI mencapai 67% - 85%.</li> </ul> <hr/> <ul style="list-style-type: none"> <li>• 34 KPIs achieved more than 90%.</li> <li>• 4 KPIs achieved 67% - 85%.</li> </ul>

## TINJAUAN UMUM PEMBANGUNAN PRODUKTIVITI

Daripada enam inisiatif di bawah Teras Strategik ini, CIDB terlibat secara langsung dalam 38 daripada 47 KPInya. Secara keseluruhan, Teras Strategik Produktiviti menampilkan prestasi yang sangat menggalakkan dengan 92% kadar kejayaan.

Inisiatif penambahbaikan produktiviti pembinaan yang dijalankan pada tahun ini dimulakan dengan menyusun semula pelbagai program latihan berkaitan pembinaan di mana idea untuk pembangunan kecekapan diperoleh melalui forum dan ini diikuti dengan pengumpulan dan pengesahan pelbagai program latihan serta pendaftaran penyedia program latihan. Hasil daripada proses yang dijalankan ini telah melengkapkan secara positif objektif di sebalik Pelan Induk Industri Pembinaan mengenai Pembangunan Tred Kemahiran yang berjaya disiapkan pada akhir tahun ditinjau.

## PRODUCTIVITY DEVELOPMENT OVERVIEW

Of the six initiatives under this Strategic Thrust, CIDB is directly involved in 38 out of 47 KPIs. Overall, Productivity Strategic Thrust performed very well with 92% success rate.

Construction productivity improvement initiative undertaken during the year began with streamlining of construction-related training programmes where ideas for competency development was garnered through forum, and this was subsequently followed with compilation and validation of training programmes and registration of training providers. Results from this process have positively complemented the objective underlying the Construction Industry Blueprint on Skilled Trades Development, which was successfully completed at the end of the year.

Butiran inisiatif strategik yang dijalankan oleh CIDB untuk mempertingkatkan produktiviti industri pembinaan negara pada tahun ini dibentangkan seperti di bawah.

## KEPUTUSAN INISIATIF TERAS STRATEGIK 3

### P1: Meneruskan pelaburan dalam pembangunan modal insan pembinaan

Forum Kompetensi Industri Pembinaan atau *Construction Industry Competency Forum (CICF)* telah ditubuhkan pada Jun 2016 bertujuan untuk menyelaras dan menyeragamkan program-program Latihan Pendidikan Teknikal dan Vokasional atau *Technical and Vocational Education Training (TVET)* yang berkaitan dengan industri pembinaan. Ahli forum CICF diwakili oleh beberapa wakil daripada pelbagai agensi kerajaan dan institusi teknikal kemahiran lain di Malaysia.

CIDB telah membangunkan Pelan Kompetensi Industri Pembinaan (*Construction Industry Competency Blueprint, CICB*) pada tahun 2016. Sebanyak 480 tajuk pekerjaan dalam industri pembinaan atau *Construction Industry Occupational Title (CIOT)* telah dikenalpasti melibatkan 10 sektor yang terdapat dalam industri pembinaan. Selain itu, CIDB juga telah mengenalpasti 10 tred kemahiran berkaitan pembinaan berimpak tinggi dan ianya telah disahkan oleh IWG iaitu:

1. Pemasangan Perancah;
2. Kimpalan 3G dan 6G;
3. Pendawai (PW1, PW2, PW3 dan PW4);
4. Jurujaga / Penjaga Jentera (AO, AI, BO, B1 and B4);
5. Pemasangan Paip Gas (pemasangan/insulation);
6. Bagas dan Mengecat;
7. Ujian Tanpa Musnah;
8. Operasi Kren;
9. Operasi Loji; and
10. Kerja paip.

Latihan dalam keadaan sebenar di tempat kerja merupakan salah satu kaedah terbaik untuk meningkatkan produktiviti kerana ia boleh menunjukkan secara realistik tahap kecekapan personel binaan berprestasi dalam keadaan di tempat kerja sebenar. Justeru, pada tahun ini, seramai 604 pelatih berbanding 500 pelatih yang disasarkan, telah menjalani program perantisan. Pada masa yang sama, untuk mempertingkatkan lagi kekompetenan penyeliaan dan pengurusan dalam pembinaan, seramai 5,089 personel penyeliaan dan pengurusan berbanding 3,000 personel yang disasarkan, telah dilatih dan diperakui. Sementara itu, seramai 32,350 personel binaan berbanding 20,000 personel yang disasarkan, telah dilatih dalam bidang Pembangunan Profesional Berterusan (CPD). Melalui program latihan kemahiran belia dan personel binaan, seramai 37,142 orang telah berjaya dilatih berbanding 26,000 yang disasarkan dalam beberapa bidang kemahiran pada tahun 2016.

*Details of strategic initiatives undertaken by CIDB to enhance the nation's construction industry productivity during the year are as outlined below.*

## RESULTS OF STRATEGIC THRUST 3 INITIATIVES

### P1: Continue investment in human capital development in construction

*Construction Industry Competency Forum (CICF) was established in June 2016 to streamline and standardise the training programmes of Technical and Vocational Education Training (TVET) in construction related training. CICF members are represented by representatives from various government agencies and other technical skills institution in Malaysia.*

*CIDB have developed a Construction Competency Blueprint on 2016. A total of 480 occupational title in construction industry or Construction Industry Occupational Title (CIOT) has been identified involving 10 sectors in the construction industry. CIDB has also identified 10 trades of highly impact construction related skills and it has been verified by IWG as follow:*

1. Scaffolding Erection;
2. 3G and 6G Welding;
3. Wireman (PW1, PW2, PW3, and PW4);
4. Chargeman (AO, AI, BO, B1 and B4);
5. Gas Pipe Fitting (fitting/insulation);
6. Blasting and Painting;
7. Non-Destructive Testing;
8. Crane Operation;
9. Plant Operation; and
10. Plumbing.

*Training in real life working conditions is the best way to improve productivity because it shows realistically how efficient construction personnel can perform under such conditions. Hence, during the year, 604 trainees compared to 500 trainees targeted, have undergone the apprenticeship program. At the same time, to enhance the supervisory and managerial competency in construction, 5,089 supervisory and management personnel against 3,000 personnel targeted, were trained and certified. Meanwhile, another 32,350 construction personnel against 20,000 targeted, were trained in Continuous Professional Development (CPD) fields. Through youth and construction personnel skill training programs, a total of 37,142 people have been trained compared to 26,000 targeted in some skills in 2016.*

Pada tahun ini, sebanyak 28 Pusat Penilaian Kompetensi Kemahiran di beberapa negara sumber pekerja asing yang terdiri daripada Bangladesh (10 pusat), India (9 pusat), Thailand (1 pusat) dan Myanmar (1 pusat) telah diperakui oleh CIDB untuk mengendalikan penilaian ke atas tred kemahiran tertentu.

## P2: Mempertingkat kawalan dan keseimbangan bekalan tenaga kerja

Perancangan tenaga manusia pembinaan merupakan satu aspek penting dalam mempertingkatkan produktiviti tenaga manusia industri pembinaan Malaysia. Justeru, pada tahun ini, CIDB telah melancarkan usaha untuk mengkaji Permintaan dan Bekalan Tenaga Manusia Industri Pembinaan Malaysia yang dijangka akan disiapkan menjelang suku ketiga tahun 2017. Dapatan daripada kajian ini akan diterbitkan sebagai Laporan Permintaan dan Bekalan Tenaga Manusia Pembinaan Tahunan mulai suku keempat tahun 2017 dan akan diteruskan pada tahun-tahun berikutnya.


Pada tahun ini, semua tred kemahiran pembinaan telah disemak semula dan diwartakan menurut keperluan seperti dinyatakan di bawah Jadual 3 Akta 520 CIDB (Pindaan) 2011. Akta ini memberi mandat supaya semua pekerja mahir dan personel penyeliaan hendaklah diakredit mulai suku keempat tahun 2016 dan seterusnya. Sehingga akhir tahun ini, seramai 853,553 personel binaan telah diakredit dalam tred kemahiran masing-masing. Akreditasi yang dikendalikan oleh CIDB ini mencatatkan pencapaian paling tinggi sejak program tersebut dilancarkan buat pertama kali pada tahun 2002 dan ia juga menunjukkan bahawa penggiat industri memberi tindak balas positif dalam mematuhi kepada keperluan di bawah Akta CIDB (Pindaan) 2011.

*During the year, a total of 28 Skill Competency Assessment Centres in foreign worker source countries, namely Bangladesh (10 centres), India (9 centres), Thailand (1 centre) and Myanmar (1 centre) have been certified by CIDB to conduct certain skill trades.*

## P2: Enhance control and balance of workforce supply

*Construction manpower planning is an essential aspect in enhancing the productivity of Malaysian construction industry manpower. Hence, during the year, CIDB embarked on an effort to study the Malaysian Construction Industry Manpower Demand and Supply, which is expected to be completed by the third quarter of 2017. Findings from the study will then be published as an Annual Construction Manpower Demand and Supply Report starting from the fourth quarter of 2017 onwards.*

*During the year, all construction skill trades were reviewed and gazetted in accordance to the requirement as stated under Schedule 3 of CIDB Act (Amended) 2011. The Act mandated that all qualified skilled workers and supervisory personnel are to be accredited from the fourth quarter of 2016 onwards. During the year under review, 853,553 construction personnel were accredited in their respective skill trades. Conducted by CIDB, this marked the highest achievement since the programme was first introduced in 2002 and it is also an indication that industry players are responding positively towards complying to the requirements under CIDB Act (Amended) 2011.*



### P3: Memusatkan amalan IBS, penggunaan jentera dan amalan moden

Menyedari bahawa Sistem Binaan Berindustri (IBS) bukan sahaja banyak membantu meningkatkan produktiviti, malah menambahbaik kualiti, keselamatan dan kecekapan kos; usaha untuk meluaskan skel amalan IBS oleh penggiat industri telah diperhebatkan pada tahun ini. Bagi mempermudah penggiat industri menerimanya dengan lebih baik, CIDB dan JKR telah bersetuju untuk mengharmoni komponen katalog IBS masing-masing dan proses tersebut telah disiapkan pada tahun ini.

Sementara itu, untuk meluaskan amalan IBS untuk projek sektor swasta, kelulusan telah diperoleh daripada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk memandatkan 100% perintah pembangunan baharu bagi sektor swasta di Kawasan Lembah Klang bernilai RM50 juta dan ke atas mencapai skor IBS 50 menjelang 2018 dan menjelang 2020, peraturan ini akan diperluaskan supaya meliputi projek sektor swasta yang dikenal pasti oleh pihak berkuasa tempatan di negeri-negeri Selangor, Johor dan Pulau Pinang.

Selain itu, bagi mempertingkatkan nilai aplikasi IBS, CIDB telah mencari beberapa cara untuk memusatkan rantaian bekalan IBS dengan menggunakan beberapa mekanisma ekonomi. Pada tahun ini, CIDB telah mendaftar 26 pengilang IBS baharu di tujuh negeri, berbanding 20 yang disasarkan. Bagi membina bilangan modal insan yang berpengetahuan dalam IBS dan reka bentuk Modular (MC), CIDB telah melatih seramai 356 profesional yang terdiri daripada 46 arkitek, 201 jurutera dan 109 jurukur bahan dan sebuah direktori profesional IBS terlatih telah diterbitkan pada tahun ini untuk memudahkan ia dirujuk oleh para pengguna dalam industri.

Para pengilang IBS mendapat durian runtuh pada tahun ini apabila kerajaan bersetuju untuk meluluskan insentif tanpa cukai bagi loji perkilangan IBS baharu. Langkah tersebut dijangka akan membantu meningkatkan bekalan komponen IBS di pasaran, menstabilkan harganya secara kompetitif dan menggalakkan penggunaan IBS secara lebih meluas di kalangan penggiat industri. Gamuda Industrialised Building System SdnBhd muncul sebagai pengilang IBS pertama menerima insentif cukai ini.

### P4: Memperluas kelebihan teknologi di seluruh kitaran hayat projek

Kerajaan menggalakkan industri pembinaan Malaysia menggunakan Building Information Modelling (BIM), iaitu alat kolaborasi berbilang disiplin yang digunakan untuk merancang dan mengurus setiap fasa proses pembinaan dalam sesebuah projek kerana alat ini memudahkan penyelesaian pelbagai isu dalam industri seperti mencegah perselisihan antara pihak-pihak yang terlibat dalam sesebuah projek, perbezaan reka bentuk oleh pelbagai profesional dan isu lebihan kos.

### P3: Accelerate adoption of IBS, mechanisation and modern practices

Recognising that Industrialised Building System (IBS) will not only immensely help increase productivity, but also improve quality, safety and cost efficiency, efforts to expand the scale of IBS adoption by industry players was intensified during the year. To facilitate better adoption by industry players, CIDB and JKR have agreed to harmonise their IBS components catalogue and the process was completed during the year.

Meanwhile, to expand IBS adoption for private sector projects, approval was sought from the Ministry of Urban Wellbeing, Housing and Local Government to mandate 100% of new development order for private sector projects in Greater Klang Valley worth RM50 million and above to achieve a minimum of 50 IBS score by 2018 and by 2020, this will be further expanded to cover private sector projects identified by local authorities in the states of Selangor, Johor and Pulau Pinang.

Furthermore, to enhance the value of IBS application, CIDB has looked into ways to propel IBS supply chain by using various economic mechanisms. During the year, CIDB registered 26 new IBS manufacturers in seven states, against 20 targeted. To build the number of human capital who are knowledgeable in IBS and Modular Coordination (MC) design, CIDB trained 356 professionals comprising of 46 architects, 201 engineers, and 109 quantity surveyors and a directory of trained IBS professionals was published during the year for easy reference by members of the industry fraternity.

*It is a windfall to IBS manufacturers when the government had during the year, approved a tax holiday incentive for new IBS manufacturing plants. This is expected to help increase supply of IBS components in the market, stabilise its price competitively and encourage wider usage of IBS amongst industry players. Gamuda Industrialised Building System Sdn Bhd emerged as the first IBS manufacturer to receive the tax incentive.*

### P4: Roll out technology advantage across project life-cycle

The government is encouraging Malaysian construction industry to apply Building Information Modelling (BIM), a multi-disciplinary collaborative tool used to plan and manage every phase of construction process, in any given project as this tool facilitates problem solving to many issues in the industry such as prevention of disputes between parties involved in a project, clash of design by different professionals and cost overrun.

Pada tahun ini, JKR telah memulakan pelaksanaan BIM Tahap 1 dalam pelbagai projek pembangunannya. Sementara itu, CIDB melalui IWG11 telah memainkan peranan penting dalam pembangunan BIM Object Library pada tahun 2016. BIM Library ini mengandungi komponen digital yang boleh dimuat turun untuk membantu penggiat industri dalam reka bentuk projek mereka. Pada akhir tahun ini, platform tersebut telah mencapai 90% peringkat siap.

Bagi meningkatkan lagi pengetahuan penggiat industri serta meluaskan penerimaan mereka terhadap BIM, CIDB dengan kerjasama rakan-rakan strategiknya telah membangunkan Modul Latihan BIM Kebangsaan pada tahun ini. Seramai 233 personel telah berjaya dilatih oleh MyBIM Centre, yang telah ditubuhkan pada bulan Mac 2016. Seramai 400 personel lagi telah dilatih oleh Satelit BIM yang terdiri daripada UTM, UMP dan UniMAP. MyBIM Centre bekerjasama dengan Satelit BIM untuk menyediakan akses kepada pengguna yang terlibat dengan BIM untuk menggunakan institusi pengajian tinggi tersebut sebagai pusat rujukan dan latihan BIM. Sebagai langkah jangka panjang untuk meningkatkan aplikasi BIM oleh penggiat industri, CIDB dengan kerjasama JKR telah membangunkan Panduan BIM Kebangsaan yang telah disiap pada bulan November 2016.

Bagi memenuhi keperluan penggiat industri untuk membuat rujukan mengenai BIM secara atas talian, CIDB telah membangunkan portal web MyBIM pada tahun 2016. Portal yang akan dilancarkan pada tahun 2017 ini sudah mencapai 80% peringkat siap setakat akhir tahun 2016.

#### **P5: Meningkatkan ketersediaan maklumat strategik melalui Pusat Maklumat Industri Pembinaan Nasional (NCIIC)**

NCIIC yang disasar akan beroperasi atas talian mulai tahun 2018 telah dimulakan pembangunannya pada tahun 2016. Peringkat awal pembangunannya melibatkan perancangan kandungan portal di mana rangka kerja NCIIC dengan 16 tajuk kandungan telah diluluskan oleh Jawatankuasa IWG13 pada bulan Jun 2016.

Portal NCIIC dicetuskan dengan tujuan untuk mengintegrasikan maklumat strategik industri pembinaan bagi membantu agensi kerajaan dan industri membuat perancangan bisnes strategik, keputusan pelaburan serta penilaian pasaran. Inisiatif ini memfokus kepada tiga aspek yang meliputi peningkatan harga dan kos sumber pembinaan, peningkatan kesedaran dan kepastian tentang permintaan pembinaan akan datang serta mengintegrasikan data berkaitan pembinaan dalam NCIIC.

Bagi memantapkan lagi peranan CIDB ke arah menyokong pembangunan dasar kerajaan dan menilai senario pasaran binaan dengan lebih cekap, CIDB telah melancarkan portal myN3C pada 14 November 2016. Seramai 5,000 pengguna yang telah berdaftar akan mendapat akses kepada maklumat kos sumber pembinaan berikut:

*During the year, JKR has begun to implement BIM Level 1 in its various development projects. Meanwhile, CIDB through IWG11 play an important role in the development of BIM Object Library during the year. The library develops downloadable digital components, which may help industry players in their project designs. As at the end of the year, the library's platform was 90% completed.*

*To increase industry players' knowledge and widen their acceptance of BIM, CIDB in collaboration with its strategic partners have developed the National BIM Training Modules during the year. Subsequently, a total of 233 personnel were successfully trained by MyBIM Centre, which was established in March 2016, and another 400 personnel by BIM Satellites, namely UTM, UMP and UniMAP. MyBIM Centre collaborates with BIM Satellites to provide access to potential users of BIM to use these institutions of higher learning as a centre of reference and training in BIM. As a long-term plan to increase the application of BIM by industry players, CIDB in collaboration with JKR have developed a National BIM Guide, which was completed and distributed in November 2016.*

*In meeting with industry players' needs for online reference on BIM, CIDB has developed MyBIM web portal in 2016. To be launched in 2017, the portal was 80% complete as at the end of 2016.*

#### **P5: Enhance availability of strategic information via National Construction Industry Information Centre (NCIIC)**

*The development of NCIIC which is targeted to be operational online by 2018 commenced in 2016. Its initial development involved NCIIC portal contents planning whereby 16 content elements within the NCIIC framework was approved by the IWG13 Committee in June 2016.*

*The NCIIC Portal was established with the objective to integrate construction industry strategic information to assist government agencies and the industry make strategic business plans, investment decisions and market evaluation. The initiative focuses on three aspects; covering construction resources price and cost increase, awareness and certainty on future construction demand, and integrates construction related data within the NCIIC.*

*Towards enhancing CIDB's role in supporting the government's development policy and to efficiently evaluate construction market scenario, CIDB launched myN3C portal on 14 November 2016. In total, 5,000 registered users will gain access to the following information on construction resources cost:*

- a. Harga bahan binaan;
- b. Kadar upah pekerja binaan;
- c. Kadar sewa jentera & harga jualan peralatan binaan;
- d. Indeks kos bahan binaan;
- e. Indeks kos pekerja binaan;
- f. Indeks kos jentera & peralatan binaan; dan
- g. Indeks kos bangunan.

Selain daripada penerbitan sedia ada, produk-produk baharu berkaitan kos pembinaan turut dirancang untuk diterbitkan melalui inisiatif ini iaitu:

**a. Maklumat kos pembinaan (CCM)**

Sebanyak 30 prototaip model CCM telah disiapkan pada tahun ini dan pembangunan CCM dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2020.

**b. Indeks harga tender (TPI)**

Metodologi indeks harga tender telah disiapkan pada tahun ini dan penerbitan TPI dijangka akan dilaksanakan pada tahun 2019.

**c. Maklumat kos kitaran hayat (LCC)**

Kajian mengenai pengurusan data LCC yang merangkumi projek perumahan, lebuhraya dan bangunan komersial di Malaysia sedang dijalankan. Pembangunan LCC dijangka akan diterbitkan pada tahun 2020.

Bagi meningkatkan kesedaran dan kepastian tentang permintaan pembinaan akan datang, CIDB telah bekerjasama dengan agensi pusat, Unit Perancang Ekonomi (UPE) bagi menghasilkan unjuran permintaan pembinaan untuk tahun 2017 dan 2018. Unjuran ini diterbitkan secara atas talian melalui penerbitan yang dikenali sebagai Tinjauan dan Prospek Industri Pembinaan. Tinjauan ini meliputi laporan mengenai projek pembinaan kontraktor, personel binaan, proses, gaji, kadar sewa prospek dan liberalisasi perkhidmatan pembinaan.

Selain itu, satu sistem automasi untuk unjuran permintaan pembinaan (myPROJEXIS) telah disiapkan pada bulan Mac 2016. Simulasi sistem mengenai unjuran beberapa bahan utama yang mendapat permintaan daripada industri pembinaan telah dikendalikan mulai bulan Mei hingga Jun 2016, sementara sesi pengesahan mengenai unjuran bahan utama dengan para pengilang pula telah dijalankan pada bulan September 2016. Unjuran permintaan bahan binaan utama yang pertama telah diterbitkan secara atas talian pada bulan Disember 2016.

#### P6: Memajukan pembinaan kapasiti dan keupayaan PKS Bumiputera

CIDB membantu kontraktor Bumiputera mempertingkatkan kapasiti dan keupayaan menerusi penyediaan dan pelaksanaan pelbagai bentuk latihan, sama ada dalam bidang teknikal mahu pun pengurusan. Sepanjang tahun ini, seramai 26,224 kontraktor Bumiputera telah mengikuti pelbagai latihan yang ditawarkan berbanding 7,500 kontraktor Bumiputera yang disasar, di bawah program Pembangunan Kontraktor Berterusan iaitu peningkatan

- a. Construction resources cost;
- b. Construction workers wage rates;
- c. Machinery rental rates & selling price of construction equipment;
- d. Construction material cost index;
- e. Construction workers cost index;
- f. Construction machinery & equipment cost index; and
- g. Building cost index.

Apart from existing publications, new products related to construction costs publications have also been planned via the following initiatives:

**a. Construction cost information (CCM)**

In total, 30 CCM model prototypes were completed and CCM development is scheduled to be fully completed by 2020.

**b. Tender price index (TPI)**

Tender price index methodology was completed during the year and the publication of TPI is scheduled to be implemented by 2019.

**c. Life cycle cost information (LCC)**

A study on LCC data management which comprises of housing projects, highways and commercial buildings in Malaysia is on-going. LCC development is scheduled to be published by 2020.

To increase awareness and certainty of future construction demand, CIDB has forged a collaborative effort with the Economic Planning Unit (EPU) to derive at construction demand projections for year 2017 and 2018. The projection was published online through a publication entitled *Construction Industry Review and Prospects*. The review includes report on contractors' construction projects, construction personnel, process, wages, rental rates, prospects and construction service liberalisation.

Apart from that, an automated system projecting construction demand (myPROJEXIS) was completed in March 2016. The simulation system on projection of industry demand for various main materials was initiated from May to June 2016, while the verification session for main material projection was conducted in September 2016. The first demand projection for main building materials was published online in December 2016.

#### P6: Advance SME Bumiputera capacity and capability building

CIDB assists Bumiputera contractors enhance their capacity and capabilities by providing and implementing various types of trainings, both technical and managerial. Under the Continuous Contractor Development programme, in total 26,224 Bumiputera contractors had undergone various trainings provided by CIDB during the year, compared to 7,500 Bumiputera contractors targeted, an increase of 250%. In addition, CIDB has developed a Facility Management

sebanyak 250%. Di samping itu, CIDB telah membangunkan modul Pengurusan Fasiliti dan melatih seramai 139 kontraktor Bumiputera berbanding 100 kontraktor Bumiputera yang disasar, iaitu peningkatan sebanyak 39%. Untuk merancakkan lagi penggunaan (adaptasi) teknologi IBS dalam industri pembinaan negara, CIDB telah melatih seramai 3,054 kontraktor Bumiputera dalam pengurusan dan pemasangan sistem IBS yang meliputi (iaitu) sistem konkrit pra tuang, sistem kerangka keluli, sistem blok dan sistem acuan pada tahun ditinjau. Bilangan ini merupakan peningkatan sebanyak 22% daripada 2,500 kontraktor Bumiputera yang disasar.

Pada tahun ini, sebanyak 64 tred khusus kontraktor telah dikenalpasti sebagai usaha untuk mempertingkatkan keupayaan kontraktor Bumiputera. Sebanyak enam tred iaitu bidang BIM, MRO, kerja cerucuk, kerja lif dan eskalator, kerja meroboh dan kerja bangunan hospital telah dipilih dan diluluskan oleh Jawatankuasa CITP IWG14 untuk dijadikan fokus peningkatan keupayaan kontraktor Bumiputera. Sebanyak 34 modul latihan bagi pelbagai tred khusus telah dibangunkan dan dilaksanakan latihannya pada tahun ini. CIDB turut mengadakan kolaborasi dengan penggiat (emain) industri binaan dalam program pembangunan usahawan Bumiputera. Pada tahun ini, program usahawan muda MRT II (MYEP II) telah diadakan melalui kerjasama antara CIDB – MRT Corporation – Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB). Seramai 53 orang belia Bumiputera yang berkelulusan dalam bidang pembinaan telah terpilih untuk mengikuti program ini. CIDB juga telah mengenal pasti penyedia latihan keusahawanan binaan iaitu MARA dan INSKEN.

Dalam usaha mempertingkatkan pelbagai kemudahan bantuan kewangan kepada kontraktor Bumiputera, sebuah mekanisma pembiayaan iaitu Dana Mudah Cara telah diadakan oleh TERAJU dan dana ini telah diperakukan oleh Jawatankuasa IWG14 sebagai salah satu dana bagi mencapai tujuan tersebut.

## MENUJU MASA DEPAN

Kemampuan untuk meningkatkan kadar pertumbuhan tenaga buruh industri pembinaan Malaysia bergantung kepada tahap kesediaan penggiat industri melabur dalam pembangunan modal insan mereka dan kesediaan mereka menerima pakai amalan-amalan yang menyumbang kepada peningkatan produktiviti seperti menerima pakai pelbagai teknologi pembinaan moden yang sangat cekap.

Di tahap optimumnya, apabila semua program peningkatan produktiviti memenuhi matlamat masing-masing, industri ini dijangka akan mencapai 2.5 kali peningkatan produktiviti pembinaan menjelang tahun 2020. Dengan tahap produktiviti yang kekal tinggi, pendapatan purata setiap personel binaan dijangka akan mencecah US\$16,500 setahun dalam tempoh empat tahun akan datang.

*module and trained 139 Bumiputera contractors, against 100 Bumiputera contractors targeted, an increase of 39%. To enhance the rapidity of IBS technology adoption in the nation's construction industry, CIDB trained in total 3,054 Bumiputera contractors in the management and installation of IBS system which includes pre-cast concrete system, steel frame system, block system, and moulding system during the year. This represents an increase of 22% against the targeted number of 2,500 Bumiputera contractors.*

*In its effort to boost the capabilities of Bumiputera contractors, CIDB identified 64 contractor specialist trades during the year. Six trades which include BIM, MRO, piling works, lift and escalator works, demolition works and hospital building works were selected and approved by IWG14 CITP Committee to be focus areas in enhancing the capabilities of Bumiputera contractors. In total, 34 training modules of various specialist trades were developed and implemented during the year. Furthermore, CIDB forged collaborative initiative with industry players in Bumiputera entrepreneurs development programme. The MRTII young entrepreneurs programme (MYYEP II) was established during the year through a collaborative effort of CIDB – MRT Corporation – Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB). In total, 53 qualified construction related Bumiputera youths were selected to undergo this programme. CIDB has also identified to work with construction related entrepreneur training providers namely MARA and INSKEN.*

*In its effort to raise financial assistance to Bumiputera contractors, a funding mechanism namely Dana Mudah Cara under the purview of TERAJU was established and the fund was recognised by IWG14 Committee as a means of funding towards that objective.*

## MOVING FORWARD

*The ability to increase Malaysian construction industry's labour productivity growth rate depends very much on our industry players' readiness to invest in their human capital development and their willingness to embrace productivity contributing practices such as adoption of modern and highly efficient construction technologies.*

*At its optimum level when all productivity enhancement programmes meet their respective goals, the industry is expected to achieve 2.5 times increase in construction productivity by 2020. With consistently high productivity, average income level per construction personnel will touch US\$16,500 per annum over the next four years.*



# Industri Pembinaan Malaysia Memasuki Fasa Pertumbuhan Antarabangsa

*Malaysian Construction Industry  
Entering International Growth Phase*





## TERAS STRATEGIK 4

### PENGANTARABANGSAAN

Pengantarabangsaan adalah penting sebagai saluran bagi syarikat pembinaan Malaysia merebut peluang pertumbuhan melangkaui pasaran domestik. Selain daripada meningkatkan keupayaan kemahiran syarikat pembinaan tempatan, kerajaan juga telah merangka beberapa inisiatif yang lebih efektif bagi meningkatkan lagi daya saing penggiat industri di peringkat global. CIDB membantu membangunkan dan memimpin para penggiat industri dengan keupayaan daya saing bertaraf global serta mempunyai rekod pencapaian yang baik melibatkan diri di pasaran antarabangsa mengikut kaedah yang berfokus – dengan menembusi rantau di mana kita mempunyai kelebihan berbanding penggiat antarabangsa lain dan menyertai dalam bida projek pembinaan di mana kita mempunyai kelebihan daya saing yang lebih besar.

## STRATEGIC THRUST 4

### INTERNATIONALISATION

*Internationalisation is important as a means for Malaysian construction companies to seize growth opportunities beyond our domestic market. Apart from enhancing local construction companies' skill capabilities, the government has also drawn-up more effective initiatives to elevate our industry players' global competitiveness. CIDB helps to develop and lead industry players with globally competitive capability and good domestic track records, to venture abroad in a more focused method – by penetrating into regions where we have advantages over other international players and participating in biddings where we possess greater competitive edge.*

Inisiatif yang dilaksanakan pada tahun ditinjau bagi mencapai matlamat pengantarabangsa industri pembinaan negara adalah seperti dalam Teras Strategik 4 di bawah:

*Initiatives implemented during the year under review to internationalise the nation's construction industry are as shown in Strategic Thrust 4 below:*

### **MAKLUMAT UTAMA INISIATIF TERAS STRATEGIK 4 2016** **HIGHLIGHTS OF STRATEGIC THRUST 4 INITIATIVES 2016**

<b>I1</b>	Mengantarabangsa amalan dan standard pembinaan. <i>Internationalise construction practices and standards.</i>
<b>I2</b>	Mengukuh akses kepada pembiayaan bagi juara Malaysia yang memasuki pasaran antarabangsa. <i>Strengthen access to financing for Malaysian champions going abroad.</i>
<b>I3</b>	Menyokong pembentukan konsortium dan mengukuh maklumat pasaran antarabangsa. <i>Support consortia formation and strengthen overseas market intelligence.</i>
<b>I4</b>	Memperhebat pembinaan kapasiti dan keupayaan kontraktor. <i>Intensify contractor's capacity and capability building.</i>

### **RINGKASAN PENCAPAIAN** **SUMMARY OF ACHIEVEMENTS**

<b>Bilangan Inisiatif Keseluruhan</b> <i>Total Number of Initiatives</i>	<b>3 + 1</b> <b>(sebuah inisiatif baharu iaitu I4 diperkenalkan pada tahun ini)</b>  <b>3 + 1</b> <i>(a new initiative I4 was introduced during the year)</i>
<b>Bilangan KPI Keseluruhan</b> <i>Total Number of KPIs</i>	<b>13</b>
<b>Bilangan KPI Ditugaskan kepada CIDB</b> <i>Number of KPIs Assigned to CIDB</i>	<b>9</b>
<b>Prestasi</b> <i>Performance</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• <b>8 KPI mencapai lebih daripada 90%.</b></li> <li>• <b>1 KPI merekodkan kurang daripada 50%.</b></li> </ul> <hr/> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>8 KPIs achieved more than 90%.</i></li> <li>• <i>1 KPI recorded less than 50%.</i></li> </ul>

### **TINJAUAN UMUM PERNIAGAAN ANTARABANGSA**

CIDB bertanggungjawab terhadap pencapaian sembilan daripada 13 KPI di bawah Teras Strategik Pengantarabangsaan CITP. Secara keseluruhan, Teras Strategik ini mencapai 89% kadar kejayaan daripada sasaran yang ditetapkan pada tahun 2016.

Perniagaan pembinaan global menawarkan peluang yang besar kepada kontraktor Malaysia yang sejak beberapa tahun kebelakangan telah meninggalkan impak yang besar di peringkat global. Sehingga kini, mereka telah berjaya memperoleh 948 projek antarabangsa bernilai RM128.25 bilion. Pada tahun 2016 sahaja, 116 kontraktor tempatan telah menyiapkan 868 projek pembinaan di luar negara bernilai RM95.81 bilion.

### **INTERNATIONAL BUSINESS OVERVIEW**

CIDB is responsible towards the achievement of 9 out of 13 KPIs under CITP's Internationalisation Strategic Thrust. Overall, the strategic thrust achieved 89% success rate from its target set for 2016.

Global construction business offers huge opportunities to Malaysian contractors who have, over the years, created great impact globally. To-date, they have secured a total of 948 overseas projects valued at RM128.25 billion. In 2016 alone, 116 local contractors have completed 868 construction projects overseas valued at RM95.81 billion.

## KEPUTUSAN INISIATIF TERAS STRATEGIK 4

### I1: Mengantabangsa amalan dan standard pembinaan

Pada tahun ini, 10 projek telah menerima pakai Malaysian Civil Engineering Standard Method (MyCESMM), memenuhi bilangan 10 projek yang disasarkan. Untuk mempertingkatkan tahap amalan terbaik, menjelang 2020, CIDB merancang untuk mewajibkan semua projek kejuruteraan awam kerajaan disediakan dengan menggunakan standad ini. Komited untuk terus memacu pembinaan Malaysia menjadi sebuah industri yang benar-benar berdaya saing global, pada tahun ini, CIDB telah memperhebatkan inisiatifnya untuk meningkatkan lagi amalan terbaik dalam pembinaan dengan menambahbaik MyCESMM berdasarkan kepada CESMM4 UK, dan seterusnya mentransformasinya menjadi dokumen Standard Malaysia (MS CESMM). Pada akhir tahun ini. Draf MS CESMM telah mencapai 80% peringkat siap. Ianya telah diluluskan oleh Jawatankuasa Teknikal Amalan Pembinaan SIRIM.

### I2: Mengukuh akses kepada pembiayaan bagi juara Malaysia yang memasuki pasaran antarabangsa

Pada tahun 2016, melalui kolaborasi dengan MATRADE, sebuah geran daya laksana telah diperkenal bagi mempermudah beban kewangan penggiat industri baru yang hendak memasuki pasaran antarabangsa. Dua penggiat industri telah dipilih untuk menerima geran tersebut pada tahun ini dan empat geran akan dikeluarkan setiap tahun, atau bersamaan 16 projek akan menerima geran tersebut menjelang tahun 2020.

Salah sebuah syarikat penerima geran tersebut telah menggunakan dana ini untuk membiayai kos logistik menghantar produk berkaitan pembinaan dari Malaysia ke luar negara. Sebuah syarikat lagi pula menggunakan dana tersebut untuk membuat pembentangan dan penilaian perniagaan serta daya maju projek pelanggan antarabangsanya.

### I3: Menyokong pembentukan konsortium dan mengukuh maklumat pasaran antarabangsa

Pada tahun 2016, industri pembinaan Malaysia telah mencatatkan peningkatan cemerlang di peringkat global apabila penggiat industri pembinaan tempatan berjaya diawarkan projek-projek pembinaan bernilai lebih RM1.7 bilion di luar Negara seperti Thailand, Kemboja, Bangladesh, India, Qatar dan United Arab Emirates. Berdasarkan pencapaian tersebut, CIDB menjangkakan bahawa sasaran CITP untuk mencapai kontrak pembinaan bernilai RM8 bilion menjelang tahun 2020 mampu dicapai dengan kesungguhan penggiat industri pembinaan mempertingkatkan lagi tahap daya saing dan keupayaan mereka serta pelbagai inisiatif yang dijalankan oleh CIDB untuk memasarkan kredibiliti penggiat industri secara agresif di luar Negara.

## RESULTS OF STRATEGIC THRUST 4 INITIATIVES

### I1: Internationalise construction practices and standards

*During the year, 10 projects have adopted the Malaysian Civil Engineering Standard Method (MyCESMM), meeting the targeted number of 10. To heighten the level of best practice, by 2020, CIDB plans to make compulsory for all government tenders on civil engineering projects to be prepared using this standard. Committed to drive the Malaysian construction further to truly become a globally competitive industry, CIDB had, during the year intensified its initiative to improve best practice in construction by enhancing MyCESMM based on CESMM4 UK, thereby transforming it to become a Malaysian Standard document (MS CESMM). As at the end of the year, MS CESMM draft was 80% completed. It has been approved by the Technical Committee on Construction Practice of SIRIM.*

### I2: Strengthen access to financing for Malaysian champions going abroad

*In 2016, through a collaboration with MATRADE, a feasibility grant was introduced to ease the financial burden of new industry players going abroad. Two industry players were selected to receive the grant this year and four grants will be disbursed each year, which means 16 projects shall receive the grant by 2020.*

*One of the recipient companies used the fund to finance its logistic cost to ship Malaysian construction related products abroad. Another recipient company on the other hand, utilised the fund for presentation and assessment of its international client's business and project viability.*

### I3: Support consortia formation and strengthen overseas market intelligence

*In 2016, Malaysian construction industry recorded a remarkable increase with the success of Malaysian contractors securing construction projects worth more than RM1.7 billion in overseas countries like Thailand, Cambodia, Bangladesh, India, Qatar and United Arab Emirates. Based on this achievement, CIDB anticipates that CITP's target to secure construction contracts of RM8 billion by 2020 is realisable with construction industry players' high determination in enhancing their level of competitiveness and capabilities, combined with CIDB's aggressive initiatives in marketing our industry players' credibility overseas.*

Apabila negara di seluruh dunia, terutamanya di beberapa rantau yang sedang membangun; melancarkan pelbagai projek pembangunan fizikal berskala besar, mereka akan mencari jurubina yang mempunyai sumber yang kukuh, terutamanya kewangan, kepakaran, pengalaman dan yang paling penting kekuatan rekod pencapaian. Salah satu cara untuk mendapat projek berskala besar di peringkat antarabangsa adalah dengan menubuhkan konsortium yang terdiri daripada beberapa penggiat industri yang berkeupayaan. Pada tahun ini, CIDB telah memainkan peranan dalam penubuhan empat konsortium yang bertujuan untuk menyertai bida dalam pakej projek pembinaan tujuh lebuhraya di India dengan jumlah keseluruhan kontrak bernilai RM2.25 bilion. CIDB juga sedang merancang untuk mewujudkan empat lagi konsortium pada tahun akan datang sebagai persediaan untuk membida beberapa projek pembinaan lain di luar negara pada masa depan. Pada masa yang sama, pada tahun ini, CIDB telah menganjurkan beberapa lawatan kerja ke pasaran prospek di beberapa buah Negara bagi mewujudkan jaringan hubungan bersama pihak-pihak berkuasa dan klien-klien asing serta mengenalpasti peluang-peluang projek yang berpotensi tinggi untuk disertai oleh penggiat-penggiat industri pembinaan Malaysia. Misi-misi pembinaan berprofil tinggi yang dikendalikan dan disertai oleh CIDB pada tahun ini termasuk:

- i. Lawatan Kerja oleh Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya Malaysia (KKR) ke New Delhi dan Rajasthan, Republik India pada 15-19 April 2016.
- ii. Lawatan Kerja oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia (MITI) ke New Delhi, Andhra Pradesh dan Telangana, Republik of India dan Colombo, Sri Lanka.
- iii. Misi Penggalakan Eksport ke Palembang dan Jakarta, Republik Indonesia dengan kerjasama MATRADE pada 8 – 12 Ogos 2016.
- iv. Misi Penggalakan Eksport ke Yangon dan Nay Pyi Taw, Myanmar dengan kerjasama MATRADE pada 23 – 26 Ogos 2016
- v. Lawatan Kerja ke London, United Kingdom bersempena program Malaysia Promotion oleh MITI pada 24 – 30 September 2016

Pengumpulan maklumat pasaran luar negara penting untuk mengenal pasti potensi pasaran bagi kontraktor tempatan memasuki pasaran antarabangsa. Maklumat pasaran anatarabangsa ini yang dikongsi dengan kontraktor tempatan disebarluaskan melalui laporan negara, jemputan tender dan seminar peluang perniagaan.


*As countries worldwide, especially those in developing regions; embark on large-scale physical development projects, they will seek builders with solid resources, particularly those with financial, expertise, experience and most importantly track record strengths. One effective way to secure projects of such size is to set up consortium of capable industry players. During the year, CIDB played its role in the establishment of four consortia, earmarked to bid in a package of seven highway projects in India with total contract value of RM2.25 billion. CIDB is also planning to establish another four consortia in the following year in preparation for future international construction project biddings. At the same time, during the year, CIDB organised a series of working visits to prospect markets in various foreign countries to establish collaborative networks with the respective foreign authorities and clients and identified high potential construction projects to be participated by Malaysian construction industry players. High profile construction missions conducted and participated by CIDB during the year include:*

- i. A working visit by the Secretary General of the Ministry of Works to New Delhi and Rajashtan, Republic of India on 15 – 19 April 2016.
- ii. A working visit by the Ministry of International Trade and Industry (MITI) to New Delhi, Adhra Pradesh and Telangana, republic of India and Colombo, Sri Lanka.
- iii. Export promotion mission to Palembang and Jakarta , Republic of Indonesia in collaboration with MATRADE on 8 – 12 August 2016.
- iv. Export promotion mission to Yangon and Nay Pyi Taw, Myanmar in collaboration with MATRADE on 23 – 26 August 2016.
- v. A working visit to London, United Kingdom in conjunction with the Malaysia promotion Programme by MITI on 24 – 30 September 2016.

*Foreign market intelligence is essential in identifying market potentials for local contractors poised to enter foreign markets. To be shared with local contractors, the foreign market information is disseminated through country reports, tender invitations, and business opportunity seminars.*

Pada tahun ditinjau, CIDB telah menyebarluas 35 notis jemputan tender projek-projek antarabangsa yang diterima daripada beberapa pejabat kedutaan Malaysia di luar negara, pejabat kedutaan asing di Malaysia dan pejabat MATRADE di luar negara. Pada tahun ini, Pecahan tender mengikut rantau diterangkan dalam carta berikut:-

During the year under review, CIDB disseminated 35 tender invitation notices for international projects received from overseas offices of Malaysian embassies, offices of foreign embassies in Malaysia and MATRADE Offices overseas. Breakdown of tenders by region is as shown in the following chart:-



#### I4: Memperhebat pembinaan kapasiti dan keupayaan kontraktor

Kontraktor yang melibatkan diri ke dalam pasaran antarabangsa perlu memiliki tahap daya saing yang secukupnya dari segi kapasiti dan keupayaan untuk bersaing dengan para pesaing antarabangsa bagi membida projek yang sama. CIDB telah membangunkan beberapa program latihan kontraktor bagi membantu mereka memenuhi kriteria utama ini sebelum memasuki pasaran luar negara.

Bagi menyahut keperluan mandat Akta 520 CIDB (Pindaan) 2011, pada tahun ini, CIDB telah melaksanakan kursus Latihan Kontraktor yang diwajibkan kepada semua kontraktor di mana kontraktor perlu lulus ujian yang dikendalikan bagi membolehkan mereka mendapat pengkhususan tertentu dalam Sijil Pendaftaran Kontraktor CIDB mereka. CIDB akan hanya meluluskan kursus dan ujian yang dikendalikan oleh jurulatih dan pusat latihan yang diperakui oleh CIDB sahaja.


#### I4: Intensify contractor's capacity and capability building

Contractors venturing into overseas markets must possess adequate competitiveness in terms of capacity and capability to compete with foreign players bidding for the same projects. CIDB has developed a number of contractors training programmes to help them fulfil these pre-requisite criteria before entering foreign market.

In response to the mandate under Act 520 (Amended) 2011, CIDB had during the year, implemented the compulsory Contractor Training course where contractors need to pass the subsequent test conducted to enable them gain specific specialisations in their Contractor Registration Certification. CIDB will only approve certification of the course and test conducted by CIDB certified trainers and training centres.

Pada tahun 2016, sebanyak 475 kursus Latihan Pengurusan Kontraktor bagi pelbagai tred telah dikendalikan dengan penyertaan seramai 13,714 kontraktor. 66% peserta menjalani kursus Teknikal Modul 2, 26% Modul Perniagaan dan 8% lagi menyertai dalam kursus Teknikal Modul 1.

In 2016, 475 Contractor Management Training courses for various trades were conducted with participation of 13,714 contractors. 66% of the participants underwent the Technical Module 2, 26% Business Module and the other 8% participated in the Technical Module 1.



Bagi membangunkan kumpulan kontraktor yang boleh diyakini dan mempunyai darjah kewibawaan serta etika yang yang tinggi pula, pada tahun ini, CIDB telah menganjurkan satu siri kursus Kewibawaan dan Kod Etika Kontraktor yang telah dihadiri oleh 6,000 peserta.

To develop a pool of credible contractors with high degree of integrity and ethics, CIDB had during the year organised a series of Contractor Integrity and Code of Ethic courses, which were attended by 6,000 participants. As at the end of the year, 61,213 participants have attended the course.

## MENUJU MASA DEPAN

Semua KPI Teras Strategik 4 telah diatur supaya mencapai tahap kejayaan yang boleh diukur bagi memupuk juara Malaysia supaya mempunyai daya saing di peringkat tempatan mahupun global. Bagi mempercepatkan momentum pertumbuhan, kami akan memastikan semua penggiat industri kita mempunyai tahap kecemerlangan yang boleh diukur dalam semua aspek pembinaan; antara lain merangkumi kualiti, keselamatan, profesionalisme, pengurusan projek dan kewangan dan pentadbiran kontrak.

Sebagai langkah menuju masa depan, CIDB beriltizam untuk menggalakkan peningkatan eksport projek pembinaan dan produk berkaitan pembinaan sebanyak enam kali ganda dan bertekad untuk melihat sekurang-kurangnya 10 lagi syarikat berkaitan pembinaan mengeksport perkhidmatan pembinaan mereka ke pasaran global menjelang tahun 2020.

## MOVING FORWARD

All KPIs of Strategic Thrust 4 have been set to gain measurable successes in nurturing Malaysian champions to be locally and globally competitive. To speed up the pace of growth, we will firstly ensure that all our players have a measure of excellence in all aspects of construction which among others include quality, safety, professionalism, project and financial management and contract administration.

Moving forward, CIDB aims to push an increase in the export of construction projects and construction related products by six folds and aspire to see at least 10 more construction-related companies exporting their construction services in the global market by year 2020.



# Beriltizam Untuk Berkhidmat dan Bertanggungjawab

*Committed  
to Serve and Deliver*





## TERAS STRATEGIK 5

### PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

Pada tahun ini, CIDB telah melaksanakan pelbagai langkah proaktif untuk mempertingkatkan tahap penyampaian perkhidmatannya, bagi memenuhi keperluan semasa industri serta menepati iltizamnya dalam merealisasi objektif CITP. Ringkasan keputusan penyampaian tersebut adalah seperti berikut:

## STRATEGIC THRUST 5

### SERVICE DELIVERY

*In meeting the industry's prevailing needs and to fulfil its commitment to realise CITP's objectives, CIDB had during the year taken proactive measures to improve delivery of its services, the results of which are summarised as follows.*

## MAKLUMAT PENTING TERAS STRATEGIK 5 INISIATIF 2016 DAN KEPUTUSAN

HIGHLIGHTS OF STRATEGIC THRUST 5 INITIATIVES 2016 AND THEIR RESPECTIVE RESULTS

INISIATIF INITIATIVES	KEPUTUSAN UTAMA KEY RESULTS
<b>Perkhidmatan Pelanggan di Kaunter dan Atas Talian</b> <i>Counter and Online Customer Service</i>	<p>1. Pendaftaran kontraktor di kaunter diproses kurang dari 10 hari bekerja – 85%      2. Penggunaan aplikasi pendaftaran kontraktor atas talian – 101%      3. Penggunaan aplikasi pendaftaran personel binaan baharu secara atas talian – 111%</p> <hr/> <p>1. Contractor registration at the counter processed in less than 10 working days – 85%      2. The use of online contractor registration application – 101%      3. The use of online new construction personnel registration application – 111%</p>
<b>Pendaftaran Kontraktor dan Personel</b> <i>Contractor and Personnel Registration</i>	<p>1. Bilangan kontraktor berdaftar – 79,814 kontraktor      2. Cetakan kad personel binaan baharu dalam masa kurang dari 10 hari bekerja – 96.07%      3. Cetakan kad personel binaan pembaharuan dalam masa kurang dari 10 hari – 98.53%      4. Bilangan Akujanji Pematuhan Piawaian (SCP) diterbitkan – 158 (105%)</p> <hr/> <p>1. Number of registered contractors – 79,814 contractors      2. Printing of new construction personnel cards in less than 10 working days – 96.07%      3. Printing of construction personnel card renewals in less than 10 working days – 98.53%      4. Number of Standard Compliance Pledge (SCP) issued – 158 (105%)</p>
<b>Operasi Penguatkuasaan</b> <i>Enforcement Operations</i>	<p>1. Operasi penguatkuasaan dijalankan – 3,315 operasi (104%)      2. 231 kes (116%) dikemukakan untuk Prosiding Etika Kontraktor.</p> <hr/> <p>1. Enforcement operations conducted – 3,315 operations (104%)      2. 231 cases (116%) cases brought for Contractor Ethics Proceedings.</p>
<b>Sijil Kelulusan Diterbitkan bagi Bahan Binaan Import</b> <i>Certificate of Approvals Issued for Imported Construction Materials</i>	<p>Peningkatan kualiti bahan binaan dalam industri pembinaan melalui proses pemantauan – Persijilan Kelulusan (CoA) – 9,141 CoA (183%)</p> <hr/> <p>Increase in quality of construction materials in the construction industry through monitoring process – Certificate of Approval (CoA) – 9,141 CoAs (183%)</p>
<b>Kutipan Levi</b> <i>Levy collection</i>	<p>Levi dicaj – RM234 juta (139%)</p> <hr/> <p>Levies charged – RM234 million (139%)</p>
<b>Program Latihan Kakitangan CIDB</b> <i>CIDB Staff Training Programme</i>	<p>Kakitangan CIDB telah menghadiri lima (5) hari latihan/kursus dalam setahun yang berdasarkan kepada attitude, skill &amp; knowledge (ASK) – 100%</p> <hr/> <p>CIDB staff attended five (5) days of training / courses per year based on attitude, skill &amp; knowledge (ASK) – 100%</p>
<b>Penubuhan Pejabat Baharu</b> <i>Establishment of new offices</i>	<p>Dua Bahagian dan dua pejabat baharu ditubuhkan</p> <hr/> <p>Two new Divisions and two new offices established</p>

## TINJAUAN MENGENAI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN CIDB

Secara umumnya, Teras Strategik 5 mempunyai 18 KPI dan semua KPI tersebut telah memenuhi target masing-masing pada tahun 2016.

Penyampaian perkhidmatan CIDB memfokus terhadap aktiviti dan program yang mendorong pematuhan dan pelaksanaan Akta 520 (Pindaan) 2011, yang telah digubal selaras dengan Program Transformasi Industri Pembinaan dan berkuat kuasa dari 1 Jun 2015. Tiga bidang yang diliputi di bawah pindaan Akta ini termasuk mempertingkatkan kualiti pembinaan melalui pendaftaran pekerja pembinaan serta pensijilan kemahiran dan kecekapan; pematuhan terhadap piawaian; serta tanggung jawab pengurus tapak bina untuk memastikan keselamatan bangunan semasa dan selepas kerja pembinaan siap.

Pada tahun ini, CIDB telah mengenal pasti beberapa aspek utama dalam penyampaian perkhidmatannya yang perlu difokus dan sehingga kini, telah mula menunjukkan kesan positif. Antara lain termasuklah perkhidmatan pelanggan di kaunter dan atas talian, pendaftaran kontraktor dan personel binaan, operasi penguatkuasaan, Latihan Kakitangan CIDB, pensijilan bahan binaan, kutipan levi dan penubuhan unit atau bahagian khas untuk menangani isu-isu industri yang kritikal.

## PERKHIDMATAN PELANGGAN

Pada tahun ini, CIDB berjaya mencapai 85% peningkatan bagi pemprosesan pendaftaran kontraktor dalam tempoh kurang dari 10 hari bekerja berbanding 73% pada 2015, seperti yang dipamerkan dalam Piagam Pelanggan CIDB. Aplikasi pendaftaran kontraktor dalam talian pula, meningkat daripada 61% pada 2015 kepada 71% pada akhir Oktober 2016.

## PENDAFTARAN KONTRAKTOR

Bilangan kontraktor yang berdaftar dengan CIDB telah meningkat daripada 70,707 kontraktor pada 2015 kepada 79,984 kontraktor pada 2016. Pengeluaran kad personel binaan baharu juga meningkat daripada 94.55% pada 2015 kepada 96.07% pada 2016, sementara pembaharuan kad personel binaan bertambah daripada 98.09% pada 2015 kepada 98.53% dalam tahun yang dikaji. Sementara itu, bilangan Akujanji Pematuhan Standard (SCP) yang dikeluarkan bertambah daripada 2015 kepada 158 akujanji pada 2016.

## AN OVERVIEW OF CIDB'S DELIVERY SERVICE

*Strategic Thrust 5 in general has 18 KPIs and all of them met their respective targets in 2016.*

*CIDB's service delivery is focused on activities and programmes that will bring about compliance and adherence to the CIDB Act 520 (Amended) 2011, which was enacted in line with the Construction Industry Transformation Programme (CITP), and enforced with effect from 1 June 2015. Three areas covered under the amended Act include enhancing construction quality through registration of construction workers as well as skills and competency certification; compliance with standards; and contractors and site managers' responsibility to ensure safety of buildings during or after the construction work.*

*During the year, CIDB has identified several key aspects in its service delivery that need to be focused on and thus far, has started to gain positive impacts. These include counter and online customer service, contractor and construction personnel registrations, enforcement operations, CIDB Staff Trainings, certification of building materials, levy collection and the setting up of specific purpose unit or division to address critical industry issues.*

## CUSTOMER SERVICE

*During the year, CIDB has succeeded in achieving 85% improvement for contractor registration processing within a time frame of less than 10 working days compared to 73% in 2015, as demonstrated under CIDB's Customer Charter. Online contractor registration applications meanwhile, improved from 61% in 2015 to 71% as at the end of October 2016.*

## CONTRACTOR REGISTRATION

*The number of contractors registered with CIDB has increased from 70,707 contractors in 2015 to 79,988 contractors in 2016. New construction personnel cards issued also saw an improvement from 94.55% in 2015 to 96.07% in 2016, while construction personnel card renewals increased from 98.09% in 2015 to 98.53% during the year under review. Number of Standard Compliance Pledges (SCP) issued meanwhile, rose from 120 pledges in 2015 to 158 pledges in 2016.*

## OPERASI PENGUATKUASAAN

Kertas siasatan pada tahun laporan ini dikeluarkan adalah sebanyak 290, perbezaan sebanyak 94 kertas siasatan berbanding tahun 2015. Pengenaan kompaun sebanyak 196 kes telah dikeluarkan dengan jumlah terkumpul sebanyak RM 4.30 Juta. Bilangan kes yang dikemukakan kepada Prosiding Etika Kontraktor telah berkurangan daripada 243 kes pada 2015 kepada 231 kes pada 2016, membuktikan kesedaran positif penggiat industri untuk mematuhi Akta CIDB.

## PROGRAM LATIHAN KAKITANGAN CIDB

Bagi mendorong kecekapan dan ciri-ciri bertanggungjawab dalam kalangan kakitangannya, Pengurusan CIDB memastikan semua kakitangannya menghadiri kursus atau latihan tidak kurang dari lima hari dalam setahun yang mana sekurang-kurangnya sehari difokuskan kepada aspek pembinaan ilmu pengetahuan, kemahiran dan sikap.

Pada 2016, 920 kakitangan telah mengikuti pelbagai program latihan berbanding 767 kakitangan pada 2015. Sebanyak 151 sesi latihan telah dijalankan secara dalaman, sementara 284 sesi latihan luaran telah diadakan.

## SIJIL KELULUSAN YANG DIKELUARKAN UNTUK BAHAN BINAAN IMPORT

Pada 2016, Sijil Kelulusan (CoA) yang dikeluarkan bagi bahan binaan import berkurangan kepada 9,141 berbanding 10,570 CoA pada 2015. Ini menunjukkan bahawa lebih banyak penggiat industri binaan yang menggunakan bahan binaan tempatan. Keadaan ini juga memberi kesan positif terhadap ekonomi negara, menyediakan peluang perniagaan yang lebih baik kepada pengilang bahan binaan tempatan dan secara tidak langsung meningkatkan permintaan terhadap bahan binaan yang dikeluarkan dalam negeri, dan ini akan menambahkan peluang pekerjaan.

## KUTIPAN LEVI

Pertambahan bilangan kerja pembinaan yang bernilai lebih RM500,000 yang dilaksanakan pada tahun ini telah menyebabkan kutipan levi CIDB turut meningkat daripada RM208 juta pada 2015 kepada RM234 juta pada 2016. Peningkatan ini didorong oleh langkah agresif CIDB untuk memupuk kesedaran kepada penggiat industri melalui kempen awamnya, agar mereka melunaskan komitmen mereka bagi mengelakkan sebarang tindakan diambil terhadap mereka.

## ENFORCEMENT OPERATIONS

These were 290 investigation papers prepared in 2016 and this is an increase of 94 investigation papers as compared to 2015. 196 compounds were imposed which valued at RM4.3 million. Cases referred to Contractor's Etique Proceeding has been reduced from 243 cases in 2015 to 231 cases in 2016.

## CIDB STAFF TRAINING PROGRAMME

To develop reliable and responsible traits amongst its staff, CIDB Management has during the year ensured that all its staff attend courses or trainings not less than seven days in a year where at least one day is focused on building knowledge, skills and attitude.

In 2016, 920 staff underwent various training programmes compared to 767 staff in 2015. 151 training sessions were conducted internally, while 284 sessions were external trainings.

## CERTIFICATE OF APPROVALS ISSUED FOR IMPORTED CONSTRUCTION MATERIALS

The number of Certificate of Approvals (CoAs) issued in 2016 decreased significantly to 9,141 CoAs from 10,570 CoAs in 2015, indicating that more Malaysian construction industry players are using local construction building materials. This bodes well for the nation's economy as it reduces outflow of currency, provides better business for local construction building material manufacturers and indirectly, with increased locally manufactured construction material demand, will help create more job opportunities.

## LEVY COLLECTION

With increased number of construction jobs valued above RM500,000 launched during the year, CIDB's levy collection also increased accordingly from RM208 million in 2015 to RM234 million in 2016. The increase in CIDB's levy revenue was also attributed to its aggressive initiative to remind industry players through its publicity campaigns, to settle their commitment so as to avoid action taken against them.

## PENUBUHAN PEJABAT BAHRU

Pengurusan CIDB membuka dua pejabat cawangan baharu CIDB pada 2016, sebuah di Sandakan, Sabah dan sebuah lagi di Bintulu, Sarawak. Pada tahun ini juga, CIDB telah mewujudkan dua Bahagian baharu iaitu Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik untuk melancarkan serta memperkuatkannya program pembangunan pembinaan secara keseluruhan yang akan mengemudi industri ini menuju masa hadapan. Sebuah lagi bahagian, Bahagian Operasi Setempat berperanan untuk menyediakan perkhidmatan dan sokongan bagi semua operasi CIDB.

## ESTABLISHMENT OF NEW OFFICES

CIDB Management opened two new CIDB branches in 2016, one sited in Sandakan, Sabah while the other one in Bintulu, Sarawak. During the year also, CIDB established two new Divisions, namely Policy and Strategic Planning Division to streamline and strengthen the overall construction development programmes which will take the industry further in the future. The other division, Localised Operation Division is to provide service and support for all CIDB operations on the ground.



# Kecemerlangan Jenama Industri Pembinaan Malaysia

*Brand Excellence  
For Malaysian Construction Industry*





## TERAS STRATEGIK 6

### PENJENAMAAN KORPORAT

Jenama yang baik adalah jenama yang menawarkan nilai ketara dan tidak ketara, menarik perhatian ramai, mencetuskan pengikut dan memberi inspirasi kepada pengikut untuk mencontohnya dan inilah sebenarnya yang ingin dicapai oleh CIDB dalam pelaksanaan usaha penjenamaan korporatnya pada tahun ini. Inisiatif penjenamaan kami bertujuan untuk menampilkkan industri pembinaan Malaysia secara kompetitif melalui pelbagai program yang menerbitkan nilai, membina imej yang teguh dan kekal positif dalam minda ramai. Pada tahun ini, CIDB mencapai keputusan berikut daripada beberapa program penjenamaan yang dikendalikan.

## STRATEGIC THRUST 6

### CORPORATE BRANDING

*A good brand is one that offers a package of intrinsic and extrinsic values, appeals to many, attract followers and inspire others to follow and these are exactly what CIDB desires to achieve in its corporate branding exercise during the year. Our branding initiative is aimed at positioning the Malaysian construction industry competitively through programmes that create value, build a strong image, and positively retained in the mind of the mass. During the year, CIDB achieved the following results from a series of branding programmes it conducted throughout the period.*

## MAKLUMAT UTAMA INISIATIF TERAS STRATEGIK 6 2016

HIGHLIGHTS OF STRATEGIC THRUST 6 INITIATIVES 2016

Inisiatif Initiatives	Keputusan Utama Key Results
Program pengiktirafan industri (Anugerah Kecemerlangan Industri Pembinaan Malaysia [MCIEA]) <i>Industry recognition programme (Malaysian Construction Industry Excellence Awards [MCIEA])</i>	Mencapai 100% sasaran. Anugerah disampaikan kepada 13 syarikat pembinaan, tiga personaliti terkemuka industri dan enam penerima anugerah khas.  <i>Achieved 100% of its targeted result. Awards presented to 13 construction companies, 3 industry prominent personalities and 6 recipients of special awards.</i>
Bilangan peserta dalam MCIEA 2016 <i>Number of participants in MCIEA 2016</i>	164 peserta <i>164 participants</i>
Bilangan hakim yang terlibat dalam penilaian pemenang MCIEA 2016 <i>Number of judges involved in the evaluation of MCIEA 2016 winners</i>	9 hakim <i>9 judges</i>
Bilangan peserta dalam Minggu Pembinaan Antarabangsa (ICW) 2016 <i>Number of participants in the International Construction Week (ICW) 2016</i>	15,500 peserta <i>15,500 participants</i>
Bilangan penggiat industri yang memeterai ikrar akujanji CITP <i>Number of construction industry players signed CITP pledge declaration</i>	215 penggiat industri <i>215 industry players</i>

## TINJAUAN UMUM REPUTASI JENAMA INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA

CIDB berjaya mencapai kelima-lima KPI di bawah Inisiatif Teras Strategik 6 pada tahun ditinjau.

Anugerah Kecemerlangan Industri Pembinaan Malaysia (MCIEA) dan Minggu Pembinaan Antarabangsa (ICW) yang diperkenalkan sejak 17 tahun lepas, kini telah menjadi acara kebanggaan berprestij dalam industri yang diiktiraf oleh penggiat industri tempatan dan serantau.

## AN OVERVIEW OF MALAYSIAN CONSTRUCTION INDUSTRY BRAND REPUTATION

CIDB successfully achieved all the five KPIs under its Strategic Thrust 6 initiatives during the year.

Evolving over a period of 17 years, each into reputable industry wide brand names, the Malaysian Construction Industry Excellence Awards (MCIEA) and the International Construction Week (ICW) have now become hallmarks of prestigious industry events recognised by both the local and regional construction industry players.

## Anugerah Kecemerlangan Industri Pembinaan Malaysia (MCIEA)

Berperanan sebagai platform untuk mengiktiraf kecemerlangan pencapaian penggiat industri dalam pelbagai kategori pembinaan, MCIEA 2016 menyaksikan enam kategori anugerah telah dimenangi oleh penggiat industri terbaik iaitu:

- Anugerah Kontraktor Terbaik (G1 – G6);
- Anugerah Projek Terbaik (Infrastruktur & Bangunan);
- Anugerah Pencapaian Antarabangsa;
- Anugerah Khas;
- Anugerah Individu; dan
- Anugerah Jurubina Terbaik (G7).

Bagi memastikan ketelusan, integriti dan eksklusiviti pertandingan ini, Anugerah MCIEA 2016 disaring melalui dua peringkat penilaian. Peringkat pertama dinilai oleh Panel Penilai Dalaman, sementara Fasa Kedua pula dinilai dan disahkan oleh sebuah Panel yang terdiri daripada sembilan orang Hakim Luar berbanding lima sebelum ini – mereka terdiri daripada personaliti terkenal dalam industri. MCIEA 2016 menyaksikan pertambahan penyertaan iaitu daripada 159 peserta pada tahun 2015 kepada 164 pada tahun ini, dalam pelbagai kategori anugerah berprestij.

Majlis penyampaian anugerah berlangsung di Grand Hyatt Hotel, Kuala Lumpur pada 23 September 2016. Menteri Kerja Raya, YB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof telah menyampaikan anugerah MCIEA 2016 kepada 13 syarikat pembinaan, tiga personaliti industri dan anugerah khas kepada enam pemenang individu.

## MINGGU PEMBINAAN ANTARABANGSA 2016

Sebagai acara tahunan yang mengumpulkan penggiat industri di bawah satu bumbung, Minggu Pembinaan Antarabangsa (ICW) menjadi landasan penting kepada peserta dalam industri pembinaan tempatan dan luar negeri berinteraksi sesama mereka melalui pelbagai seminar, sesi padanan perniagaan serta pameran produk dan perkhidmatan pembinaan. Acara ini bertujuan membolehkan penggiat industri memperoleh pengetahuan; mencari sumber produk, perkhidmatan dan teknologi berkaitan pembinaan yang baharu, bertukar-tukar idea, menjalin kerjasama atau mencari peluang perniagaan dalam pembinaan.

ICW 2016 menyaksikan pertambahan penyertaan daripada 15,000 pada tahun sebelumnya kepada 15,500 peserta pada tahun ini. Bertemakan ‘Memacu Produktiviti dalam Pembinaan’, ICW 2016 telah berlangsung di Kuala Lumpur Convention Centre dari 11 hingga 15 April 2016, memfokus kepada satu daripada empat teras strategik di bawah CITP iaitu mempertingkatkan produktiviti industri pembinaan – dengan memfokus kepada inovasi dalam pembinaan kediaman, infrastruktur dan teknologi pembinaan; termasuk reka bentuk mampan dan tenaga boleh diperbaharui.

## Malaysian Construction Industry Excellence Awards (MCIEA)

*A platform to recognise industry players for their excellent achievements in various construction categories, MCIEA 2016 saw six categories of awards won by the industry's best performers, which included:*

- Best Contractor Awards (G1 – G6);
- Best Project Awards (Infrastructure & Building);
- International Achievement Award;
- Special Award;
- Individual Award; and
- Builder of the Year Award (G7).

*To ensure transparency, integrity and exclusivity of the competition, MCIEA Awards 2016 went through two stages of evaluation. The first stage was assessed by a Panel of Internal Assessors, while the next phase was evaluated and certified by a Panel of nine External Judges compared to five judges previously; comprising of the industry's prominent personalities. MCIEA 2016 saw an increase in participation from 159 participants in 2015 to 164 participants during the year, vying for the various categories of prestigious awards.*

*The award presentation ceremony was held at the Grand Hyatt Hotel, Kuala Lumpur on 23 September 2016. Minister of Works, YB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof presented the awards to 13 construction companies, three industry personalities and six other winners were granted with MCIEA 2016 special awards.*

## INTERNATIONAL CONSTRUCTION WEEK 2016

*An annual event which gathers construction industry players under one roof, International Construction Week (ICW) has over the years become an important venue where participants in the construction industry, from both local and many parts of the world interact with one another through seminars, business matching sessions, and construction products and services exhibition to acquire knowledge, source new construction-related products, services and technologies, exchange ideas, extend collaborative efforts, or seek construction business opportunities.*

*ICW 2016 saw an increase in participation from 15,000 previously to 15,500 participants during the year. Themed ‘Driving Productivity in Construction’, ICW 2016 was held at the Kuala Lumpur Convention Centre from 11 to 15 April 2016, to address one of the four strategic thrusts under CITP i.e. to raise productivity of the construction industry – focussing on innovations in housing, infrastructure and construction technology; including sustainable design and renewable energy.*

## MEMBINA PERKONGSIAN CITP YANG TEGUH


Sebuah pelan induk yang berdaya maju hanya akan mampu menjana hasil yang diingini apabila pelan tersebut mendapat sokongan meluas daripada pemegang kepentingan. Justeru, untuk mendapatkan sokongan meluas terhadap CITP daripada pemegang kepentingannya, CIDB telah merangka pelbagai program perhubungan luar dan pameran bergerak ke seluruh negara untuk sampai kepada mereka.

Sehingga akhir tahun 2016, selain daripada pemeteraian strategik CIDB bersama tujuh organisasi teraju industri pembinaan yang lain, sebanyak 215 organisasi telah menandatangani akujanji CITP. Akujanji tersebut mengandungi komitmen organisasi yang mendukung teras-teras CITP.

## BUILDING STRONG CITP PARTNERSHIP

*A viable blueprint will only be able to generate its desired results when the plan gains sufficient support from all quarters it targets to benefit. Likewise, to get CITP supported by its intended beneficiaries, CIDB had during the year initiated CITP outreach programmes and road shows nationwide.*

*As at the end of 2016, apart from CIDB strategic collaboration with seven other leading construction industry organisations, 215 organisations had sealed CITP pledge. The pledge includes commitment of organisations that behold the thrusts of CITP.*



# PENYATA KEWANGAN CIDB 2016

*CIDB Financial Statements 2016*





**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

**Laporan Mengenai Penyata Kewangan**

**Pendapat**

Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2016 dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 3 hingga 49.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan Kumpulan pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520).

**Asas Kepada Pendapat**

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

**Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain**

Saya adalah bebas daripada Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

## **Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya**

Lembaga Pengarah Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

### **Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan**

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520). Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakan sebagai asas perakaunan.

### **Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan Kumpulan.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian yang ketara berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan perseimbahan termasuk pendedahan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan Kumpulan memberi gambaran yang saksama.
- f. Mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Saya telah berkomunikasi dengan Lembaga Pengarah, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan, termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

## Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia 1994 (Akta 520), saya juga melaporkan perkara berikut:

- a. Pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan subsidiarinya yang mana kami telah bertindak sebagai juruaudit telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.
- b. Saya telah mempertimbangkan akaun dan Laporan Juruaudit bagi semua subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam Nota 7 kepada penyata kewangan yang telah dimasukkan dalam akaun disatukan.
- c. Saya berpuas hati bahawa akaun subsidiari yang disatukan dengan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan teratur bagi tujuan penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut.
- d. Laporan Juruaudit ke atas akaun subsidiari tidak mengandungi sebarang teguran atau pemerhatian yang boleh menjelaskan penyata kewangan.

## Hal-hal Lain


- a. Seperti yang dinyatakan pada Nota 3 kepada penyata kewangan, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia telah menerima pakai piawaian perakaunan *Malaysian Private Entities Reporting Standard* (MPERS) mulai 1 Januari 2016 dengan tarikh peralihan pada 1 Januari 2015. Piawaian ini diterima pakai secara retrospektif oleh Lembaga Pengarah terhadap angka perbandingan dalam penyata kewangan ini, termasuk Penyata Kedudukan Kewangan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan Kumpulan pada 31 Disember 2015 dan 1 Januari 2015, dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2015 dan pendedahan berkaitan. Saya tidak terikat untuk melaporkan angka perbandingan yang dinyatakan semula dan tidak diaudit. Tanggungjawab saya sebagai sebahagian daripada pengauditan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan Kumpulan bagi tahun berakhir 31 Disember 2016, dalam keadaan ini, termasuk mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian yang baki awal pada 1 Januari 2016 tidak mengandungi salah nyata yang boleh memberi kesan ketara terhadap kedudukan kewangan pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

- b. Laporan ini dibuat untuk Lembaga Pengarah dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.



(JOHARI BIN ISMAIL)  
b.p. KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA

PUTRAJAYA  
7 OGOS 2017




5 / 5

**PENYATA OLEH PENGERUSI DAN SEORANG ANGGOTA LEMBAGA PENGARAH**

Kami, Tan Sri Dr. Ir. Ahmad Tajuddin bin Ali dan Dato' Sri Zohari bin Haji Akob yang merupakan Pengurus dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA dan Kumpulan yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan dengan kedudukan LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA dan Kumpulan pada 31 Disember 2016 dan hasil kendalian serta perubahan kedudukan kewangan LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA dan Kumpulan bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga




TAN SRI DR. IR. AHMAD TAJUDDIN BIN ALI  
Pengerusi,  
Lembaga Pembangunan  
Industri Pembinaan Malaysia

Tarikh: 7 OGOS 2017

Kuala Lumpur, Malaysia

Bagi pihak Lembaga



DATO' SRI ZOHARI BIN HAJI AKOB  
Ahli Lembaga Pengarah,  
Lembaga Pembangunan  
Industri Pembinaan Malaysia

Tarikh: 7 OGOS 2017

Kuala Lumpur, Malaysia

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB  
KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN  
LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA**

Saya, Dato' Ir. Ahmad 'Asri bin Abdul Hamid, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA dan Kumpulan yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya itu adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya )  
diakui oleh penama di atas di )  
Kuala Lumpur pada 07 AUG 2017 ) .....

**DATO' IR. AHMAD 'ASRI BIN ABDUL HAMID**  
Ketua Eksekutif,  
Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia

Di hadapan saya,

PESURUJAYA SUMPAH



No. 85, Tingkat: Bawoh  
Jalan Putra  
50350 Kuala Lumpur

## LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA

### PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2016

	Nota	Kumpulan		Lembaga		
		2016 RM	2015 RM	2016 RM	2015 RM	
<b>ASET</b>						
<b>Aset bukan semasa</b>						
Hartanah, loji dan peralatan	5	137,038,171	146,972,542	107,074,057	130,309,509	
Kerja dalam pembangunan	6	30,743,436	12,254,223	30,743,436	12,254,223	
Pelaburan dalam syarikat subsidiari	7	-	-	23,510,842	23,510,842	
Pelaburan dalam syarikat bersekutu	8	945,265	833,020	-	-	
Lain-lain pelaburan	9	961,350	4,370,433	-	-	
<b>Jumlah aset bukan semasa</b>		<b>169,688,222</b>	<b>164,430,218</b>	<b>161,328,335</b>	<b>166,074,574</b>	
<b>Aset semasa</b>						
Inventori	10	913,475	676,704	27,384	109,901	
Penghutang dagangan	11	25,482,197	28,366,829	23,172,372	23,762,144	
Lain-lain penghutang	12	23,046,825	13,845,064	20,519,869	9,732,147	
Jumlah ter hutang oleh syarikat subsidiari	13	-	-	618,940	-	
Jumlah ter hutang oleh syarikat sub-subsidiari	14	-	-	-	244,472	
Cukai baikpulih		1,336,195	537,915	230,140	328,125	
Pelaburan portfolio	15	225,998,991	142,725,118	219,000,000	136,000,000	
Deposit jangka pendek	16	432,001,494	478,919,440	419,500,000	448,200,000	
Tunai dan baki di bank		62,429,682	68,376,751	23,025,259	51,198,734	
<b>Jumlah aset semasa</b>		<b>771,208,859</b>	<b>733,447,821</b>	<b>706,093,964</b>	<b>669,575,523</b>	
<b>JUMLAH ASET</b>		<b>940,897,081</b>	<b>897,878,039</b>	<b>867,422,299</b>	<b>835,650,097</b>	
<b>EKUITI DAN LIABILITI</b>						
<b>EKUITI</b>						
Kumpulan wang terkumpul		832,999,601	782,986,317	783,907,061	749,750,287	
Kumpulan wang pinjaman kenderaan	17	2,000,000	3,500,000	2,000,000	3,500,000	
Kumpulan wang pinjaman pelajaran	18	1,500,000	-	1,500,000	-	
Kumpulan wang pinjaman komputer	19	1,000,000	1,000,000	1,000,000	1,000,000	
Geran projek sistem SAGA	20	-	48,569	-	48,569	
<b>Jumlah kumpulan wang</b>		<b>837,499,601</b>	<b>787,534,886</b>	<b>788,407,061</b>	<b>754,298,856</b>	
Kepentingan bukan kawalan		6,319,068	5,362,829	-	-	
<b>Jumlah ekuiti</b>		<b>843,818,669</b>	<b>792,897,715</b>	<b>788,407,061</b>	<b>754,298,856</b>	
<b>LIABILITI</b>						
<b>Liabiliti bukan semasa</b>						
Pinjaman bank	21	2,780,410	2,721,259	-	-	
Geran tertunda	22	11,774,007	21,784,772	-	-	
Liabiliti cukai tertunda	23	7,930,402	8,024,452	7,257,015	7,423,437	
Manfaat pekerja jangka panjang	24	3,546,421	3,705,094	3,546,421	3,705,094	
<b>Jumlah liabiliti bukan semasa</b>		<b>26,031,240</b>	<b>36,235,577</b>	<b>10,803,436</b>	<b>11,128,531</b>	

Nota-nota di muka surat 10 hingga 49 adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA**

**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2016 (SAMBUNGAN)**

	Nota	Kumpulan		Lembaga	
		2016 RM	2015 RM	2016 RM	2015 RM
<b>Liabiliti semasa</b>					
Pembiayaan dagangan	25	14,773,948	17,299,220	5,668,022	6,012,657
Lain-lain pembiayaan	26	54,435,251	49,033,535	45,585,786	40,326,690
Jumlah terhutang kepada syarikat subsidiari	13	-	-	6,871,168	2,778,984
Jumlah terhutang kepada syarikat sub-subsidiari	14	-	-	9,976,504	20,919,536
Jumlah terhutang kepada syarikat bersekutu	27	656,139	990,270	-	-
Pinjaman bank	21	1,037,284	800,678	-	-
Peruntukan cukai		34,228	436,201	-	-
Manfaat pekerja jangka pendek	24	110,322	184,843	110,322	184,843
<b>Jumlah liabiliti semasa</b>		<b>71,047,172</b>	<b>68,744,747</b>	<b>68,211,802</b>	<b>70,222,710</b>
<b>Jumlah liabiliti</b>		<b>97,078,412</b>	<b>104,980,324</b>	<b>79,015,238</b>	<b>81,351,241</b>
<b>JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI</b>		<b>940,897,081</b>	<b>897,878,039</b>	<b>867,422,299</b>	<b>835,650,097</b>

Nota-nota di muka surat 10 hingga 49 adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA**

**PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

	Nota	Kumpulan 2016 RM	Kumpulan 2015 RM	Lembaga 2016 RM	Lembaga 2015 RM
Pendapatan operasi	28	305,616,889	277,805,255	293,207,651	250,121,456
Perbelanjaan langsung	29	(120,386,754)	(131,142,528)	(153,015,513)	(143,426,687)
Pendapatan kasar		185,230,135	146,662,727	140,192,138	106,694,769
Lain-lain pendapatan	30	49,166,936	51,496,509	40,977,649	44,937,177
Perbelanjaan pengurusan	31	(27,916,500)	(24,528,278)	(19,138,350)	(16,210,721)
Lain-lain perbelanjaan operasi	32	(149,244,723)	(136,478,571)	(123,268,515)	(112,544,521)
Kos kewangan	33	(275,532)	(227,425)	-	-
Pendapatan bersih bagi tahun kewangan		56,960,316	36,924,962	38,762,922	22,876,704
Bahagian keuntungan daripada syarikat bersekutu		139,662	224,062	-	-
Pendapatan bersih sebelum cukai dan zakat		57,099,978	37,149,024	38,762,922	22,876,704
Percukalan	34	(4,650,493)	(6,830,280)	(4,045,563)	(4,553,132)
Zakat		(1,350,212)	(796,672)	(560,585)	(452,560)
Jumlah pendapatan bersih bagi tahun kewangan		51,099,273	29,522,072	34,156,774	17,871,012
Pendapatan komprehensif lain		-	-	-	-
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan		51,099,273	29,522,072	34,156,774	17,871,012
<b>Jumlah pendapatan komprehensif diagihkan kepada:</b>					
Pemilik Lembaga		50,143,034	28,500,947	34,156,774	17,871,012
Kepentingan bukan kawalan		956,239	1,021,125	-	-
		51,099,273	29,522,072	34,156,774	17,871,012

Nota-nota di muka surat 10 hingga 49 adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA**

**PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

<b>Kumpulan Wang</b>	<b>Kumpulan Wang</b>	<b>Kumpulan Pinjaman</b>	<b>Kumpulan Komputer</b>	<b>Geran Projek</b>	<b>Kumpulan Wang</b>	<b>Kepentingan Diaghikhan Kepada Pemilik</b>	<b>Jumlah Boleh n Bukan Kawalan</b>	<b>Jumlah Ekuiti</b>
<b>Kumpulan</b>	<b>Kumpulan Wang</b>	<b>Kumpulan Pinjaman</b>	<b>Kumpulan Kenderaan</b>	<b>Projek</b>	<b>Kumpulan Wang</b>	<b>Kepentingan Lembaga</b>	<b>Jumlah Boleh n Bukan Kawalan</b>	<b>Jumlah Ekuiti</b>
<b>Kumpulan</b>								
Pada 1 Januari 2015	3,500,000	-	-	-	97,136	755,060,825	759,663,832	4,341,704,764,005,536
Kesan menggunakan pakai MPERS	3	3,500,000	-	-	(5,871)	(385,205)	(391,076)	(391,076)
Dinyatakan semula								
Pelunasan geran								
Dividen dibayar kepada pemegang kepentingan bukan kawalan					(48,567)	-	(48,567)	(48,567)
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan								
Pada 31 Disember 2015	3,500,000	-	1,000,000	-	48,569	782,986,317	787,534,886	5,362,829,792,897,715
Pada 1 Januari 2016	3,500,000	-	1,000,000	-	48,569	782,986,317	787,534,886	5,362,829,792,897,715
Pelunasan geran					(48,569)	-	(48,569)	(48,569)
Dividen dibayar kepada pemegang kepentingan bukan kawalan						(129,750)	(129,750)	(129,750)
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan								
Pada 31 Disember 2016	2,000,000	1,500,000	1,000,000	-	-	50,143,034	50,143,034	956,239,51,099,273
						832,999,601	837,499,601	6,319,068,843,818,669

Nota-nota di muka surat 10 hingga 49 adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA**  
**PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUTI**  
**BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016 (SAMBUNGAN)**

Lembaga	Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan RM	Kumpulan Wang Pinjaman Pelajaran RM	Kumpulan Wang Pinjaman Komputer RM	Geran Projek Sistem SAGA RM	Kumpulan Wang Terkumpul RM	Jumlah Ekuiti RM
Pada 1 Januari 2015	3,500,000	-	1,000,000	97,136	731,879,275	736,476,411
Pelunasan geran	-	-	-	(48,567)	-	(48,567)
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan	-	-	-	-	17,871,012	17,871,012
<b>Pada 31 Disember 2015</b>	<b>3,500,000</b>	<b>-</b>	<b>1,000,000</b>	<b>48,569</b>	<b>749,750,287</b>	<b>754,298,856</b>
Pada 1 Januari 2016	3,500,000	-	1,000,000	48,569	749,750,287	754,298,856
Pelunasan geran	-	-	-	(48,569)	-	(48,569)
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan	(1,500,000)	1,500,000	-	-	34,156,774	34,156,774
<b>Pada 31 Disember 2016</b>	<b>2,000,000</b>	<b>1,500,000</b>	<b>1,000,000</b>	<b>-</b>	<b>783,907,061</b>	<b>788,407,061</b>

Nota-nota di muka surat 10 hingga 49 adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

-7-

## LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA

### PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

	Kumpulan		Lembaga	
	2016 RM	2015 RM	2016 RM	2015 RM
<b>Aliran Tunai Daripada Aktiviti Operasi</b>				
Pendapatan bersih sebelum cukai dan zakat	57,099,978	37,149,024	38,762,922	22,876,704
<b>Pelarasan bagi:</b>				
Bahagian keuntungan dalam syarikat bersekutu	(139,662)	(224,062)	-	-
Belanja faedah	209,534	186,786	-	-
Elaun peruntukan kerugian rosot nilai Hartanah, loji dan peralatan dihapuskira	1,552,440	807,742	1,533,240	729,482
Hibah daripada simpanan bank	99,004	4,828	99,004	4,828
Kerja dalam pembangunan dihapuskira	(162,968)	(111,095)	(159,901)	(108,677)
Keuntungan daripada pelupusan lain-lain pelaburan	7,898,417	-	7,898,417	-
Keuntungan daripada pelupusan harta tanah, loji dan peralatan	(5,477,617)	-	-	-
Pelunasan tanah	(272,761)	(19,598)	-	-
Pendapatan dividen	27,490	27,490	-	-
Pendapatan faedah daripada pinjaman komputer	(7,633,918)	(4,694,083)	(7,651,041)	(4,729,414)
Pendapatan faedah daripada pinjaman kenderaan	(14,708)	(19,081)	(14,708)	(19,081)
Pendapatan faedah daripada deposit tetap	(17,446,476)	(17,405,145)	(17,099,340)	(16,659,067)
Pendapatan dan pelunasan geran	(26,637,463)	(13,383,492)	(48,569)	(48,567)
Peruntukan belanja manfaat pekerja	(233,194)	3,889,937	(233,194)	3,889,937
Peruntukan rosot nilai muhibah	-	39,783	-	-
Susut nilai harta tanah, loji dan peralatan	33,608,168	34,811,188	28,730,359	32,310,715
Keuntungan daripada operasi sebelum perubahan modal kerja	<u>42,476,124</u>	<u>41,059,869</u>	<u>51,817,049</u>	<u>38,246,507</u>
<b>(Kurangan)/tambahan dalam modal kerja:</b>				
Inventori	(236,771)	(277,853)	82,517	45,644
Penghutang dagangan	1,332,192	4,992,180	(943,468)	5,730,176
Lain-lain penghutang	(9,201,761)	(5,684,943)	(10,787,722)	(4,067,427)
Jumlah terhutang oleh/(kepada) syarikat bersekutu	(334,131)	1,200,096	-	-
Pembiutang dagangan	(2,525,272)	7,394,690	(344,635)	4,004,511
Lain-lain pembiutang	5,413,008	13,215,238	5,259,096	12,856,681
Jumlah terhutang oleh/(kepada) syarikat subsidiari	-	-	4,092,184	(18,354,781)
Jumlah terhutang oleh/(kepada) syarikat sub subsidiari	-	-	(11,317,500)	4,795,643
Tunai diperoleh daripada aktiviti operasi	<u>(5,552,735)</u>	<u>20,839,408</u>	<u>(13,959,528)</u>	<u>5,010,447</u>
	<u>36,923,389</u>	<u>61,899,277</u>	<u>37,857,521</u>	<u>43,256,954</u>

Nota-nota di muka surat 10 hingga 49 adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

**LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA**

**PENYATA ALIRAN TUNAI  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016 (SAMBUNGAN)**

	Kumpulan		Lembaga	
	2016 RM	2015 RM	2016 RM	2015 RM
<b>Aliran Tunai Daripada Aktiviti Operasi (Sambungan)</b>				
Dividen diterima	7,366,331	4,426,496	7,651,041	4,729,414
Dividen di bayar kepada pemegang sub-subsidiari	(129,750)	(190,250)	-	-
Faedah diterima	17,461,324	17,424,579	17,114,188	16,678,501
Faedah dibayar	(203,470)	(180,967)	-	-
Hibah diterima	162,968	111,095	159,901	108,677
Cukai dibayar	(6,143,277)	(6,407,931)	(4,114,000)	(4,270,552)
Pulangan cukai diterima	225,898	17,102	-	-
Zakat dibayar	(1,355,272)	(687,634)	(560,585)	(452,560)
Tunai bersih diperoleh daripada aktiviti operasi	<u>54,308,141</u>	<u>76,411,767</u>	<u>58,108,066</u>	<u>60,050,434</u>
<b>Aliran Tunai Daripada Aktiviti Pelaburan</b>				
Kerja dalam pembangunan	(26,387,630)	330,235	(26,387,630)	330,235
Pembelian harta tanah, loji dan peralatan	(22,570,292)	(15,004,909)	(5,593,911)	(11,425,387)
Penerimaan daripada penjualan lain-lain pelaburan	8,886,700	-	-	-
Penerimaan daripada penjualan harta tanah, loji dan peralatan	274,130	20,308	-	-
Pembelian pelaburan portfolio	(83,012,350)	(38,000,000)	(83,000,000)	(38,000,000)
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan	<u>(122,809,442)</u>	<u>(52,654,366)</u>	<u>(114,981,541)</u>	<u>(49,095,152)</u>
<b>Aliran Tunai Daripada Aktiviti Pembiayaan</b>				
Geran diterima	16,578,129	5,069,623	-	-
Pembayaran balik pinjaman bank	(941,843)	(789,561)	-	-
Tunai bersih dihasilkan daripada aktiviti pembiayaan	<u>15,636,286</u>	<u>4,280,062</u>	-	-
<b>(Kurangan)/Lebihan dalam tunai dan kesetaraan tunai</b>				
<b>Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun kewangan</b>	(52,865,015)	28,037,463	(56,873,475)	10,955,282
<b>Tunai dan setaraan tunai pada akhir tahun kewangan</b>	<u>547,296,191</u>	<u>519,258,728</u>	<u>499,398,734</u>	<u>488,443,452</u>
<b>Analisa tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada:</b>				
Tunai dan baki di bank	62,429,682	68,376,751	23,025,259	51,198,734
Deposit jangka pendek	432,001,494	478,919,440	419,500,000	448,200,000
	<u>494,431,176</u>	<u>547,296,191</u>	<u>442,525,259</u>	<u>499,398,734</u>

Nota-nota di muka surat 10 hingga 49 adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

## **LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA**

### **NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016**

#### **1. Maklumat Am**

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM) telah ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia, 1994 (Akta 520) pada 1 Disember 1994 dengan tujuan membangunkan, mengembang, mendorong dan mempertingkatkan industri pembinaan.

Pejabat berdaftar Lembaga terletak di Tingkat 10, Menara Dato' Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra ("PWTC"), No.45, Jalan Tun Ismail, 50480 Kuala Lumpur.

#### **2. Dasar Perakaunan Penting**

##### **(a) Asas Perakaunan**

Pada tahun 2016, pihak Lembaga telah menggunakan piawaian perakaunan baru iaitu Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia ("MPERS"). Segala dasar-dasar dan polisi-polisi perakaunan Lembaga diubahsuai mengikut piawaian MPERS.

Penyata kewangan bagi Kumpulan dan Lembaga untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016 merupakan set pertama laporan kewangan yang disediakan berdasarkan MPERS dan Seksyen 35 "Peralihan kepada Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia" telah digunakan. Dalam tahun kewangan sebelumnya, penyata kewangan Kumpulan dan Lembaga disediakan menurut Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian ("PERS").

Kumpulan dan Lembaga telah menggunakan dasar perakaunan yang sama dalam pembukaan penyata kewangan MPERS pada 1 Januari 2015 (tarikh peralihan kepada MPERS) dan seluruh tahun kewangan yang dikemukakan, seolah-olah dasar-dasar ini sentiasa telah berkuatkuasa. Oleh itu, angka perbandingan dalam penyata kewangan ini telah dinyatakan semula untuk melaksanakan perubahan ini.

Kumpulan dan Lembaga juga telah menggunakan secara awal pindaan MPERS 2015 yang mana akan berkuatkuasa pada tempoh masa bermula pada atau selepas 1 Januari 2017. Penggunaan awal pindaan tersebut tidak memberi kesan signifikan ke atas penyata kewangan selain daripada pendedahan dan persembahan di dalam penyata kewangan.

## **LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA**

### **NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016 (SAMBUNGAN)**

#### **2. Dasar Perakaunan Penting (Sambungan)**

##### **(a) Asas Perakaunan (Sambungan)**

Penyata kewangan telah disediakan berdasarkan konvensyen kos sejarah kecuali dinyatakan sebaliknya di dalam dasar-dasar perakaunan yang penting.

Penyediaan penyata kewangan yang mematuhi MPERS memerlukan penggunaan anggaran perakaunan yang kritikal dan andaian yang mempengaruhi jumlah aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan. Ia juga memerlukan para Pengarah membuat pertimbangan mereka dalam proses mengguna pakai dasar-dasar perakaunan. Walaupun anggaran dan pertimbangan ini adalah berdasarkan pengetahuan terbaik para Pengarah tentang peristiwa dan tindakan semasa, keputusan sebenar mungkin berbeza. Bidang yang memerlukan tahap penilaian yang tinggi dan kompleks atau bidang di mana andaian dan anggaran adalah signifikan kepada penyata kewangan dinyatakan di Nota 3.

Penyata kewangan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia ("RM") di mana ia merupakan matawang fungsian bagi Kumpulan dan Lembaga dan semua nilai dibundarkan kepada RM yang terhampir kecuali jika dinyatakan sebaliknya.

##### **(b) Asas Penyatuan Perakaunan**

Penyata kewangan yang disatukan adalah termasuk penyata kewangan Lembaga dan syarikat subsidiarianya serta syarikat bersekutu melalui perakaunan ekuiti, yang disediakan sehingga akhir tahun kewangan.

##### **(i) Subsidiari**

Subsidiari merupakan entiti, termasuk entiti tujuan khas, dikawal oleh Kumpulan. Kumpulan mengawal entiti apabila Kumpulan mempunyai kuasa untuk mengawal polisi-polisi kewangan dan operasi suatu entiti tersebut dan juga mendapat faedah daripada aktiviti-aktivitiinya.

Subsidiari disatukan bermula dari tarikh kawalan dipindahkan kepada Kumpulan. Ia akan dipisahkan pada tarikh kawalan terbatal.

Penyatuan perniagaan disediakan dengan menggunakan kaedah perolehan pada tarikh perolehan. Kos penyatuan perniagaan adalah termasuk nilai saksama aset-aset yang diberi, tanggungan liabiliti dan instrument ekuiti yang diterbitkan oleh pemeroleh sebagai tukaran untuk kawalan ke atas entiti yang diperoleh, tambah dengan kos-kos yang terlibat dalam penyatuan perniagaan tersebut.

## **LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA**

### **NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBEN 2016 (SAMBUNGAN)**

#### **2. Dasar Perakaunan Penting (Sambungan)**

##### **(b) Asas Penyatuan Perakaunan (Sambungan)**

###### **(i) Subsidiari (Sambungan)**

Jika kos penyatuan perniagaan melebihi nilai saksama bersih aset-aset, liabiliti dan liabiliti kontingen yang dikenalpasti, ianya akan diiktiraf sebagai muhibah. Jika lebihan adalah negatif, ianya akan terus diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif.

Transaksi antara syarikat, baki bagi penyata pendapatan komprehensif dan rugi tidak direalisasi daripada urusniaga antara syarikat-syarikat subsidiari dalam Kumpulan akan dihapuskan. Dasar perakaunan syarikat-syarikat subsidiari telah diselaraskan di mana perlu bagi memastikan keseragaman dengan dasar yang diterima pakai oleh Kumpulan.

Transaksi dengan kepentingan bukan kawalan yang tidak mengakibatkan kehilangan kawalan diambilkira sebagai transaksi ekuiti. Apa-apa perbezaan di antara nilai saksama sebarang pertimbangan yang dibayar dan bahagian berkaitan yang diperolehi bagi nilai bawaan aset bersih syarikat subsidiari yang direkodkan dalam ekuiti. Keuntungan atau kerugian daripada pelupusan kepentingan bukan kawalan juga direkodkan dalam ekuiti.

Apabila Kumpulan tidak lagi mengawal syarikat subsidiari, perbezaan di antara perolehan daripada pelupusan syarikat subsidiari dan jumlah yang dibawa pada tarikh kawalan hilang akan diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif sebagai untung atau rugi atas pelupusan syarikat subsidiari. Baki dibawa untuk mana-mana kepentingan ekuiti dalam bekas syarikat subsidiari pada tarikh hilang kawalan dianggap sebagai kos pada pengiktirafan awal bagi perakaunan berikutnya sebagai instrumen kewangan, pelaburan dalam syarikat bersekutu atau usaha sama bergantung kepada tahap pengaruh yang dikekalkan.

###### **(ii) Syarikat Bersekutu**

Syarikat bersekutu adalah entiti di mana Kumpulan mempunyai pengaruh signifikan tetapi bukan kawalan, ke atas dasar kewangan dan operasi.

Pelaburan dalam syarikat bersekutu diambilkira dalam penyata kewangan yang disatukan menggunakan kaedah perakaunan ekuiti. Di bawah kaedah ekuiti, pelaburan pada mulanya diiktiraf pada harga transaksi ditambahkan kos transaksi dan diselaraskan selepas itu untuk mencerminkan pegangan Kumpulan dalam keuntungan selepas pengambilalihan atau kerugian dan pendapatan komprehensif lain dan perubahan dalam aset bersih lain melalui ekuiti syarikat bersekutu sehingga tarikh pengaruh signifikan tersebut tamat.

## **LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA**

### **NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBUNGAN (SAMBUNGAN)**

#### **2. Dasar Perakaunan Penting (Sambungan)**

##### **(b) Asas Penyatuan Perakaunan (Sambungan)**

###### **(i) Syarikat Bersekutu (Sambungan)**

Keuntungan dan kerugian yang terhasil daripada urusniaga huluan dan hiliran di antara Kumpulan dan syarikat bersekutu diiktiraf dalam penyata kewangan Kumpulan hanya setakat kepentingan Kumpulan yang tidak berkaitan dalam syarikat bersekutu. Kerugian tidak direalisasi dihapuskan melainkan transaksi tersebut menunjukkan bukti pengurangan nilai aset yang dipindahkan. Dasar-dasar perakaunan syarikat-syarikat bersekutu telah diubah di mana perlu bagi memastikan keseragaman dengan dasar yang diterima pakai oleh Kumpulan.

Apabila kerugian yang dikongsikan oleh Kumpulan dalam syarikat bersekutu adalah sama atau melebihi kepentingannya dalam syarikat bersekutu, Kumpulan tidak mengiktiraf kerugian selanjutnya, melainkan ia telah menanggung obligasi perundangan atau konstruktif atau membuat pembayaran bagi pihak syarikat bersekutu.

Apabila Kumpulan tidak lagi mempunyai pengaruh signifikan ke atas syarikat bersekutu, apa-apa kepentingan yang tinggal di dalam bekas syarikat bersekutu pada tarikh pengaruh signifikan hilang diukur pada nilai saksama dan jumlah ini dianggap sebagai amaun awal bawaan aset kewangan. Perbezaan di antara nilai saksama sebarang pengekalan kepentingan tambah hasil daripada kepentingan yang dilupuskan dan nilai dibawa pelaburan pada tarikh kepentingan ekuiti dihentikan adalah diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif.

##### **(c) Pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari**

Dalam penyata kewangan berasingan Lembaga, pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari dinyatakan pada kos tolak kerugian rosot nilai terkumpul. Semasa pelupusan pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari, perbezaan di antara hasil pelupusan dan amaun dibawa pelaburan diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif.

##### **(d) Pelaburan dalam syarikat bersekutu**

Dalam penyata kewangan berasingan Lembaga, pelaburan dalam syarikat bersekutu dinyatakan pada kos tolak kerugian rosot nilai terkumpul. Semasa pelupusan pelaburan dalam syarikat subsidiari, perbezaan di antara hasil pelupusan dan amaun dibawa pelaburan diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif.

## **LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA**

### **NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016 (SAMBUNGAN)**

#### **2. Dasar Perakaunan Penting (Sambungan)**

##### **(e) Muhibah**

Muhibah pada asasnya diukur berdasarkan perbezaan antara kos penggabungan dan bahagian aset bersih yang diperoleh. Muhibah kemudiannya diukur pada kos tolak pelunasan terkumpul dan kerugian rosot nilai. Pelunasan muhibah adalah berdasarkan jangka hayat 10 tahun.

##### **(f) Lain-lain pelaburan**

Lain-lain pelaburan merupakan pelaburan jangka panjang dalam saham tidak tersiar harga. Lain-lain pelaburan dinyatakan pada kos tolak kerugian rosot nilai terkumpul. Semasa pelupusan lain-lain pelaburan, perbezaan di antara hasil pelupusan dan amaun dibawa pelaburan diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif.

##### **(g) Pelaburan portfolio**

Pelaburan portfolio merupakan pelaburan jangka pendek yang diuruskan oleh pengurusan dana. Pelaburan portfolio diukur pada nilai saksama melalui penyata pendapatan komprehensif jika Lembaga melabur dalam saham tersiar harga atau nilai saksama saham tersebut boleh diukur dengan sewajarnya. Lain-lain pelaburan dinyatakan pada kos tolak kerugian rosot nilai terkumpul. Semasa pelupusan pelaburan portfolio, perbezaan di antara hasil pelupusan dan amaun dibawa pelaburan diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif.

##### **(h) Hartanah, loji dan peralatan**

##### **(i) Pengiktirafan dan pengukuran**

Semua hartaanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul. Kos untuk sesuatu hartaanah, loji dan peralatan diiktiraf pada mulanya termasuk harga pembelian dan sebarang kos yang berkaitan secara langsung untuk membawa aset kepada lokasi dan keadaan yang diperlukan untuk lanya beroperasi dengan cara yang dicadangkan oleh pihak pengurusan.

Kos tambahan akan dimasukkan dalam jumlah pembawa aset atau diiktiraf sebagai aset berasingan, mengikut kesesuaian, hanya apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan yang berkaitan dengan aset tersebut akan mengalir kepada Kumpulan dan kos aset tersebut boleh diukur dengan pasti. Nilai dibawa bagi bahagian yang digantikan akan tidak diiktiraf. Semua pembaikan dan penyelenggaraan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan komprehensif dalam tempoh kewangan di mana lanya terjadi.

## **LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA**

### **NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBUNGAN (SAMBUNGAN)**

#### **2. Dasar Perakaunan Penting (Sambungan)**

##### **(h) Hartanah, loji dan peralatan (Sambungan)**

###### **(i) Pengiktirafan dan pengukuran (Sambungan)**

Apabila bahagian penting sesuatu harta tanah, loji dan peralatan mempunyai jangka hayat bagi yang berbeza, ia diambil kira sebagai item berasingan (komponen utama) harta tanah, loji dan peralatan.

Keuntungan dan kerugian atas pelupusan ditentukan dengan membandingkan perolehan daripada pelupusan dengan amaun dibawa bagi harta tanah, loji dan kelengkapan dan diiktiraf secara bersih dalam penyata pendapatan komprehensif.

###### **(ii) Susut nilai dan kerugian rosot nilai**

Tanah milik bebas tidak disusut nilai. Manakala tanah milik pajak disusut nilai berdasarkan tempoh pajakan. Hartanah, loji dan peralatan lain disusut nilai berdasarkan kaedah garis lurus untuk memperuntukkan kos yang kurang nilai sisa sepanjang anggaran jangka hayat adalah seperti berikut:

Tanah pajakan	Berasaskan pajakan	tempoh
Bangunan dan ubah suai		2 hingga 10 tahun
Kenderaan dan jentera		5 tahun
Perabot dan lekapan		5 tahun
Kelengkapan pejabat dan mesin peralatan		5 tahun
Komputer		5 tahun

Jika terdapat tanda-tanda bahawa ada perubahan yang signifikan sejak tarikh laporan sebelumnya dalam corak yang mana Kumpulan menjangkakan untuk mengambil manfaat ekonomi masa hadapan aset tersebut, Kumpulan akan mengkaji semula anggaran semasa. Jika jangka semasa berbeza, Kumpulan akan meminda nilai sisa, kaedah pelunasan atau hayat untuk mencerminkan corak baru untuk mengambil manfaat ekonomi aset masa depan.

###### **(i) Kerja Dalam Pembangunan**

Kerja dalam pembangunan mewakili kerja pembinaan atau pembangunan yang sedang dilaksanakan dan dijangkakan siap sepenuhnya dalam tempoh kiteran yang biasa. Kerja dalam pembangunan dinyatakan pada kos dan bayaran kemajuan. Kos termasuk kos tanah dan lain-lain belanja langsung serta belanja overhead.

## **LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA**

### **NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016 (SAMBUNGAN)**

#### **2. Dasar Perakaunan Penting (Sambungan)**

##### **(i) Inventori**

Inventori dinyatakan pada nilai terendah di antara kos dan nilai realisasi bersih. Kos dinilai berdasarkan kaedahimbangan purata selepas ditolak peruntukan kerugian rosot nilai. Kumpulan menggunakan kaedah masuk dahulu keluar dahulu bagi pengurusan inventorinya.

##### **(k) Kos Kewangan**

Kos kewangan diiktiraf di dalam penyata pendapatan komprehensif dalam tempoh di mana kos kewangan tersebut ditanggung.

##### **(l) Instrumen Kewangan**

###### **(i) Pengiktirafan awal**

Instrumen kewangan adalah sebarang kontrak yang menimbulkan aset kewangan bagi satu entiti dan instrumen kewangan liabiliti atau ekuiti bagi entiti yang lain. Instrumen kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Kumpulan telah menjadi satu pihak kepada peruntukan kontrak instrumen tersebut.

Pada pengiktirafan permulaan, semua instrumen kewangan diiktiraf pada harga transaksi, termasuk kos urus niaga jika instrumen kewangan tersebut tidak diukur pada nilai saksama melalui penyata pendapatan komprehensif. Bagi instrumen kewangan yang diukur pada nilai saksama melalui penyata pendapatan komprehensif, kos urusniaga dicajkan kepada penyata pendapatan komprehensif apabila ia berlaku. Bagi instrumen kewangan yang membentuk transaksi pembiayaan, instrumen kewangan itu diukur pada nilai terkini seperti pembayaran masa akan datang yang didiskaunkan pada kadar pasaran bagi faedah untuk instrumen hutang yang sama.

###### **(ii) Pengukuran berikutnya**

###### Keuntungan dan kerugian

Instrumen hutang yang memenuhi syarat-syarat berikut diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif:

- (a) pulangan kepada pemegang adalah tetap atau boleh ditentukan;
- (b) tidak ada peruntukan kontrak yang boleh menyebabkan pemegang kehilangan jumlah pokok atau apa-apa faedah kepada tempoh semasa atau terdahulu; dan
- (c) pilihan bayaran pendahuluan, jika ada, tidak bergantung pada peristiwa masa depan.

## **LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA**

### **NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBEN 2016 (SAMBUNGAN)**

#### **2. Dasar Perakaunan Penting (Sambungan)**

##### **(i) Instrumen kewangan (Sambungan)**

##### **(ii) Pengukuran berikutnya (Sambungan)**

Pelaburan dalam saham biasa yang tiada syarat, dan pelaburan dalam saham tidak boleh tukar dan saham keutamaan yang tiada syarat boleh diukur pada kos tolak rosot nilai, melainkan jika saham yang diniagakan secara awam atau nilai saksama boleh diukur dengan pasti, di mana pelaburan diukur pada nilai saksama dengan perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif. Semua aset kewangan atau liabiliti kewangan yang tidak dinilaikan pada kos yang dilunaskan atau kos tolak rosot nilai akan dinilai pada nilai saksama dengan perubahan diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif.

##### **Kemerosotan aset kewangan**

Selain daripada aset kewangan yang diukur pada nilai saksama melalui penyata pendapatan komprehensif, semua aset kewangan lain adalah tertakluk kepada semakan rosot nilai. Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Kumpulan akan memeriksa sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan telah menunjukkan satu atau lebih peristiwa yang mempunyai kesan negatif ke atas anggaran aliran tunai masa hadapan aset tersebut. Kerugian kemerosotan nilai diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif apabila ia berlaku.

Kerugian rosot nilai bagi instrumen yang diukur pada kos yang dilunaskan dinilai daripada perbezaan di antara amaun aset yang dibawa dan nilai semasa anggaran aliran tunai masa hadapan didiskaunkan pada kadar faedah efektif asal aset. Jumlah aset yang dibawa dikurangkan melalui penggunaan akaun peruntukan. Kerugian kemerosotan berkaitan dengan instrumen ekuiti tidak disebut harga yang dinyatakan pada kos tolak rosot nilai diukur sebagai perbezaan di antara amaun aset kewangan yang dibawa dan anggaran terbaik daripada jumlah yang akan diterima oleh entiti bagi aset tersebut jika ia dijual pada tarikh pelaporan.

Jika, dalam tempoh berikutnya, jumlah kerugian rosot nilai berkurangan dan pengurangan tersebut boleh dikaitkan secara objektif kepada peristiwa yang berlaku selepas kerugian rosot nilai diiktiraf dalam untung atau rugi, kerugian rosot nilai dibalikkan, sehingga ke tahap di mana amaun aset yang dibawa tidak melebihi amaun dibawa jika penjejasan nilai tidak diiktiraf pada tarikh penjejasan nilai diterbalikkan. Amaun pembalikan diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif.

## **LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA**

### **NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBEN 2016 (SAMBUNGAN)**

#### **2. Dasar Perakaunan Penting (Sambungan)**

##### **(l) Instrumen kewangan (Sambungan)**

###### **(iii) Penyahiktirafan instrumen kewangan**

Aset kewangan dinyahiktirafkan apabila hak untuk menerima aliran tunai daripada pelaburan telah tamat tempoh atau telah dipindahkan dan Kumpulan telah memindahkan sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan.

Liabiliti kewangan dinyahiktirafkan apabila ia dipadamkan, laju apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak dilepaskan, dibatalkan atau tamat tempoh. Satu pengubahsuai yang besar dalam tempoh liabiliti kewangan yang sedia ada dianggap sebagai penghapusan liabiliti kewangan asal dan pengiktirafan liabiliti kewangan baru. Sebarang perbezaan di antara nilai liabiliti kewangan yang dibawa dihapuskan atau dipindahkan kepada pihak lain dan cukup dibayar, termasuk sebarang aset bukan tunai yang dipindahkan atau liabiliti yang ditanggung, diliktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif.

##### **(m) Geran kerajaan**

Geran kerajaan diliktiraf seperti berikut:

- (i) Geran yang tidak mengenakan syarat-syarat prestasi masa hadapan yang tertentu kepada penerima diliktiraf dalam pendapatan apabila hasil geran akan diterima.
- (ii) Geran yang mengenakan syarat prestasi masa depan yang tertentu kepada penerima diliktiraf dalam pendapatan hanya apabila syarat prestasi dipenuhi.
- (iii) Bantuan yang diterima sebelum kriteria pengiktirafan hasil terjadi diliktiraf sebagai liabiliti.

Geran kerajaan diukur pada nilai saksama aset yang diterima atau boleh diterima.

##### **(n) Tunai dan Kesetaraan Tunai**

Tunai dan kesetaraan tunai termasuk wang tunai dan baki di bank, overdraf, deposit tetap serta pelaburan jangka pendek yang mempunyai kecairan tinggi dan risiko perurusan nilai yang rendah semasa pertukaran ke bentuk tunai. Bagi tujuan penyata aliran tunai, tunai dan kesetaraan tunai dibentangkan selepas ditolak deposit yang dicagarkan.

## **LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA**

### **NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016 (SAMBUNGAN)**

#### **2. Dasar Perakaunan Penting (Sambungan)**

##### **(o) Pajakan Kewangan**

Pajakan hartanah, loji dan peralatan di mana Kumpulan mempunyai sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan dikelaskan sebagai pajakan kewangan. Pajakan kewangan dipermodalkan pada permulaan pajakan pada nilai terendah antara nilai saksama hartanah yang dipajak dan nilai semasa bayaran pajakan minimum.

Setiap bayaran pajakan diperuntukkan di antara liabiliti dan caj kewangan untuk mencapai kadar faedah yang tetap ke atas baki liabiliti. Obligasi sewa berkaitan, selepas ditolak caj kewangan, dimasukkan dalam pembiutang jangka panjang lain. Elemen faedah daripada kos kewangan dicajkan kepada penyata pendapatan komprehensif sepanjang tempoh pajakan untuk menghasilkan kadar faedah berkala yang tetap atas baki tanggungan untuk setiap tempoh. Hartanah, loji dan peralatan yang dibeli menggunakan pajakan kewangan akan disusut nilai pada jangka hayat aset yang lebih pendek dan tempoh pajakan.

Kos langsung awal yang ditanggung oleh Kumpulan dalam rundingan dan penyusunan pajakan kewangan akan ditambah kepada nilai aset pajakan yang dibawa dan akan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan komprehensif sepanjang tempoh pajakan pada asas yang sama sebagai perbelanjaan pajakan.

##### **(p) Peruntukan liabiliti**

Peruntukan tanggungan diiktiraf apabila Kumpulan mempunyai kewajipan kini hasil daripada peristiwa lampau dan adalah berkemungkinan aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi diperlukan untuk menyelesaikan kewajipan tersebut dan anggaran yang munasabah boleh dibuat bagi jumlah tersebut. Peruntukan akan dikaji semula pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan dan diselaraskan untuk menggambarkan anggaran semasa yang terbaik. Di mana kesan nilai masa wang adalah ketara, jumlah peruntukan adalah nilai kini perbelanjaan yang dijangka perlu untuk menjelaskan kewajipan tersebut.

##### **(q) Cukai**

Perbelanjaan cukai pendapatan bagi tempoh semasa merangkumi cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif atau rugi, kecuali setakat mana ia berkaitan dengan perkara yang diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain atau secara langsung dalam ekuiti. Dalam kes ini cukai juga diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain atau secara langsung dalam ekuiti.

## **LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA**

### **NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBEN 2016 (SAMBUNGAN)**

#### **2. Dasar Perakaunan Penting (Sambungan)**

##### **(g) Cukai (Sambungan)**

Cukai semasa adalah cukai yang perlu dibayar yang dijangka atau boleh diterima ke atas pendapatan atau kerugian cukai bagi tahun semasa, dengan menggunakan kadar cukai yang telah digubal atau digubal sebahagian besarnya pada akhir tempoh laporan, dan sebarang pelarasaran kepada cukai yang perlu dibayar bagi tahun-tahun kewangan sebelumnya.

Cukai tertunda diiktiraf menggunakan kaedah liabiliti, ke atas perbezaan sementara yang timbul antara amaun aset dan liabiliti untuk tujuan cukai dan nilai dibawa dalam penyata kewangan. Walau bagaimanapun, cukai tertunda tidak diambil kira jika ia timbul daripada pengiktirafan awal sesuatu aset atau liabiliti dalam urusniaga selain daripada kombinasi pernilagan dan pada masa yang sama urusniaga tersebut tidak menjelaskan keuntungan perakaunan atau keuntungan atau kerugian boleh cukai. Cukai tertunda ditentukan menggunakan kadar cukai yang telah digubal atau digubal sebahagian besarnya pada akhir tempoh pelaporan dan dijangka akan digunakan apabila aset cukai tertunda yang berkaitan direalisasikan atau liabiliti cukai tertunda diselesaikan.

Aset cukai tertunda diiktiraf setakat mana terdapat kemungkinan bahawa keuntungan boleh dikenakan cukai akan tersedia terhadap untuk perbezaan sementara boleh ditoik, kerugian cukai yang tidak digunakan atau kredit cukai belum digunakan.

Cukai tertunda, aset cukai pendapatan dan liabiliti akan dilimbangi apabila terdapat hak yang boleh dikuatkuasakan untuk mengimbangi aset cukai semasa dengan liabiliti cukai semasa dan apabila aset dan liabiliti cukai pendapatan tertunda berkait dengan cukai yang dikenakan oleh pihak berkuasa cukai yang sama di antara kedua-dua entiti boleh cukai atau entiti berbeza boleh cukai di mana terdapat tujuan untuk menyelesaikan baki pada asas bersih.

##### **(h) Pengiktirafan pendapatan**

##### **(i) Geran Kerajaan**

Geran pemberian kerajaan berkaitan aset terbit bila mana kerajaan memberi anugerah bantuan geran bagi membolehkan Lembaga memperoleh, memiliki atau membina sesuatu aset jangka panjang. Geran ini kemudiannya dilunaskan ke penyata pendapatan komprehensif mengikut jangka hayat aset berkenaan seperti mana caj susut nilai yang dikenakan ke atas aset berkenaan.

## **LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA**

### **NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBEN 2016 (SAMBUNGAN)**

#### **2. Dasar Perakaunan Penting (Sambungan)**

(i) Pengiktirafan pendapatan (Sambungan)

(ii) Pendapatan Faedah atas Deposit Tetap

Pendapatan faedah atas deposit tetap dari institusi kewangan berlesen diiktiraf pada asas akruan.

(iii) Pendaftaran dan Akreditasi

Pendaftaran kontraktor merupakan yuran pendaftaran yang dikenakan kepada kontraktor yang ingin berdaftar. Yuran kursus diiktiraf di penyata pendapatan komprehensif dalam tempoh perakaunan di mana iaanya berlaku.

(iv) Yuran kursus

Yuran kursus merupakan hasil daripada kursus-kursus yang ditawarkan oleh Lembaga kepada pihak kontraktor samaada berdaftar dengan LPIP atau tidak. Kursus yang dijalankan juga adalah kursus kontraktor, personel binaan, Bisnes/Ekonomi, Antarabangsa, Teknologi, Safety, Health, Environment, Quality (SHEQ) dan lain-lain Kursus. Yuran kursus diiktiraf di penyata pendapatan komprehensif dalam tempoh perakaunan di mana iaanya berlaku.

(v) Levi Kontrak

Levi kontrak merupakan levi yang dikenakan kepada kontraktor yang mempunyai projek baru. Kadar yang dikenakan adalah sebanyak 0.125% daripada jumlah kontrak pembinaan yang dianugerahkan kepada kontraktor tersebut.

(vi) Pengurusan projek dan perkhidmatan

Pendapatan daripada pengurusan projek dan perkhidmatan diiktiraf dalam tempoh perakaunan di mana pengurusan projek dan perkhidmatan tersebut berlaku.

(s) Liabiliti luar jangka

Di mana tiada kemungkinan aliran keluar faedah ekonomi akan diperlukan, atau jumlah tidak boleh dianggarkan dengan pasti, liabiliti luar jangka tidak diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan dan didehdahkan sebagai liabiliti luar jangka, melainkan kebarangkalian aliran keluar manfaat ekonomi adalah tipis. Kewujudan liabiliti akan hanya disahkan berdasarkan kejadian atau tidak akan terjadinya satu atau lebih peristiwa masa depan, juga dinyatakan sebagai liabiliti luar jangka kecuali kemungkinan aliran keluar faedah ekonomi adalah tipis.

## **LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA**

### **NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016 (SAMBUNGAN)**

#### **2. Dasar Perakaunan Penting (Sambungan)**

##### **(i) Aset luar jangka**

Apabila aliran masuk manfaat ekonomi aset berkemungkinan di mana ia timbul daripada peristiwa lepas dan di mana kewujudannya akan disahkan hanya oleh kejadian atau tidak terjadinya satu atau lebih peristiwa masa depan yang tidak secara keseluruhannya dalam kawalan entiti, aset tidak akan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan tetapi akan dinyatakan sebagai aset luar jangka. Apabila aliran masuk manfaat ekonomi pasti, maka aset berkaitan diiktiraf.

##### **(ii) Matawang asing**

###### **(i) Fungsian dan persembahan mata wang**

Transaksi yang dimasukkan dalam penyata kewangan setiap entiti Kumpulan diukur menggunakan mata wang persekitaran ekonomi utama di mana entiti tersebut beroperasi ("fungsi matawang asing"). Penyata kewangan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia ("RM"), yang merupakan fungsi matawang asing dan pembentangan Lembaga.

###### **(ii) Transaksi dan baki**

Urus niaga mata wang asing diterjemahkan kepada mata wang fungsian menggunakan kadar pertukaran yang berkuatkuasa pada tarikh urusniaga atau penilaian di mana barang-barang yang diukur semula. Untung dan rugi pertukaran asing yang berpunca daripada penyelesaian sesuatu transaksi dan daripada terjemahan kadar pertukaran aset dan liabiliti kewangan pada akhir tahun dalam mata wang asing diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif.

Aset dan liabiliti bukan kewangan yang direkod dalam matawang asing tidak diterjemahkan semula pada akhir tarikh laporan ini, kecuali yang diukur pada nilai saksama ditukarkan semula kepada mata wang fungsian pada kadar pertukaran pada tarikh nilai saksama ditentukan.

##### **(v) Manfaat Pekerja**

###### **(i) Manfaat Jangka Pendek**

Upah, gaji, bonus dan caruman keselamatan sosial adalah diiktiraf sebagai perbelanjaan pada tahun di mana khidmat berkaitan diberi oleh kakitangan Kumpulan. Ketidakhadiran berganjuran terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar adalah diambilkira apabila khidmat yang diberi oleh kakitangan meningkatkan kelayakan mereka kepada ketidakhadiran berganjuran akan datang. Ketidakhadiran berganjuran yang tidak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit, adalah diambilkira apabila ketidakhadiran tersebut terjadi.

## **LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA**

### **NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBWER 2016 (SAMBUNGAN)**

#### **2. Dasar Perakaunan Penting (Sambungan)**

##### (V) Manfaat Pekerja (Sambungan)

###### (ii) Pelan caruman wajib

Seperti yang dikehendaki oleh undang-undang, Kerajaan/syarikat di Malaysia membuat caruman kepada skim pencegah negara, iaitu Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP"). Caruman ini diiktiraf sebagai perbelanjaan di dalam penyata pendapatan di dalam tempoh masa yang berkaitan dengannya. Bagi kakitangan kerajaan yang dipinjamkan kepada Kumpulan dan Lembaga, pelan caruman wajib adalah di bawah skim pencegah Kumpulan Wang Amanah Persaraan.

###### (iii) Manfaat Jangka Panjang

- a) Lembaga menerima pakai MPERS Seksyen 28 – *Employee Benefits*, yang memerlukan bayaran manfaat pekerja yang dibayar selepas persaraan diiktiraf secara akruan dalam penyata pendapatan komprehensif tahun semasa sebagai Perbelanjaan Manfaat Pekerja dan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan sebagai liabiliti yang dikenali sebagai Manfaat Pekerja Jangka Panjang.
- b) Jenis manfaat pekerja jangka panjang yang diiktiraf secara akruan adalah bayaran gantian cuti rehat. Pengiraan amaun manfaat pekerja ini adalah berdasarkan bilangan cuti terkumpul sebenar dan kadar gaji serta elauan yang layak pada tahun kewangan.

#### **3. Penjelasan Peralihan kepada MPERS**

##### **Asas Penyediaan**

Lembaga telah menerima pakai Rangka Kerja MPERS sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016. Oleh itu, ini adalah penyata kewangan pertama Kumpulan dan Lembaga yang disediakan menurut MPERS. Dasar perakaunan yang dinyatakan dalam Nota 2 kepada penyata kewangan telah digunakan dalam penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan Lembaga bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016, dan juga maklumat perbandingan yang dibentangkan dalam penyata kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015.

Lembaga telah membuat pelarasan terhadap jumlah yang dilaporkan sebelum ini dalam penyata kewangan yang telah disediakan mengikut Rangka Kerja PERS. Dalam menyediakan baki awal penyata kedudukan kewangan pada 1 Januari 2015, penjelasan mengenai kesan yang timbul daripada peralihan dari PERS kepada MPERS ke atas kedudukan kewangan Kumpulan dan Lembaga, prestasi kewangan dan aliran tunai dinyatakan seperti berikut:

**LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA**

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN  
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBEN 2016 (SAMBUNGAN)**

**3. Penjelasan Peralihan kepada MPERS (Sambungan)**

Pelarasan Kumpulan Wang Terkumpul

Nota	Kumpulan	
	31.12.2015 RM	01.01.2015 RM
Jumlah yang dilaporkan di bawah PERS	777,519,569	755,060,825
Pelupusan muhibah	(430,377)	(471,392)
Pelarasan pelunasan muhibah	40,659	41,015
Pelupusan rizab atas penyatuan	5,389	5,871
Pelarasan pelunasan rizab atas penyatuan	(482)	(482)
Pelarasan geran berkaitan aset	6,444,331	-
Pelarasan kepentingan bukan kawalan	(592,772)	39,783
Kesan menggunakan MPERS	5,466,748	(385,205)
Jumlah yang dilaporkan di bawah MPERS	<u>782,986,317</u>	<u>754,675,620</u>

Pelarasan Jumlah pendapatan/(perbelanjaan) komprehensif

Nota	Kumpulan	
	31.12.2015 RM	01.01.2015 RM
Jumlah yang dilaporkan di bawah PERS	23,077,347	(13,526,654)
Pelarasan pelunasan muhibah	876	-
Pelarasan pelunasan rizab atas penyatuan	(482)	-
Pelarasan geran berkaitan aset	6,444,331	-
Kesan menggunakan MPERS	6,444,725	-
Jumlah yang dilaporkan di bawah MPERS	<u>29,522,072</u>	<u>(13,526,654)</u>

- (a) Pada tahun kewangan lepas, Muhibah telah dilunaskan di dalam penyata pendapatan komprehensif pada kadar 4% setahun. Setelah MPERS digunakan, piawaian ini menjelaskan bahawa pelunasan perlu dibuat berdasarkan jangka hayat tidak melebihi 10 tahun.
- (b) Jika kos penyatuan perniagaan kurang daripada nilai saksama bersih aset-aset, liabiliti dan liabiliti kontingen yang dikenalpasti (muhibah negatif), lanya akan terus diliktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif.
- (c) Pada tahun kewangan lepas, geran berkaitan aset diambilkira sebagai pendapatan berdasarkan pelunasan ke atas jangka hayat sesuatu aset. Setelah MPERS digunakan, semua geran berkaitan aset diambilkira sepenuhnya sebagai pendapatan pada tarikh geran tersebut diterima.

## **LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA**

### **NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016 (SAMBUNGAN)**

#### **4. Penilaian dan Anggaran Perakaunan Yang Signifikan**

Penyediaan penyata kewangan memerlukan Lembaga Pengarah membuat penilaian, anggaran dan andalan yang mempengaruhi amaun aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan yang dilaporkan dan pendedahan aset luarjangka dan liabiliti, di mana berkenaan. Di samping itu, Lembaga Pengarah juga perlu membuat pertimbangan dalam proses mengguna pakal dasar perakaunan. Walaupun anggaran dan andalan ini berdasarkan kepada pengetahuan terbaik Lembaga Pengarah tentang peristiwa-peristiwa dan tindakan, keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran tersebut.

Anggaran dan pertimbangan dinilai secara berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan pengalaman sejarah dan faktor-faktor lain, termasuk jangkaan peristiwa masa hadapan yang dipercayai munasabah dalam keadaan. Anggaran dan pertimbangan yang memberi kesan kepada aplikasi polisi-polisi perakaunan kepada Kumpulan dan Lembaga dan pendedahan, dan mempunyai risiko yang boleh menyebabkan pelarasan ketara kepada penyata kewangan adalah seperti berikut:

##### **(a) Susut Nilai Hartanah, Loji dan Peralatan**

Kos harta tanah, loji dan peralatan disusut nilai atas dasar garisan lurus sepanjang jangka hayat aset tersebut. Perubahan dalam tahap penggunaan yang dijangka boleh memberi kesan kepada jangka hayat ekonomi dan nilai baki aset tersebut, maka caj susut nilai masa depan boleh disemak semula.

Kumpulan dan Lembaga menjangkakan bahawa nilai baki harta tanah, loji dan peralatan mereka akan menjadi tidak begitu ketara. Hasilnya, nilai sisa tidak diambil kira bagi pengiraan amaun susut nilai.

##### **(b) Cukai Pendapatan**

